



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3977]

USUL-USUL:

Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan (Bil. DR. 2 Tahun 1984)
[Ruangan 4046]

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7), 1984
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8), 1984
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1984
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.10), 1984
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.11), 1984
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.12), 1984
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.13), 1984
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.14), 1984
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.15), 1984
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.16), 1984
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.17), 1984
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.18), 1984
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.19), 1984

[Ruangan 4080]

KANDUNGANNYA—(Samb.)

Akta Eksais, 1976—

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1984 [Ruangan 4086]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 4129; 4138]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak [Ruangan 4087]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Tanggungjawab Awam dan Peranan Parlimen [Ruangan 4138]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- Yang Berhormat DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam .

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd . Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 25hb Julai, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Seow Hun Khim.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Seow Hun Khim tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Newman Gaban.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Newman Gaban tidak hadir).

AMALAN MAKANAN DAN
PEMAKANAN KE SEKOLAH-
SEKOLAH

3. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) di dalam menjalankan dasar Amalan Makanan dan Pemakanan (AMP) ke sekolah-sekolah rendah di negara ini apa-apakah bekalan yang telah dan akan dijalankan bagi membantu murid-murid mendapatkan bahan-bahan makanan bagi meninggikan mutu kesihatan mereka terutamanya bagi murid-murid di luar bandar; dan

- (b) adakah Kementerian ini bercadang untuk mem-perluaskan lagi sumbangan yang baik ini kepada semua murid-murid di sekolah rendah, dan seterusnya kepada murid-murid di sekolah menengah dengan memberikan bantuan kepada murid-murid yang dikenal pasti dari keluarga yang miskin.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, berasaskan rancangan AMP Kementerian Pelajaran telah dan masih meneruskan rancangan makanan tambahan di sekolah-sekolah yang enrolmentnya kurang daripada 200 orang murid dengan menggunakan bahan-bahan makanan selain daripada susu.

Rancangan lain-lain ialah projek susu sekolah iaitu diberi kepada sekolah-sekolah yang lebih daripada 200 orang murid. Setakat ini projek susu hanyalah untuk bekalan bagi 1.5 juta orang murid sahaja.

- (b) Kementerian Pelajaran sedang merancang untuk mem-perluaskan projek susu untuk semua sekolah rendah di seluruh negara. Projek ini juga sedang di kaji untuk diperluaskan ke sekolah menengah juga.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Pelajaran khususnya Timbalan Menteri Pelajaran sedar ada

setengah-setengah murid di setengah-setengah sekolah di luar bandar yang enggan memakan sarapan pagi dalam projek AMP ini kerana sarapannya mempunyai lauk daging kerana ada yang memberi fatwa bahawa daging sembelihan setengah pihak tak boleh dimakan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum dilaporkan kepada saya dan belum disedari lagi.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh Kerajaan dalam memilih daerah-daerah dan sekolah-sekolah untuk diberikan bekalan AMP ini? Adakah ianya mengikut daerah-daerah yang mudur, daerah-daerah yang miskin ataupun mengikut bilangan murid di tiap-tiap buah sekolah di dalam negara kita ini di mana murid-murid yang miskin sahaja yang diberikan bekalan Amalan Makanan dan Pemakanan ini.

Yang keduanya, apakah sebab-sebab berlakunya bekalan susu yang tidak bermutu di sekolah-sekolah?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi salah satu daripada kriteria ataupun asas pemberian bekalan rancangan makanan tambahan ini ialah jumlah muridnya. Saya katakan tadi, enrolment sekolah itu sekiranya kurang dari 200 orang murid maka diberilah rancangan makanan ini.

Di samping itu memang ada faktor-faktor lain yang dikira termasuklah kedudukan taraf hidup dan sebagainya supaya dapat ditentukan yang rancangan ini menguntungkan murid-murid daripada golongan miskin supaya kesihatan mereka itu dapat dijaga dengan berkesan.

Memanglah sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa bekalan susu sebahagian daripadanya telah disebar dengan begitu luas tetapi tidak begitu memuaskan. Dan ini sebenarnya telah diberi perhatian oleh pihak Kementerian dan tindakan telah diambil. Dan sebabnya ialah ada juga susu yang dimakan itu mungkin tidak begitu baik, namun demikian belum lagi dapat disahkan sama ada sakit perut dan sebagainya itu disebabkan oleh susu ataupun makanan yang lain.

Datuk Edwin anak Tangkun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut soalan (a) iaitu untuk meninggikan mutu kesihatan murid-murid khususnya di luar bandar. Saya berpendapat bahawa bantuan Kerajaan memang cukup di bandar ataupun di luar bandar tetapi saya berpendapat bahawa masih banyak sekolah rendah di luar bandar tidak mencukupi barang makanan untuk meninggikan kesihatan murid-murid dan ada juga didapati bahawa di kawasan saya iaitu di Sebuyuh dan kedua di kawasan Batang Lupar, di mana kadang-kala murid-murid itu dibawa ke hospital untuk diperiksa kerana ada penyakit dalam makanan. Maka oleh sebab itu apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meninggikan mutu makanan di sekolah-sekolah khususnya di luar bandar.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada tindakan yang diambil ialah apa yang telah saya sebutkan tadi dan ini ialah bertujuan untuk menentukan supaya murid-murid dari luar bandar ini mendapat makanan yang sesuai dan bantuan makanan yang dapat membolehkan mereka itu membesar dengan cergas dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya tidaklah kesihatan anak-anak ini bergantung semata-mata kepada bantuan yang diberikan oleh

Kementerian Pelajaran, yang seharusnya mengambil tindakan atau pandangan berat ialah pihak ibubapa dan ini saya rasa merangkumi bukan hanya rancangan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pelajaran tetapi rancangan yang diberikan oleh Kerajaan keseluruhannya dan juga tanggungjawab daripada ibubapa dan memanglah kita pada masa ini sentiasa memandang berat terhadap kesusahan daripada anak-anak di luar bandar.

Dan pihak sekolah di Bahagian-bahagian, Daerah-daerah memang diarah untuk mengkaji, mengambil tindakan yang sesuai supaya dapat dilaporkan sama ada anak-anak ataupun murid-murid di sekolah-sekolah itu memang menghadapi masalah seperti ini atau tidak.

GURU-GURU LEPASAN MAKTAB DI SABAH

4. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa sebilangan guru-guru lepasan Maktab (bekas guru kontrak) di Sabah, apabila ditukar bertugas di Semenanjung mereka itu menghadapi banyak masalah-masalah yang berhubung dengan perlantikan, gaji, kenaikan tahunan, kekananan dan peluang-peluang lain, berbanding dengan guru-guru yang sama lulus Maktab Perguruan dan mempunyai kelulusan akademik yang sama, jika sedar:

- (a) apakah sebab-sebabnya yang berlaku demikian;
- (b) bagaimanakah kejayaan setakat ini mengenai masalah penyerapan ke jawatan Tetap dan Berpencen; dan
- (c) apakah tindakan yang akan dijalankan bagi mengatasi masalah itu.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar masalah-masalah yang dihadapi oleh

guru-guru kontrak daripada Semenanjung yang berkhidmat di Sabah dan telah kembali ke Semenanjung.

Bahagian (a) sebab-sebab berlaku demikian ialah:

- (i) dasar Kerajaan Negeri Sabah pada masa itu hanya melantik bumiputera warganegara Sabah sahaja ke jawatan tetap;
- (ii) sebelum 1-7-1978 Perkhidmatan Pelajaran Sabah dan Semenanjung adalah berlainan dan apabila guru-guru kontrak ini kembali ke Semenanjung mereka terpaksa memenuhi syarat-syarat tertentu untuk memasuki ke Perkhidmatan Pelajaran di Semenanjung. Guru-guru ini didapati tidak memenuhi kesemua syarat-syarat tersebut dan sebagai langkah sementara mereka telah dilantik sebagai guru sandaran kerana untuk menjadi guru sandaran mereka tidak perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan.

Untuk menjawab Bahagian (b) dan (c) beberapa langkah telah pun diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan kes guru-guru ini. Setakat ini masalah guru-guru kontrak Sabah yang sedang berkhidmat di Sabah sahaja telah dapat diselesaikan dan diserapkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Bil. 2 tahun 1982 bertarikh 30-4-1982 dengan tarikh penyerapan mereka berkuatkuasa mulai 1-7-1982.

Bagi guru-guru yang telah kembali ke Semenanjung masalah penyerapan mereka ke jawatan tetap sedang dalam pertimbangan pihak Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Jumlah mereka yang terlibat dianggarkan kira-kira 400 orang. Walau bagaimanapun, di kalangan mereka ada yang telah pun memohon untuk dilantik ke perjawatan tetap

melalui proses biasa yang diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Sebagai contohnya sejumlah 52 orang daripada mereka telah dapat dikesan memohon dan seterusnya dilantik ke jawatan tetap pada tahun 1983 yang lalu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran apakah guru-guru yang dilantik untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak pada masa awalnya itu terdiri daripada mereka yang tidak cukup syarat sama ada syarat akademiknya atau syarat yang dikehendaki oleh Kementerian Pelajaran yang menyebabkan mereka terpaksa memenuhi syarat yang lain apabila mereka kembali ke Semenanjung dan dengan bilangan yang tidak begitu ramai apakah pihak Kementerian untuk memberi pertimbangan istimewa kepada guru-guru tersebut supaya dapat menyamai rakan-rakannya yang sama-sama dipilih untuk menjalani latihan dan sama-sama masuk berkhidmat tetapi mereka itu ketinggalan 5 tahun dari segi gaji, kenaikan dan segala-galanya apabila mereka kembali ke tanahair. Ini satu penganiayaan juga kepada guru-guru tersebut.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi sebabnya ialah, ini bukan Sarawak, ini Sabah sahaja kerana sistem yang digunakan oleh Sarawak pada masa sebelum ini ialah sama dan apa yang digunakan di Semenanjung tetapi hanya Kerajaan Negeri Sabah yang mengamalkan sistem di mana mereka hanya menerima dan menyerapkan di dalam jawatan tetap ini guru-guru yang datangnya daripada negeri Sabah dan sebenarnya selepas 1-7-1978 ini telah bertukar dan persamaan ataupun penyesuaian dengan sistem di Semenanjung dan seluruh Malaysia

telah dilakukan dan pada masa ini tidaklah ada lagi masalah. Namun mereka yang terlibat iaitu lebih kurang 400 orang memang masih dalam pertimbangan dan usaha telah diambil untuk menentukan supaya mereka ini dapat diselesaikan masalahnya dengan secepat mungkin dan memanglah kita sentiasa memikirkan cara-cara yang sesuai untuk menentukan supaya masalah seperti ini tidak akan timbul lebih-lebih lagi dalam usaha kita menyelaraskan semua sistem supaya tidak ada discrepancy wujud di mana-mana tempat yang tertentu.

BAHAN BUANGAN DARI BABI— KAJIAN PENGGUNAAN

5. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sejauh manakah kajian telah terlaksana mengenai penggunaan bahan-bahan buangan dari babi (tahi babi) agar bahan-bahan tersebut terkawal dan tidak mengancam ketenteraman awam; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi menyebarkan maklumat hasil dari kajian tersebut kepada orang ramai.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Bahagian (a), Kementerian saya bersama dengan Jabatan Haiwan dan Universiti Pertanian Malaysia telah dan sedang menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengatasi masalah pencemaran dari buangan ternakan babi dan untuk mengurangkan bau busuk dengan menggunakan buangan-buangan itu sebagai bahan untuk menghasilkan baja.

Sebuah loji printis baja telah dibina di Pusat Haiwan, Sungai Buluh, Selangor. Loji printis tersebut telah

memakan belanja sebanyak \$66,000 dan mempunyai dua jenis sistem pengolahan, iaitu satu sistem untuk ladang ternakan babi yang mempunyai di antara 100 hingga 1,000 ekor babi, dan satu sistem lagi bagi ladang ternakan babi yang mempunyai di antara 1,000 hingga 5,000 ekor babi.

Loji printis tersebut telah pun siap pembinaannya dan didapati sungguh berkesan.

Lain-lain kajian sedang dijalankan oleh lain-lain agensi Kerajaan seperti Kerajaan Negeri Selangor dan Universiti Pertanian Malaysia untuk mengolah effluen dari ternakan babi dan hasil kajian tersebut belum lagi diumumkan;

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian telah mengumumkan bahawa penternak-penternak babi bolehlah berhubung dengan pihaknya untuk mendapat butir-butir yang lebih lanjut mengenai langkah-langkah kawalan buangan dari babi. Beliau juga menjemput perternak-perternak babi untuk menyaksikan demonstrasi loji printis tersebut di Sungai Buluh.

Selain daripada itu, sebagai langkah untuk menyebarkan hasil kajian tersebut, pihak Jabatan Haiwan akan mengadakan perkhidmatan bimbingan (extension services) serta penerbitan risalah, artikel dan sebagainya untuk kegunaan penternak-penternak tersebut.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bahawa babi ini sejenis binatang yang cepat membiak dan dia juga mengganggu ketenteraman kampung. Sekarang ini terdapat babi ini dipelihara di bawah-bawah rumah terutama di Batu Maung dan beberapa tempat terdapat dipelihara di belakang rumah dan dia mengganggu

ketenteraman kampung dan juga ini patut dielakkan. Jadi, apakah pihak Kementerian ini mencegah daripada menternak babi ini di belakang-belakang rumah. Kalau hendak buatlah di tempat yang khas tidak bolehlah disamakan babi ini dengan ayam ataupun itek yang boleh dipelihara sambilan.

Jadi, apakah pihak Kementerian mengharamkan pembelaan binatang-binatang seperti ini di belakang-belakang rumah, di bawah-bawah rumah yang boleh mengganggu ketenteraman awam.

Datuk Amar Stephen Tong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, ternakan-ternakan babi ini semua akan di lesen oleh pihak Kerajaan. Usaha ternakan babi adalah satu amalan tradisional dan juga diusahakan lama oleh penternak yang berkenaan dan merupakan satu industri yang dapat menampung kemajuan ekonomi Negara. Sekiranya industri diharamkan atau dihentikan, ia akan melibatkan berbagai kesusahan kepada penternak-penternak babi. Apa yang perlu dilaksanakan ialah untuk mengawal pencemaran dari buangan ternakan babi dengan menggunakan suatu yang berkesan serta dalam kemampuan penternak-penternak untuk mengadakan sistem tersebut.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar iaitu Kerajaan Singapura sekarang ini telah pun mengharamkan penternakan babi di negara Singapura disebabkan oleh pencemaran alam yang begitu hebat di negara tersebut. Perkara pencemaran alam ini bukan sahaja begitu meluas tetapi menjadi satu perkara yang sensitif di tempat-tempat di mana adanya perkampungan Melayu yang menyebabkan satu tempat di mana orang Melayu terpaksa berpindah dari perkampungan itu disebabkan oleh penternakan babi yang begitu membiak.

Jadi, apakah Kerajaan bercadang untuk menentukan supaya tempat-tempat pemeliharaan babi ini ditempatkan satu tempat yang luar, jauh daripada perkampungan penduduk ataupun di pulau-pulau?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju cadangan begitu yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya, rancangan masa hadapan ialah untuk mengadakan kawasan-kawasan khas di mana akan terdapat sistem-sistem kawalan pencemaran dari buangan ternakan babi. Tempat-tempat kawasan khas tersebut adalah terpulang kepada pihak-pihak Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memutuskan kelak.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri berkenaan sama ada beliau sedar bahawa dalam kawasan Yang Berhormat Menteri sendiri iaitu kawasan Padawan ada satu tempat dekat Batu 7 Kuching/Serian ada satu kawasan di mana tempat-tempat penternakan babi telah mengancamkan kesihatan awam oleh kerana bahan-bahan buangan babi telah dibuang di dalam sungai-sungai.

Soalan kedua, kalau masalah pollution ini tidak dapat diatasi menerusi langkah-langkah perundangan untuk mengharamkan usaha-usaha untuk menternak babi, adakah Kerajaan bercadang untuk menggalakkan perniagaan-perniagaan dan orang-orang yang menjalankan tempat-tempat menternak babi untuk memperbaiki syarat-syarat dalam tempat-tempat mereka supaya kawalan yang lebih cepat dapat diamalkan?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar, oleh sebab itulah saya jelaskan Kementerian Pertanian menjemput penternak-penternak babi termasuklah penternak-penternak dari

kawasan saya melawat ke Sungai Buluh untuk menyaksikan demonstrasi loji printis yang tersebut tadi. Saya haraplah apabila loji-loji ini dilaksanakan ditempat-tempat ternakan babi, masalah pencemaran akan dikawal.

LEBUHRAYA KL/KARAK, KL/SEREMBAN DAN TIMUR/BARAT— KOS PEMBINAAN

6. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) kos pembinaan berbanding dengan kos pengendalian (termasuk kos pembaikan yang dianggarkan) bagi lebuhraya Kuala Lumpur/Karak, Kuala Lumpur/Seremban dan Timur/Barat; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengelakkan berlakunya kos pengendalian yang begitu besar.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, kos pembinaan bagi Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak adalah \$176 juta dan kos penyelenggaraannya sejak tahun 1978 sehingga sekarang ialah \$4.2 juta. Kos pembinaan Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban adalah \$66 juta. Manakala kos penyelenggaraannya sejak tahun 1979 ke 1982 adalah \$5 juta. Selain daripada kos penyelenggaraan itu terdapat pula kos kerja-kerja pemulihan yang mana kerja-kerja sedang dijalankan sekarang. Kos kerja-kerja ini dianggarkan lebih kurang \$20 juta.

Bagi Lebuhraya Timur-Barat pula kos pembinaannya adalah sebanyak \$400 juta. Manakala kos kerja-kerja pembaikan, perlindungan teren-teren di lereng-lereng bukit dan pengubahsuaian adalah sebanyak \$180 juta. Untuk mengelakkan kos penyelenggaraan dan pemulihan yang

tertinggi di masa hadapan, Kementerian saya bercadang tidak akan menjalankan pembinaan berperingkat seperti yang pernah dilakukan pada masa yang lepas dengan syarat peruntukan kewangan yang secukupnya dapat disediakan. Ini bermakna segala perancangan rekabentuk dan cara pembinaan akan dibuat mengikut apa yang sepatutnya dikehendaki dijalankan di dalam membina Lebuhraya-lebuhraya itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu kenapa kos penyelenggaraan bagi Lebuhraya Timur-Barat dan Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban begitu tinggi dibandingkan dengan kos penyelenggaraan Kuala Lumpur/Karak kalau dibandingkan dari peratusannya. Kenapakah kos penyelenggaraan yang tinggi ini berlaku oleh kerana adanya kerja-kerja yang mutunya tidak begitu baik pada waktu mula Lebuhraya ini dibina dahulu?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini lebih kurang dua minggu yang lalu apabila kita memulakan kerja-kerja iaitu Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban, Kementerian saya telah memintakan dan merayu Kementerian Kewangan untuk mendapat lebih peruntukan yang mana kita boleh membuat satu rekabentuk yang sesuai tetapi peruntukan-peruntukan ini ialah daripada Bank Dunia yang mana mereka telah memberi peruntukan lebih kurang \$60 juta dan meminta kita menurunkan rekabentuk kepada \$60 juta sahaja. Sebab itulah kita tidak boleh menjalankan satu jalan yang secukup dalam rekabentuk. Hari ini kita telah dan sedang menghadapi beberapa masalah.

Tindakan yang kedua dari Kementerian saya apabila kita minta Kementerian Kewangan untuk memulakan jalan itu lebih kurang empat tahun lalu kelulusan tidak diberi

kepada Kementerian Kerjaraya untuk menjalankan kerja itu. Hari ini mereka suka atau tidak mereka mesti beri \$20 juta untuk menjalankan projek pembaikan jalan Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban.

Yang kedua, iaitu Lebuhraya Timur-Barat seperti apa saya kata tadi ialah kerja pembaikan perlindungan terenteren, pendek kata topography yang tidak beberapa sesuai di dalam Tanahair kita dan juga dalam sejarah Jabatan Kerjaraya kita tidak menghadapi satu masalah apa yang kita menghadapi di jalan Lebuhraya Timur-Barat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "The art and design of mountainous road has never been encountered in this country up to now". Itulah sejarah yang kita menghadapi sekarang.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengambil perhatian. Kita setakat ini belanja \$400 juta. Saya harap dengan \$180 juta yang kita sedang belanja sekarang kita boleh jugalah menghadapi apa-apa masalah dalam Lebuhraya Timur-Barat.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban yang telah lama dibina jika dibandingkan dengan lebuhraya Timur-Barat dan Kuala Lumpur/Seremban tetapi tidak menghadapi masalah yang dihadapi oleh lebuhraya-lebuhraya yang saya sebutkan tadi. Adakah ini disebabkan oleh kerana teknologi ataupun kontraktor yang mengendalikan lebuhraya Kuala Lumpur/Kelang itu lebih baik, lebih berpengalaman atau lebih tinggi teknologi jika dibandingkan dengan kontraktor-kontraktor ataupun teknologi-teknologi yang menggunakan untuk membina lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban dan Timur-Barat? Dan kenapakah sekiranya kontraktor yang membina lebuhraya Kuala Lumpur/Kelang itu tidak digunakan memandangkan keupayaan yang telah mereka

melaksanakan dipilih untuk membina lebuhraya Timur/Barat dan Kuala Lumpur/Seremban.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi, apabila kita membina lebuhraya Kuala Lumpur/Kelang, kita mendapat peruntukan secukup daripada Kerajaan dan juga JKR telah menjalankan projek itu dengan rekabentuk yang baik. Tetapi seperti apa yang saya katakan tadi, ini tidak berlaku dalam lebuhraya Timur/Barat dan juga Kuala Lumpur/Kelang. Itulah masalahnya.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada memberi sedikit penjelasan iaitu dari segi peruntukan yang didapati dari Kementerian Kewangan tidak mencukupi untuk melaksanakan rekabentuk jalan yang diingati. Adakah ini merupakan satu masalah yang berpanjangan bolehlah kita mengatakan satu "sickness" di antara Menteri Kerjaraya dengan Kementerian Kewangan dan adakah ini mengakibatkan Kementerian Kerjaraya mengutip Tol di segala jalanraya untuk menampung kos pemulihan dan penyelenggaraan jalanraya?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan daripada saya tadi bukanlah bererti kita ada satu perlawanan di antara Kementerian Kerjaraya dengan Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerjaraya ialah satu agensi untuk membuat rekabentuk dan juga memberi anggaran kepada Kementerian Kewangan. Apabila Kementerian Kewangan memberi kelulusan baharulah kita jalankan. Seperti bekalan air di tanahair kita, dalam tahun 1975 kita telah meminta daripada Kementerian Kewangan \$1.4 billion tetapi apa yang kita telah dapat ialah \$600 juta sahaja. Ini bukanlah dikira salah daripada Kementerian

Kerjaraya ataupun salah daripada Kementerian Kewangan, ini ialah kerana tidak mencukupi peruntukan wang di dalam tanahair kita. Itu sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada apa yang hendak dicakapkan?

MUZIUM NEGARA—PEM-BINAAN BANGUNAN TAMBAHAN

7. **Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan bilakah kerja-kerja bagi memperbesarkan Muzium Negara akan dijalankan memandangkan kesesakan yang berlaku di bangunan sekarang terutamanya semasa pameran Antarabangsa Tamaddun Islam yang dibanjiri oleh beribu-ribu pelawat dan adakah kelengkapan moden seperti galeri tambahan, bilik-bilik syarahan, perpustakaan, oditorium dan panggung wayang terbuka akan diadakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, bangunan Muzium Negara yang ada pada masa ini telah pun dibuka dengan rasminya dalam tahun 1963 dari semenjak daripada itu pihak Muzium Negara telah berkembang dengan pesat dan mencatatkan purata pelawat tertinggi di antara Muzium-muzium di Asia ini.

Memandangkan perkara ini pihak Muzium Negara memang telah pun merancang untuk membina atau merancang pembinaan bangunan tambahan di dalamnya termasuk kemudahan-kemudahan seperti balai-balai pameran tambahan, perpustakaan, oditorium, kawasan-kawasan kegunaan teknik, kawasan-kawasan menyimpan barang-barang dan lain-lain. Dalam perkara-perkara

lain itu seperti tandas, surau dan sebagainya. Sehingga pada masa ini rancangan ini telah sampai ke peringkat penyediaan pelan konsep di mana beberapa bangunan tambahan akan didirikan berhampiran dengan bangunan sekarang ini dengan berfalsafahkan suasana perkampungan. Projek ini diharap dapat dilaksanakan apabila kewangan negara mengizinkan.

Walau bagaimanapun, sungguhpun terdapat kekurangan pada masa ini tetapi pihak Muzium Negara cuba sedaya upaya untuk digunakan ruang yang ada untuk kegunaan maksima. Jadi, itulah sebabnya untuk Pameran Tamaddun Islam Antarabangsa di Muzium baharu-baharu ini telah merombak dua balai tetapnya untuk menyediakan pameran ini, dan didapati ruang-ruang pameran yang ada pada masa ini masih boleh lagi digunakan semaksimanya untuk menjalankan aktiviti Muzium sehingga terdirinya bangunan tambahan yang dirancangan.

Tentang ramainya pelawat yang membanjiri Muzium ini tidak dapat dielakkan dan ini menunjukkan bahawa Muzium Negara telah berjaya menarik minat pelawat-pelawat terutamanya dari dalam negeri untuk datang melihat pameran yang dianjurkan dan boleh dikatakan objektif pihak Muzium Negara menganjurkan pameran telah pun tercapai iaitu untuk memberi pengetahuan secara tidak langsung kepada rakyat negara ini dengan bertujuan supaya mereka dapat lebih memahami tentang perkara-perkara bersangkutan dengan berbagai cabang ilmu pengetahuan.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyebutkan bahawa beberapa rancangan bagi membesarkan Muzium

Negara sedang dilakukan dan akan dibina bangunan-bangunan tambahan apabila kewangan mencukupi. Saya ingin bertanya mengapa sekarang ini bila kita pergi melawat Muzium Negara nampaknya Kerajaan mengutamakan projek lain daripada memberi keselesaan kepada pelawat-pelawat di Muzium Negara itu dari segi meletakkan susunan barang-barang kerana saya nampak sekarang ini terdapat satu bangunan baharu tambahan yang kononnya kalau tidak salah untuk digunakan bagi restoran. Mengapa begitu aneh restoran diutamakan daripada projek-projek lain yang lebih mustahak di Muzium Negara itu?

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sebagai tarikan kepada pelawat-pelawat untuk mengunjungi Muzium kita terpaksa menyediakan kemudahan-kemudahan termasuklah seperti restoran dan perkara-perkara yang lain.

KEMUDAHAN PERAIRAN DI JEBONG, PERAK

8. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa Ban Sawah di Jebong, Mukim Matang, Daerah Larut dan Matang telah tidak boleh digunakan lagi. Keadaan ini menyebabkan ramai pesawah tidak dapat mengusahakan sawah mereka lagi. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk membina Ban Baru di kawasan tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, kawasan pengairan Jebong adalah kawasan lama dan kemudahan perairan telah dibina sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Sebab-sebab utama sawah tidak diusahakan sepenuhnya pada masa ini adalah kerana masalah sosio-ekonomi yang biasa dialami di kawasan tanah-tanah terbiar seperti ini.

Projek taliair Jebong meliputi kawasan sawah seluas 168 hektar terletak di Mukim Matang Daerah Larut dan Matang, di Negeri Perak. Kemudahan taliair bagi kawasan ini telah diadakan semenjak sebelum perang dunia kedua lagi dan punca air utama adalah diperolehi dari ibu bekalan Sungai Jebong, manakala hampir 80 hektar di hilir mengamalkan sistem saluran terkawal (controlled drainage) bagi tanaman padi sekali setahun. Kemudahan taliair bagi kawasan ini adalah diselenggarakan di bawah peruntukan tahunan dari Kerajaan Negeri Perak, Jabatan Parit dan Taliair Negeri Perak telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat untuk membina semula sistem taliair di kawasan ini dengan anggaran kos \$180,000 dan ianya masih dalam timbangan Kerajaan Negeri.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, dimaklumkan sawah-sawah banyak yang tidak diusahakan, saya rasa bukanlah sebagai yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Pertanian tadi kerana sosio-ekonomi tetapi adalah oleh kerana diabaikan oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair kerana pengaliran air tidak begitu memuaskan hingga kering. Soalannya, adakah Kementerian ini bercadang hendak memulihkan kembali tanah-tanah sawah yang terbengkalai di seluruh negara ini pada masa akan datang dengan membaiki pengaliran air oleh pihak DID Federal atau State (Negeri)?

Tuan Lubat Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa bersetuju dengan tuduhan Ahli Yang Berhormat itu tetapi oleh kerana pada masa ini tanggungjawab di pihak Kerajaan, Jabatan Parit dan Taliair khasnya, dengan daya usaha menyediakan

fasiliti-fasiliti iaitu taliair-taliair untuk kepentingan para petani-petani dan juga pihak Kerajaan pada masa ini sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di kebanyakan tempat tanah yang terbiar selama ini sudah pun diusahakan oleh para petani oleh kerana desakan daripada pihak Kerajaan dan Jabatan Pertanian khasnya dan juga untuk penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat itu, pihak Kementerian Pertanian tidak mengabaikan kesesuaian yang dialami oleh pihak para penanam-penanam padi di negara ini dan kita sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya untuk kepentingan dan keperluan para petani-petani kita yang mengalami kesesuaian sebagaimana yang telah dibawa ke dalam Dewan ini.

KWSP—JUMLAH HARTA

9. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah harta dari segi wang yang berada di tangan KWSP pada akhir tahun 1983 dan berapa peratuskah harta yang ada sekarang yang dibayar kepada pencarum-pencarum bagi tempoh yang sama. Oleh kerana KWSP mengutip banyak caruman yang diwajibkan tetapi membuat pembayaran yang sedikit, apakah langkah yang dirancang untuk memastikan KWSP akan membawa lebih banyak faedah kepada pencarum-pencarum.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, jumlah harta bersih KWSP seperti pada 31hb Disember, 1983 adalah sebanyak \$17,411 juta. Dari jumlah tersebut jumlah harta tetap serta pelaburan jangka panjang dan lain-lain harta adalah sebanyak \$16,340 juta dan jumlah harta semasa adalah sebanyak \$1,071 juta.

Jumlah wang yang telah dikeluarkan oleh pencarum-pencarum bagi tahun 1983 ialah sebanyak \$515.6 juta. Ini

merupakan kira-kira 16% dari jumlah seluruh assets, dengan izin, KWSP ini iaitu jumlah caruman dan faedah dari pelaburan bagi seluruh tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, skim-skim pengeluaran yang sedang dilaksanakan oleh KWSP bagi ahli-ahlinya adalah seperti berikut:

Pertamanya pengeluaran kematian; faedah kematian; pengeluaran semua caruman apabila pencarum itu sampai ke had umur 55 tahun; pengeluaran $\frac{1}{3}$ caruman apabila pencarum itu sampai ke umur 50 tahun; pengeluaran bagi tujuan pembelian rumah; pengeluaran kerana meninggalkan Malaysia dan tidak berhajat untuk kembali lagi ke negara ini; pengeluaran kerana tiada keupayaan bekerja; dan pengeluaran faedah tahunan setelah mencapai umur 55 tahun.

Selain daripada skim-skim pengeluaran tersebut, KWSP juga memberi faedah tahunan kepada semua ahli-ahlinya. Bagi tahun 1983 yang lepas, kadar faedah yang diisytiharkan oleh KWSP ialah sebanyak 8.5% yang mana melibatkan pembayaran jumlah faedah sebanyak \$1,043.6 juta yang dikreditkan ke dalam baki permulaan akaun ahli-ahli.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, seterusnya pihak KWSP sedang mengkaji semua skim-skim yang ada sekarang dengan tujuan untuk memperbaiki lagi dan mempertimbangkan faedah-faedah yang lebih baik kepada pencarum-pencarum. Cadangan-cadangan ini sedang dikaji oleh satu jawatankuasa di peringkat Kementerian dan akan dikemukakan laporannya kepada Kerajaan apabila laporan itu siap kelak.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi menyebutkan bahawa sebuah jawatankuasa sedang

mengkaji langkah-langkah untuk memberi lebih banyak kemudahan kepada pencarum-pencarum. Adakah termasuk dalam bidangkuasa jawatankuasa ini satu cadangan untuk mengkaji had umur minima daripada 50 tahun kepada 45 tahun bagi membolehkan seseorang ahli itu mengeluarkan sebahagian daripada wang simpanannya?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini had umur tidak merupakan satu kajian tetapi oleh kerana cadangan itu dibawa ke Dewan yang mulia ini barangkali boleh juga dimasukkan di dalam mesyuarat yang akan datang dan saya akan sampaikan kalau kemungkinan had umur juga dikira, tetapi pada ketika ini hanya yang dipertimbangkan adalah faedah-faedah yang boleh diperolehi dari Kumpulan Wang itu sendiri tetapi tidak melibatkan dari segi umur.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberitahu bahawa wang KWSP yang ada sekarang berjumlah berbilion-bilion ringgit, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah dalam tugas-tugas jawatankuasa yang dibentuk tadi termasuk juga untuk mengkaji dalam soal mengeluarkan zakat harta daripada wang simpanan pekerja-pekerja yang beragama Islam? Kalau tidak salah ingatan saya, perkara ini telah saya bangkitkan dan perkara ini amat mustahak bagi kalangan pekerja yang beragama Islam yang saya sendiri juga sebagai bekas pencarumnya.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu perkara ini termasuk dalam kajian yang sedang dibuat.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang

berkenaan, dalam kajian yang dijalankan terhadap skim-skim KWSP ini, adakah pihak KWSP mengambil kira cadangan-cadangan atau syor-syor yang telah disampaikan oleh badan-badan ikhtisas termasuk kesatuan sekerja dan di samping itu juga saya mendapat tahu daripada beliau sama ada beliau dapat memberitahu Dewan ini dengan lebih tepat bilakah agaknya jawatankuasa ini dapat menyiapkan kajian dan menyiapkan laporan yang dapat disampaikan kepada Kerajaan?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi tarikh yang agak tepat bila siapnya laporan ini kerana di dalam mengkaji skim ini secara menyeluruh perkara-perkara baru kadang kala timbul misalnya termasuk hari ini yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu hendak masukkan had umur. Barangkali ini mungkin dimasukkan lagi, maka itu tidak dapat secara tepat diberi tarikh siapnya cadangan ini. Insya Allah kita akan cuba siapkan secepat mungkin.

Dalam pada itu untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, supaya mendapat gambaran yang lebih banyak terhadap skim ini ataupun kumpulan wang ini yang sedang dibuat. Di antaranya termasuk kemungkinan bagi kaum Bumiputera mengeluarkan wang simpanan ini untuk membeli Amanah Saham Nasional, ataupun ditambah lagi pinjaman untuk membeli rumah dan juga untuk memberi bantuan di dalam skim pelajaran kepada anak-anak pencazum-pencazum. Begitu juga untuk membuat pelaburan-pelaburan selain daripada Amanah Saham Nasional. Ada juga satu lagi kemungkinan untuk memberi pencazum-pencazum mengeluarkan wang yang dipanggil sebagai faedah sebelum persaraan (pre-retirement benefit); kalau sekiranya sekarang ini seseorang

yang sampai umurnya 50 tahun boleh mengeluarkan $\frac{1}{3}$ daripada jumlah carumannya, tetapi sedang dikaji untuk memberi sebahagian tertentu kepada mereka yang memerlukan walaupun belum sampai kepada umur 50 tahun.

Selain daripada itu juga, wang ini akan dibenarkan dikeluarkan bagi faedah mereka yang mendapat cacatan yang mungkin menghalang beliau itu meneruskan kerja-kerja yang dibuat apabila beliau itu mengalami kemalangan.

RTM—PERKATAAN BARU YANG TIDAK DIFAHAMI

10. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa perkataan-perkataan baru yang digunakan oleh RTM tidak mudah difahami oleh orang-orang kampung, jika ya, sama ada Kementerian telah berusaha untuk menerangkan makna perkataan-perkataan baru itu ataupun tidak kira apa perkataan yang digunakan asalkan mereka yang terpelajar boleh memahaminya tanpa menghiraukan sama ada orang tua-tua di kampung faham atau tidak dan apakah sikap Kementerian mengenai perkara ini.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, cara yang paling berkesan supaya orang ramai dapat memahami perkataan-perkataan baru ialah dengan menggunakan perkataan-perkataan tersebut dengan kerap dan meluas sama ada di radio, televisyen atau di akhbar-akhbar.

Jika perkataan-perkataan baru tidak digunakan kerana takut tidak difahami orang maka selama itulah perkataan-perkataan tersebut tidak akan difahami orang. Perkataan-perkataan seperti ekonomi, sosial, imej, prestasi, teknologi, kompleks,

implikasi, intergrasi, diskriminasi dahulu tidak difahami orang ramai. Tetapi sekarang ini bukan lagi merupakan perkataan baru.

Di sini sukalah saya memaklumkan bahawa RTM dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka akan menyiarkan satu siri "Bahasa Kita" tidak lama lagi untuk meluaskan lagi penggunaan dan fahaman bahasa Kebangsaan kita.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas fahaman yang seperti itu memang benarlah. Tetapi ada perkara lain misalnya dalam dialog-dialog, cerita-cerita drama dan sebagainya dibiar oleh pihak RTM dengan menggunakan bahasa Inggeris, lagak-lagak pemuda-pemuda itu "I", "you", entah apa-apa hingakan tidak faham orang di kampung-kampung ini. Seolah-olah macam cerita Hindi, tengah-tengah cakap Hindi, tap, cakap Inggeris. Itulah "I", "you" cakap-cakap itu dicampur aduk. Itu memeningkan orang kampung, bayar lesen sama tetapi dengar tidak faham (*Ketawa*). Adakah pihak Kementerian ini untuk membetulkan drama-drama itu dengan dialog yang baik, fasih dalam bahasa Malaysia yang senang.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan cara umum (general). Jikalau ada drama-drama atau ada apa-apa yang disiarkan oleh RTM ada masalah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu kalau ada menspesifikkan perkara itu, saya akan mengadakan siasatan dan akan dibetulkan. Tetapi pada keseluruhannya program-program, rancangan-ancangan atau drama-drama yang telah disiarkan oleh RTM, saya fikir dengan cara umum ada difahami oleh rakyat semua. Jikalau masih ada sedikit sebanyak kekeliruan itu dari masa ke semasa kita akan mengimprovekan (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Setakat "I" dan "you" itu orang kampung tahu.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri, semenjak RTM menentukan cara penyebutan mengikut ejaan, nampaknya keadaan sebutan di radio dan TV makin bercelaru di mana hanya sebahagian daripada Juruhebah yang menggunakan sebutan demikian dan ada setengah pula menyebutnya mengikut cara lama. Timbalan Menteri tadi pun menyebut "teknoloji" tidak menyebut "teknologi". Jadi keadaan-keadaan ini nampaknya makin bercelaru dalam bahasa Kebangsaan kita ini dan orang makin tidak mengerti. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri apakah langkah-langkah bagi mengatasi perkara-perkara begini berlaku pada masa akan datang.

Dato' Chan Siang Sun: Perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi ialah setakat masa ini ada sedikit sebanyak kekeliruan. Macam tadi dikatakan saya tidak sebutkan "teknologi", sebenarnya masih ada orang sebut "teknoloji", "gikah" atau "jikhah" kita barangkali masih ada di dalam satu keadaan di mana tidak berapa pasti lagi. Oleh sebab itulah kita mengadakan siri "Bahasa Kita" yang barangkali dalam bulan Ogos ini kita akan melancarkan program ini di mana lebih kurang 7-10 minit sehari dan 3 hari mula-mulanya. Kalau rancangan itu ada berkesan, ada mendapat sambutan ramai, kita akan menambah masa itu. Insya Allah, kita akan berjaya.

LAPORAN PASUKAN PETUGAS PENGKAJIAN SEMULA GETAH

11. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan ringkasan laporan Pasukan Petugas Pengkajian Semula

Getah ke atas perusahaan getah asli sehingga tahun 2000 yang dianggotai oleh lapan orang dan pendirian dan keputusan Kerajaan ke atas Laporan Pasukan Petugas Pengkajian Semula ke atas getah.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya memang ingin untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka ini. Tetapi oleh kerana Laporan Pasukan Petugas Mengenai Getah telah lama dikeluarkan dan sudah pun diedarkan untuk jualan umum sejak bulan Mei tahun ini setelah Jemaah Menteri meluluskannya. Maka saya fikir lebih baik bagi Yang Berhormat untuk mendapatkan senaskah laporan tersebut dan mengkajinya dengan sedalam-dalamnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perakuan-perakuan oleh Laporan Pasukan Petugas tersebut pada masa ini sedang dikaji oleh satu Jawatankuasa Khas di bawah Kementerian Perusahaan Utama yang dianggotai oleh wakil-wakil dari Kementerian-kementerian dan agensi-agensi serta wakil-wakil dari sektor swasta yang berkaitan dengan perusahaan getah bagi mengambil tindakan susulan di mana yang sesuai.

PUSAT PENGAJIAN TINGGI— PENGUNAAN BAHASA MALAYSIA

12. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kejayaan penggunaan Bahasa Malaysia di Pusat-pusat Pengkajian Tinggi di dalam negara ini dan apakah kekurangan atau masalah yang timbul dengan penggunaan Bahasa Malaysia ini dalam mencapai taraf akademiknya.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ullis): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini penggunaan Bahasa Malaysia di Pusat-pusat Pengkajian Tinggi telah mencapai kejayaan seperti yang dirancangan. Pada masa ini tidak ada masalah serius yang wujud menggunakan penggunaan Bahasa Malaysia di Pusat-pusat Pengkajian Tinggi di negara ini. Masalah-masalah yang pernah wujud pada masa lalu telah dapat diatasi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran adakah benar setengah-setengah Pusat Pengkajian Tinggi hendak mengundur ke belakang dalam pelaksanaan Bahasa Malaysianya dengan alasan bahawa pelajar-pelajar kurang mahir Bahasa Inggeris. Dan apakah bahasa penghantar utama atau selain daripada Bahasa Inggeris ini menjadi satu halangan besar kepada pelajar kita mencapai taraf yang tinggi, terutama dalam mencapai taraf akademiknya dan juga kemajuan teknologinya dan apakah kemajuan negara Jepun dan Taiwan yang menggunakan bahasanya sendiri dan kurang mahir dalam bahasa Inggeris mencapai teknologi lebih tinggi dari orang daripada barat yang bermegah-megah dengan bahasanya.

Tuan Bujang bin Haji Ullis: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian saya sendiri memang menyedari hakikat memandangkan bahawa negeri Jepun dan sebagainya yang menggunakan bahasa sendiri disamping juga mempelajari bahasa lain mengutamakan bahasa sendiri telah mencapai kemajuan teknologi dan sebagainya maka tidak ada sebab mengapa kita yang juga sebuah negara menitikberatkan soal pelajaran bahasa kita sendiri supaya dapat maju juga dalam bidang ini. Namun demikian, tidak ada rancangan untuk balik ke belakang.

Kementerian dan Kerajaan terus akan melancarkan dan meneruskan rancangan iaitu untuk terus menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia. Misalnya, dalam tahun 1983 semua kursus Tahun I di peringkat Institusi Pengajian Tinggi akan dijalankan dalam Bahasa Malaysia dan tahun ini semua kursus dari Tahun I dan II akan dijalankan terus dalam Bahasa Malaysia walaupun kita juga menitikberatkan Bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawah Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2 dan 13 hingga 50 adalah diberi di bawah ini).

CARCOSA—MENGEMBALIKAN KEPADA KERAJAAN

1. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah syarat-syarat yang telah dipersetujui dengan pihak Britain untuk mengembalikan Carcosa kepada Kerajaan kita dan sama ada sebarang pampasan perlu dibayar kepada pihak Britain; jika ya, apakah jenis pampasan.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Keputusan oleh Kerajaan British untuk mengembalikan CARCOSA kepada Malaysia telah dibuat secara sukarela, tanpa apa-apa syarat. Sebagai tanda menyambut baik keputusan pihak British ini, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk memberi sebidang tanah kepada pihak British untuk membolehkan mereka membina kompleks pejabat Canseri mereka yang baru di Kuala Lumpur.

BANJIR—MEMPERBAIKI SISTEM PERPARITAN

2. **Tuan Newman Gaban** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau

sedar bahawa kelodak yang berterusan di sungai-sungai utama dalam Daerah Kota Marudu telah menyebabkan kalam-kabut kepada beratus-ratus buah rumah dan beribu-ribu ekar tanah ladang yang, sedang ditanam telah ditenggelami air; jika sedar, nyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab utama berlakunya kelodak yang berterusan sekarang ini, yang mana tidak pernah berlaku pada masa dahulu; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil untuk memperluaskan dan memperbaiki sistem perparitan di Kota Marudu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):

- (a) Ya, saya sedar. Masalah utama di Daerah Kota Marudu ialah kejadian mendapan dan banjir akibat dari keadaan topografi dan faktor-faktor alam semulajadi yang lain seperti cuaca tempatan. Masalah ini bertambah buruk disebabkan kegiatan pembalakan di Daerah Kota Marudu di mana terdapat sekurang-kurangnya 7 buah syarikat yang menjalankan kegiatan pembalakan di situ.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, tindakan sedang diambil oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair Sabah untuk menyelaraskan dan memperbaiki sistem perparitan di Daerah Kota Marudu.

Di dalam projek mencegah banjir Dataran Bandau di Daerah Kota Marudu, beberapa sungai utama di dataran tersebut akan diperluaskan serta diperdalamkan. Sungai-sungai yang terlibat ialah Sungai Bandau, Sungai Bongan, Sungai Lankon dan Sungai Tandek. Setakat ini, hanya rekabentuk bagi kerja-kerja memperluas dan memperdalamkan Sungai Bongan telah siap.

PROTON SAGA— KERETA MALAYSIA

13. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa nama kereta Malaysia, PROTON SAGA tidak sedikit pun membayangkan unsur-unsur dan keperibadian Melayu atau Negara dan nyatakan juga sama ada beliau berpuashati dengan nama itu memandangkan kereta ini ialah kereta Malaysia yang pertama.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Nama Kereta Nasional pertama iaitu PROTON SAGA adalah cadangan dari orang ramai yang dihasilkan dari Peraduan Menamakan Kereta Nasional yang dianjurkan oleh Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd., (PROTON) anak Syarikat Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia (HICOM) yang akan mengeluarkan kereta tersebut kelak. Satu Jemaah Hakim yang bebas telah dilantik untuk menghakimkan peraduan tersebut di mana hampir 103,000 penyertaan diterima.

Nama PROTON yang dipilih untuk syarikat pembuat kereta Malaysia ini adalah nama ringkas bagi Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd.

“SAGA” merupakan perkataan asalnya dari perbendaharaan kata Bahasa Melayu. Saga ialah sejenis tumbuhan yang hanya boleh didapati di rantau ini. Bijinya yang merah itu melambangkan ketahanan, keutuhan dan keberanian. Biji saga pernah digunakan pada masa dahulu sebagai unit timbangan emas.

Adalah jelas bahawa nama yang digunakan adalah mempunyai unsur-unsur keperibadian Melayu. Kita harus berpuashati dengan nama tersebut.

PENGGUNAAN JENTERA DI LADANG

14. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah penggunaan jentera-jentera di ladang di negara ini berhasil meninggikan pengeluaran hasil tanaman seperti padi, kelapa, koko, nenas, lada hitam, kacang dan sebagainya dalam tahun 1980, 1981, 1982, 1983, 1984. Apakah jenis jentera-jentera tersebut. Apakah rancangan Kerajaan dalam jangka masa panjang supaya petani-petani kecil di luar bandar diberi latihan dalam menggunakan jentera tersebut bagi meningkatkan hasil pengeluaran ladang mereka.

Tuan Luhut Wan: Semenjak tahun 1960, penggunaan jentera di ladang adalah lebih ditekankan kepada tanaman padi, kacang dan sayur-sayuran lain. Manakala penggunaan jentera kepada tanaman seperti kelapa, koko, nenas dan lada hitam tidak dilakukan.

Jenis-jenis jentera yang digunakan termasuklah traktor pembajak, jentera-jentera penanaman, pengembur, penuaian dan pembantingan.

Kerajaan mempunyai program jangka masa untuk melatih petani-petani dalam penggunaan dan penjagaan alat jentera pertanian sejak tahun enam puluhan. Di Semenanjung Malaysia, Jabatan Pertanian melaksanakan berbagai kursus kejenteraan pertanian di 10 buah Pusat Latihan Kejenteraan Pertanian (Pusat-pusat yang serupa juga sedang dibina di Sabah dan Sarawak). Dalam tahun 1983, pusat-pusat latihan di Semenanjung telah melatih seramai 1,159 orang petani dan 264 kakitangan agensi-agensi pertanian. Bilangan peserta-peserta kursus akan ditingkatkan dari tahun ke setahun.

BEKALAN ELEKTRIK KEPADA SWASTA

15. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada keutamaan adalah diberikan oleh LLN kepada projek-projek Kerajaan atau Swasta. Mengapakah terdapat banyak aduan bahawa keutamaan seringkali diberikan kepada sektor swasta dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa LLN sentiasa memberi keutamaan yang seimbang kepada semua projek-projek pembekalan elektrik tidak kira sama ada projek-projek itu dari pihak Swasta ataupun pihak Kerajaan. Oleh itu adalah tidak benar kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa banyak aduan-aduan yang menyatakan bahawa LLN sering kali memberi keutamaan kepada pihak Swasta sahaja.

Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan projek bekalan elektrik ini biasanya LLN mengambil kira atau memberi keutamaan kepada pentingnya sesuatu projek itu dilaksanakan terlebih dahulu daripada yang lain.

RISDA—PESERTA PROJEK MINI ESTATE

16. **Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak atas dakwaan peserta-peserta Projek Mini Estate (Sawit) yang dikendalikan oleh RISDA di Kampung Ketior, Kuala Kangsar, Perak terhadap pengurusan projek yang tidak memuaskan pekerja dan peserta-peserta projek mini estet itu, jika sedar:

(a) apakah langkah-langkah positif telah, sedang dan akan diambil

untuk memperbaiki mutu pengurusan yang lebih cekap dan berkesan untuk menafaatkan kepada peserta-peserta projek dan juga Kerajaan serta negara seluruhnya; dan

(b) apakah langkah-langkah kawalan yang dilakukan oleh pihak Kementerian supaya semua projek mini estet yang dikendalikan oleh pihak RISDA benar-benar dapat menyakinkan orang ramai dan menimbulkan masalah sosial akibat dari pengurusan yang tidak cekap dan bertanggungjawab.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):

(a) Berhubung dengan masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Padang Rengas, Kementerian ini menolak dakwaan yang mengatakan Pengurusan RISDA dalam pembangunan mini estet kampung Ketior, Kuala Kangsar, Perak tidak memuaskan. Apa yang berlaku sebenarnya adalah berkaitan dengan latarbelakang Mini Estet itu sendiri iaitu:

(i) Sebelum rancangan dimulakan kawasan tersebut sentiasa ditenggelami air antara 6 inci hingga 2 kaki. Ini telah menjejaskan kelancaran pembangunan mini estet tersebut;

(ii) Pembangunan mini estet ini terpaksa dilaksana secara peringkat demi peringkat kerana pekebun kecil memohon menyertainya secara tidak serentak iaitu bermula

daripada 81 hektar, diikuti dengan 57 hektar seterusnya bertambah lagi 9 hektar. Keadaan ini telah menjejaskan kelicinan pelaksanaan mini estet kerana sukar untuk menyelaraskan dan mengawal dengan berkesan.

Walau bagaimanapun dengan kegigihan kontraktor yang dipertanggungjawabkan serta perhatian RISDA—sehingga sekarang ini semua kawasan tersebut telah dapat ditanam kecuali kawasan 9 hektar yang paling terakhir menyertai projek ini. Di antara langkah RISDA bagi menjayakan projek Mini Estet ini ialah:

- (i) Pihak RISDA sentiasa mengawasi dan memberi tunjuk ajar kepada kontraktor yang dipertanggungjawab supaya kerja-kerja dapat berjalan dengan lancar;
 - (ii) Di samping lawatan yang dilakukan oleh Penyelia Rancangan, Pegawai RISDA Daerah, Pegawai Kanan Menjaga Wilayah, Pengurus Rancangan dan Pegawai Zon akan mengadakan lawatan lebih kerap supaya sebarang masalah yang timbul akan dapat diatasi segera;
 - (iii) Pihak pengurusan RISDA telah mengarahkan supaya Jawatankuasa Mini Estet mengadakan mesyuarat tiga bulan sekali bagi menyelaraskan dan menjayakan mini estet ini.
- (b) Kementerian mempunyai berbagai cara untuk mengawal dan mengawasi semua projek-projek yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian ini termasuk Mini

Estet di bawah agensi RISDA. Kawalan ini bermula daripada peringkat perancangan sehinggalah peringkat pelaksanaan. Misalnya, di peringkat perancangan Kementerian melulus dan menyelaraskan projek mengikut kemampuan agensi dan peruntukan yang diluluskan. Di peringkat pelaksanaan pula agensi diminta mengemukakan laporan kemajuan sehingga projek itu berjaya.

PROJEK BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR

17. Tuan Patrick Anek Uren minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau akan menentukan dalam rancangan elektrik luar bandar di Bahagian Pertama Sawarak supaya semua penduduk yang berhampiran dengan main trunk line akan diberi kemudahan itu dan tidak lagi hanya ditumpukan kepada mereka yang sudah senang dan maju; dan jika ya, sama ada beliau mempunyai peruntukan untuk menyambung elektrik kepada semua kawasan di Daerah Bau, Bahagian Pertama Sarawak.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Sanusi bin Junid): Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB) sentiasa memberi perhatian di dalam memastikan projek-projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dapat diberi dan dinikmati oleh penduduk di kawasan-kawasan luar bandar mengikut perancangan yang telah diatur. Di dalam melaksanakan tanggungjawab ini KPNLB sentiasa mendapat kerjasama daripada Agensi Pelaksanaan dan Kerajaan Negeri di dalam mengemukakan cadangan-cadangan projek dan memberi ulasan

serta pandangan akan sesuatu projek bagi memastikan bahawa setiap projek yang dirancangan itu benar-benar dapat dilaksanakan dan memberi faedah kepada penggunanya.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Keempat (RME) sejumlah \$12.1 juta telah diluluskan bagi melaksanakan 31 buah projek BELB sepanjang atau berhampiran main trunk line di Bahagian Pertama Sawarak. Projek-projek ini akan memberi kemudahan kepada 52 buah kampung dan rumah panjang untuk faedah lebih kurang 21,000 pengguna.

Di samping itu, Perbadanan Perbekalan Letrik Negeri Sarawak (SESCO) telah mengenalpasti sebanyak 28 buah projek elektrik luar bandar di kawasan yang sama yang boleh dilaksanakan pada tahun-tahun-tahun yang akan datang. Projek-projek ini dianggarkan berjumlah \$24.25 juta yang akan memberi faedah kepada 31,000 pengguna yang tinggal di 88 buah kampung.

Seningga kini sebanyak 7 buah projek BELB dalam Daerah Bau telah diluluskan untuk pelaksanaan bagi membekalkan kepada 9 buah kampung untuk faedah 3,216 pengguna. Sementara itu, 11 buah projek yang dianggar berjumlah \$16.2 juta untuk faedah 17,646 pengguna di 43 kampung telah dikenalpasti untuk dilaksanakan di tahun-tahun akan datang.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, di samping masalah peruntukan yang dapat disediakan oleh Kerajaan masalah lokasi kampung di sekitar main trunk line tersebut yang kebanyakannya bertaburan dan terpencil telah memberi kesan di dalam usaha menyambung dan membekalkan elektrik kepada kampung-kampung yang berkenaan. Oleh yang demikian, usaha untuk memberi kemudahan asas ini telah dan

akan dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut perancangan dan peruntukan kewangan yang disediakan dari masa ke semasa.

PERKHIDMATAN KESIHATAN DI SABAH

18. Tuan Kan Yau Fah minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan kesihatan di Sabah, khasnya apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi kekurangan doktor, specialists, jururawat dan pembantu hospital, dan untuk membekalkan ekuipment dan fasiliti-fasiliti yang baik.

Menteri Kesihatan (Dato' Chin Hon Ngian): Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa dalam tempoh 2 dekad yang lalu beberapa kemajuan telah dibuat dari segi kemudahan-kemudahan rawatan kesihatan dalam memberikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di Negeri Sabah. Beberapa buah hospital dan pusat kesihatan baru telah dibina di seluruh Negeri itu selain dari peningkatan dan mengemaskinikan kemudahan-kemudahan dan peralatan-peralatan yang sedia ada. Sebanyak 7 buah hospital daerah yang baru, sebuah Mental Hospital, 44 buah Gudang Ubat (dispensary), 11 Pusat Kesihatan Daerah, sebuah Polyclinic dan tambahan kepada Hospital Daerah di Sandakan serta Hospital Besar Duchess of Kent di Kota Kinabalu telah siap dibina. Berhubung dengan kekurangan pegawai-pegawai perubatan dan pakar-pakar, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pada keseluruhannya terdapat kekurangan doktor di seluruh negara. Kita akan berusaha untuk menambah pegawai-pegawai perubatan dan pakar-pakar yang ditempatkan di Negeri Sabah dari masa ke semasa.

Saya juga suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa sejak tahun 1981, sebanyak 50 tempat latihan bagi jururawat dan 50 tempat-tempat latihan bagi Pembantu Hospital di sekolah-sekolah latihan di Semenanjung Malaysia telah diperuntukkan kepada pelatih-pelatih dari Negeri Sabah pada tiap-tiap tahun sebagai tambahan kepada kemampuan sekolah-sekolah latihan di Sabah. Jadi kakitangan paramedic di Sabah juga sedang diberi perhatian.

LEBUHRAYA UTARA-SELATAN— PEMBINAAN

19. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Menteri Kerja Raya menyatakan kenapa Jalan raya Utara-Selatan tidak disiapkan mengikut jadual dan apakah sebab-sebabnya bagi kelewatan ini dan bilakah jalan-jalan Ipoh-Kuala Lumpur dan Ipoh-Penang dijangka akan disiapkan.

Menteri Kerja raya (Dato' S. Samy Vellu): Pembinaan lebuhraya Utara-Selatan pada mulanya dijadualkan siap dalam tahun 1986. Tetapi disebabkan oleh kekurangan peruntukan kewangan, jadual tersebut tidaklah dapat ditepati.

Mengenai lebuhraya Kuala Lumpur-Ipoh yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, ia dijangka dapat disiapkan pada akhir tahun 1986. Pada masa ini, reka-bentuk yang terperinci sedang disediakan dan dijangka siap awal tahun hadapan.

Mengenai lebuhraya Ipoh-Butterworth pula, ia dijangka dapat disiapkan dalam tahun 1988. Pada masa ini, sebahagian daripada lebuhraya ini iaitu dari Ipoh ke Changkat Jering sedang dalam pembinaan dan dijangka siap dalam Julai 1985. manakala bahagian dari lebuhraya Changkat Jering ke Butterworth, sedang dalam proses

pengambilan balik tanah dan kerja-kerja pembinaannya dijangka bermula pada awal tahun hadapan.

KUTIPAN TOL— PENYELEWENGAN

20. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) setakat ini adakah jumlah pendapatan hasil kutipan dari tol-tol yang ada mencukupi untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan pemeliharaan jalan-jalan yang mengalami kerosakan ke atas lebuhraya-lebuhraya yang dibina.
- (b) berapakah jumlah kutipan dalam tahun 1983 dan sehingga Jun tahun 1984.
- (c) adakah Yang Berhormat sedar terdapat sedikit-sedikit penyelewengan dari segi kutipan di beberapa rumah tol dilakukan oleh penjaga-penjaga tol. Jika tidak apakah langkah-langkah jaminan untuk menentukan bahawa penyelewengan tidak mungkin berlaku semasa kutipan dilaksanakan oleh penerima-penerima wang di Rumah Tol-Rumah Tol.

Dato' S. Samy Vellu: Jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

- (a) setakat ini jumlah pendapatan hasil kutipan tol, adalah mencukupi untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan penyelenggaraan lebuhraya-lebuhraya yang di bawah tanggungjawab Lembaga Lebuhraya Malaysia.
- (b) jumlah kutipan untuk tahun 1983 ialah sebanyak \$15,440,809.83. Jumlah kutipan

untuk tahun 1984 pula sehingga bulan April ialah \$5,071,693.59. Jumlah kutipan untuk bulan Mei dan Jun sedang diakaun.

- (c) sungguhpun ada kemungkinan berlakunya penyelewengan, tetapi Lembaga Lebuh raya Malaysia mempunyai satu sistem kawalan operasi yang boleh mengesan penyelewengan sekiranya terdapat pemungut-pemungut tol yang cuba melakukannya.

PELAWAT MALAYSIA KE CHINA

21. Tuan Ling Sie Meng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil penyiasatan ke atas pelawat-pelawat Malaysia yang dikatakan memasuki Negara China tanpa kebenaran; adakah Kerajaan menimbang untuk mengampun mereka; jika tidak, mengapa.

Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Jawapan kepada soalan yang hampir sama telah pun saya berikan semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 24hb Julai 1984. Saya tidak bercadang membuat apa-apa tambahan.

INDUSTRI KAMPUNG

22. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah rancangan Kementerian untuk menjalankan industri Kampung yang berasaskan daripada kelapa dan bilakah tarikh perlaksanaannya.

Dato' Sanusi bin Junid: Kementerian saya telah pun membantu usaha-usaha dalam pemasaran barang-barang industri kampung yang berasaskan dari kelapa seperti barang-barang dari lidi, sabut,

tempurung dan sebagainya. Contoh-contoh dan rekabentuk barang-barang tersebut telah dimajukan untuk dibuat oleh pengusaha-pengusaha kampung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Kementerian saya sekarang menumpukan sepenuhnya kepada industri-industri kampung yang berasaskan kayu, rotan, buluh dan tanah liat. Barang-barang dari bahan-bahan ini mempunyai potensi pasaran yang luas di dalam dan luar negeri. Walau bagaimanapun. Kementerian saya sedia memberi bantuan sepenuhnya kepada barang-barang industri kampung yang berasaskan kelapa sekiranya pasaran menggalakkan.

SISTEM PEMBELIAN PUSAT

23. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengubah Sistem Pembelian Pusat yang wujud sekarang supaya tawaran-tawaran Kerajaan untuk membeli serta kerja-kerja di Sarawak dapat diberi kepada pemborong-pemborong Sarawak.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Pembelian Pusat yang diuruskan oleh Kementerian Kewangan sekarang adalah hanya untuk pembekalan barang-barang dan perkhidmatan di Semenanjung Malaysia sahaja. Bagi pembekalan barang-barang dan perkhidmatan di Sarawak, ianya diuruskan oleh Kerajaan Negeri atau Pejabat Kewangan Persekutuan Sarawak.

MAS—PENSŪASTAAN SYARIKAT

24. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada telah ditetapkan yang MAS akan diswastakan, jika benar, menyatakan sebab-sebab langkah sedemikian dijalankan.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan pengswastaan agensi-agensi dan syarikat-syarikat milik Kerajaan, Kerajaan telah jua bersetuju pada prinsipnya untuk mengswastakan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Pada masa ini, satu kajian yang mendalam sedang dijalankan mengenai cara-cara yang sesuai untuk melaksanakan keputusan mengswastakan MAS.

Walaupun MAS sekarang telah dikendalikan sebagai sebuah syarikat, dan prestasinya sehingga setakat ini adalah baik, ianya masih memerlukan pelaburan tambahan supaya dapat terus berkembang. Oleh itu, adalah difikirkan bahawa pihak swasta boleh membantu dalam program perkembangannya dengan melabur dalam bentuk modal dan kepakaran.

PESAKIT KELAS 3— WANG CAGARAN

25. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kementerian sedar, bahawa pengenalan wang cagaran (Deposit Money) serta bayaran harian, untuk rawatan pesakit-pesakit kelas 3 amat membebankan para rakyat yang terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah, jika sedar, inginkah pihak kerajaan mempertimbangkan semula pembatalan bayaran tersebut.
- (b) sama ada pihak Kementerian sedar bahawa di wad-wad bersalin di hospital, pengenalan wang cagaran atau deposit diminta membayar dahulu sebelum pesakit dapat didaftarkan untuk rawatan walaupun keadaan pesakit itu dalam kecemasan, keadaan ini dan tindak-tanduk pihak-pihak

hospital dalam hal ini amat sangat tidak berperi kemanusiaan, jika pihak Kementerian sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah seperti ini.

Dato' Chin Hon Ngian:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perintah Fee Perubatan 1982 telah menguntukkan bahawa bagi pesakit-pesakit kelas 3 yang tidak mampu membayar wang deposit atau bayaran harian, Ketua Hospital atau wakil yang dilantik olehnya boleh mengecualikan pesakit berkenaan dari membayar kesemua atau sebahagian daripada bayaran tersebut. Ini bermakna bagi pesakit yang tidak mampu mereka boleh memohon untuk dikecualikan kesemua atau sebahagian daripada bayaran berkenaan. Lebih dari itu, pesakit yang dimasukkan ke hospital tidak boleh dinafikan rawatan perubatan yang perlu semata-mata kerana tidak mampu untuk membayar deposit berkenaan. Oleh yang demikian, Kementerian tidak bercadang untuk membatalkan bayaran wang deposit dan bayaran perubatan tersebut. Laporan-laporan di Kementerian menunjukkan bahawa sistem ini sedang berjalan secara memuaskan.
- (b) Adalah dimaklumkan berikutan dari berkuatkuasa Perintah Fee (Perubatan) 1982, Kementerian telah mengeluarkan arahan kepada semua hospital supaya mengambil berat terhadap kes-kes kecemasan termasuk ibu-ibu yang bersalin dengan

mengambil tindakan serta merta untuk memasukkan pesakit ke dalam hospital supaya rawatan segera dapat diberikan. Bayaran deposit bolehlah dalam keadaan seperti ini diuruskan selepas rawatan kepada pesakit berkenaan telah diberikan.

JAMBATAN PULAU PINANG— KOS PEMBINAAN

26. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kerja Raya menyatakan jumlah kos bagi Jambatan Pulau Pinang apabila disempurnakan dan sama ada Kerajaan Pusat bersedia menghadiahkan Jambatan itu ke negeri Pulau Pinang sebagai ganti rugi bagi negeri itu yang hilang taraf tradisi negeri itu sebagai satu "pelabuhan bebas".

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pembinaan Jambatan Pulau Pinang adalah dianggarkan berjumlah sebanyak \$850 juta. Pada masa ini, Kementerian saya sedang mengambil tindakan-tindakan yang sesuai bagi melaksanakan satu projek "package deal" bagi menambak laut di bahagian Utara jambatan ini. Rancangan untuk menambak laut yang seluas 500 ekar ini, adalah sedang dijalankan oleh Kementerian saya bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Projek ini akan diswastakan dan hasil daripada jualan tanah yang seluas lebih kurang 500 ekar itu kelak akan digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk membayar balik sama ada ke semua ataupun sebahagian daripada kos pembinaan Jambatan Pulau Pinang ini kepada Kerajaan Persekutuan, bergantung kepada jumlah hasil yang dapat diterima daripada jualan tanah itu kelak.

Oleh hal yang demikian itu, soal sama ada Jambatan Pulau Pinang akan dihadiahkan kepada Kerajaan Negeri ataupun sebaliknya, adalah tidak berbangkit.

WARGANEGARA— PEMASTAUTIN TETAP

27. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah warganegara dan jumlah yang bukan warganegara tetapi telah menjadi pemastautin tetap yang tinggal di negara ini dan berapakah daripada pemastautin tetap ini kini telah memohon untuk mendapat sijil warganegara dan jika mereka telah memohon biasanya beberapa lamakah diharapkan untuk mendapatkan sijil warganegara mereka.

Dato' Musa Hitam: Jumlah warganegara yang telah dianugerahkan taraf mereka dari Hari Merdeka sehingga 31-5-84 ialah 2,278,540. Pada masa ini, terdapat 315,568 orang pemegang Permit Masuk dan dari jumlah ini, 15,594 telah memohon untuk mendapatkan taraf warganegara.

Tempoh masa yang diambil untuk memproses dan menimbang setiap permohonan taraf kerakyatan bergantung kepada hasil penyiasatan rapi terhadap setiap maklumat pemohon itu sendiri.

BAS EKSPRES— PERKHIDMATAN

28. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah hasil kajian mengenai keperluan perkhidmatan pengangkutan Bas Ekspres bagi semua laluan yang diwartakan sekarang telah mencukupi, dan apakah beliau sedar bahawa adanya Bas-bas Persiaran mengambil penumpang-penumpang di berbagai destinasi yang berlaku sekarang sebagai membuktikan bahawa keperluan perkhidmatan masih perlu ditambah terutama bagi laluan-laluan yang baru.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

kajian mengenai keperluan perkhidmatan bas ekspres yang telah dijalankan oleh Kementerian saya pada awal tahun 1983 adalah bertujuan untuk menentukan sejauh mana permintaan terhadap perkhidmatan bas ekspres telah dipenuhi dan juga untuk merumus satu cara yang sesuai di dalam membuat telahan di mana berlakunya ketidakseimbangan antara permintaan dan penawaran. Melalui kajian tersebut, adalah didapati bahawa sehingga akhir tahun 1982 terdapat lebih daripada 100 laluan bas ekspres telah diluluskan dan tidak kurang daripada 60 buah bandar-bandar di Semenanjung Malaysia menerima perkhidmatan bas ekspres.

Di dalam menentukan permintaan terhadap perkhidmatan bas ekspres satu petunjuk yang telah digunakan di dalam kajian tersebut ialah peratus muatan bas-bas ekspres yang sedang beroperasi. Hasil daripada kajian tersebut adalah didapati bahawa purata muatan yang dicapai oleh pengusaha-pengusaha pada masa ini ialah 54% sahaja kecuali bagi sebilangan kecil laluan yang mencapai 75%. Peratus muatan sebanyak 54% ini tidaklah begitu menggalakkan dan ini menunjukkan bahawa kebanyakan perkhidmatan di laluan-laluan bas ekspres yang ada sekarang sudah pun mencukupi dan tidak perlu ditambah lagi. Kementerian saya akan hanya menambah perkhidmatan di laluan-laluan yang terbukti masih boleh menampung perkhidmatan tambahan dan yang mempunyai potensi untuk berkembang. Kajian akan terus dijalankan dari masa ke semasa untuk mengenalpasti laluan-laluan ini dan iklân akan disiarkan di dalam akhbar-akhbar untuk mempelawa permohonan-permohonan bagi mengadakan perkhidmatan tambahan di laluan-laluan yang telah dikenalpasti itu.

Saya sedar bahawa banyak terdapat bas-bas persiaran yang menjalankan

perkhidmatan ekspres haram dengan mengambil penumpang-penumpang di berbagai destinasi seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, ini tidak pula bermakna bahawa terdapatnya keperluan tambahan bagi perkhidmatan bas ekspres di destinasi-destinasi berkenaan. Penumpang-penumpang yang menaiki bas-bas persiaran itu sebenarnya adalah merupakan penumpang-penumpang yang sepatutnya menaiki bas-bas ekspres. Sebagaimana yang disebutkan tadi, hasil daripada kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa purata peratus muatan bas-bas ekspres hanyalah 54% sahaja. Tarikan bas persiaran yang digunakan sebagai ekspres haram ialah dengan mengenakan tambang yang lebih murah. Ini dapat dibuat oleh mereka kerana mereka cuma memilih untuk memberi perkhidmatan pada masa-masa sebok sahaja padahal bas-bas ekspres biasa perlu mengikut jadual tertentu untuk menjamin perkhidmatan kepada orang ramai.

Saya percaya Ahli Yang Berhormat sendiri mengetahui bahawa ekspres haram ini tidak akan teragak-agak membatalkan perkhidmatan mereka jika mereka tidak mendapat penumpang yang cukup. Perkhidmatan seperti ini tidak sihat dan tidak boleh digunakan sebagai petanda keperluan perkhidmatan tambahan.

Perkhidmatan bas ekspres di laluan-laluan baru juga sentiasa diawasi oleh Kementerian saya. Ini dapat dibuktikan dengan adanya perkhidmatan-perkhidmatan sebaik sahaja laluan-laluan baru yang sesuai untuk perkhidmatan bas ekspres ujud, seperti di laluan Kota Bharu—Gua Musang dan laluan Lebuhraya Timur Barat. Memang terdapat beberapa permohonan untuk mengadakan perkhidmatan bas ekspres daripada

pekan-pekan kecil yang ditolak kerana adalah tidak munasabah bagi mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan di antara tempat-tempat tersebut. Jika permohonan tersebut diluluskan, pengalaman-pengalaman lepas menunjukkan bahawa pemohon akan membuat beberapa permohonan perubahan oleh kerana syarikat-syarikat mereka menghadapi kerugian kerana kekurangan penumbang. Pendek kata laluan-laluan bas ekspres untuk pekan-pekan kecil tidak seharusnya diadakan kerana perkhidmatan tersebut tidak menguntungkan.

MAHASISWA/MAHASISWI DI UNIVERSITI TEMPATAN

29. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapakah jumlah bilangan Mahasiswa dan Mahasiswi boleh ditempatkan di semua Universiti dalam negeri mengikut tiap-tiap Universiti; dan
- (b) apakah jurusan pengajian yang dijalankan di Universiti-universiti tempatan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis:

- (a) Berdasarkan kemampuan Universiti-universiti tempatan pada masa ini, tiap-tiap Universiti dijangka boleh menampung bilangan enrolmen pelajar-pelajar kira-kira 10,000 orang apabila pembangunannya sudah mencapai peringkat maksima.
- (b) Jurusan pengajian yang dijalankan di Universiti-universiti tempatan adalah jurusan Sastera, Sains dan Teknologi.

PEMBAZIRAN DI JABATAN- JABATAN KERAJAAN

30. Wan Ibrahim Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah langkah-langkah yang

diambil oleh Kerajaan bagi mengelak daripada berlakunya berbagai pembaziran oleh beberapa Kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan dan Agensi-agensi Kerajaan sebagai yang dilaporkan, didengar dan diketahui oleh orang ramai.

Dato Sabbaruddin Chik: Beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan berlakunya berbagai pembaziran oleh Kementerian, Jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (a) Pemeriksaan belanjawan yang ketat oleh Perbendaharaan;
- (b) Pengeluaran surat-surat arahan tertentu memberitahu cara-cara menjimatkan wang;
- (c) Tindakan susulan yang diambil oleh Perbendaharaan berkaitan dengan pemeriksaan dan laporan Ketua Audit Negara berhubung dengan pengurusan kewangan Kementerian, Jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan;
- (d) Pemeriksaan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ke atas laporan Ketua Audit Negara; dan
- (e) Pemberian peruntukan bagi tiap-tiap suku tahun setelah dikaji keperluan sebenar oleh Perbendaharaan mulai dari tahun 1984.

PERISYTIHARAN LABUAN SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN

31. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan secara detail syarat-syarat dan terma-terma yang dimeterai antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah berhubung dengan pengisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abu Samad): Syarat-syarat dan terma-terma yang telah dimeterai di antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri Sabah berhubung dengan pengisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

1. Artikel I—Pemindahan kehakiman dan kuasa ke atas Labuan dan Pulau-Pulau yang berkaitan

(i) Mulai dari 16hb April, 1984, Labuan dan Pulau-Pulau yang berkaitan (Pulau Rusukan Besar, Rusukan Kecil, Keraman, Burong, Papan dan Daat) yang luasnya 8,935 hektar akan terhenti dari menjadi sebahagian dari kawasan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sabah juga akan memberhentikan sebarang kedaulatan terhadap kawasan ini. Kuasa-kuasa kehakiman Yang di-Pertua Negeri atau Badan Kehakiman Negeri Sabah juga turut tamat terhadap kawasan ini.

(ii) Kerajaan Persekutuan juga akan melaksanakan kedaulatannya terhadap kawasan yang dinyatakan di atas. Semua kuasa-kuasa dan badan-badan kehakiman di Labuan dan Pulau-Pulau yang dinyatakan akan diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan.

2. Artikel II—Kawasan-kawasan Wilayah Persekutuan Labuan

Wilayah Persekutuan Labuan terdiri dari:

(i) Pulau Labuan	8,508 hektar
(ii) Pulau Kuraman	154 hektar
(iii) Pulau Rusukan Kecil	8 hektar
(iv) Pulau Rusukan Besar	14 hektar
(v) Pulau Burong	3 hektar
(vi) Pulau Papan	10 hektar
(vii) Pulau Enoe	(sedang ditambah)
(viii) Pulau Daat	238 hektar

3. Artikel III—Title kepada Sri Labuan

Bangunan yang dikenali sebagai Sri Labuan dan tanah berkaitan yang digunakan akan dipertanggungjawab pengurusannya kepada Wilayah Persekutuan Labuan.

4. Artikel IV—Hak ke atas harta yang boleh dialih (ubah)

Semua harta dan asset selain dari harta yang tidak boleh diubah yang terletak atau dimiliki atau di bawah kawalan atau dipegang oleh Kerajaan Negeri Sabah terhadap kawasan tersebut akan diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan.

5. Artikel V—Penggantian hak tanggungan dan obligasi

Semua hak tanggungan dan obligasi Kerajaan Negeri Sabah sebelum 16hb April, 1984 akan diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan.

6. Artikel VI—Tidak ada tuntutan gantirugi oleh Kerajaan Negeri Sabah

Tidak ada gantirugi yang akan dibuat dalam sebarang bentuk berkaitan dengan penyerahan kawasan tersebut melainkan mengikut peruntukan di dalam perjanjian.

**LESEN MEMANDU KERETA
MOTOR/PERMIT AP—
PEMALSUAN**

32. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah/sedang/akan dibuat untuk membentaras dan menghapuskan pemalsuan Lesen Memandu Kereta Motor, pemalsuan permit "AN" dan lain-lain pemalsuan lagi.

Dato' Musa Hitam: Kerajaan sedar bahawa ada kegiatan-kegiatan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berlaku. Langkah-langkah untuk menghindarnya, Jabatan Pengangkutan Jalan telah memperkenalkan lesen memandu bentuk baru yang mempunyai ciri-ciri keselamatan mulai 1 Februari, 1984, bagi membenters kegiatan pemalsuan. Rekod-rekod lesen yang dikeluarkan di simpan dalam komputer yang terkawal.

Manakala mengenai pemalsuan lesen import (*AP* bukan *AN*) pula, sekarang ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sudah mengadakan peraturan baru bagi mengesan dengan mudah lesen-lesen import yang dipalsukan. Kaedah-kaedah pengeluarannya juga telah diperketatkan lagi.

Kerajaan sentiasa memandang berat dan mengambil tindakan tegas menurut undang-undang ke atas sesiapa yang melakukan kegiatan pemalsuan lesen memandu kereta motor, permit "AP" dan lain-lain pemalsuan.

KELAS BAHASA IBUNDA

33. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memudahkan dan melicinkan prosedur-prosedur yang harus diikuti setiap tahun sebelum kelas-kelas bahasa ibunda boleh bermula kerana mengikut prosedur sekarang, kelas-kelas tersebut hanya dapat bermula pada hujung penggal pertama atau pada permulaan penggal kedua dan tamat pada akhir bulan Oktober dan nyatakan tindakan yang ambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan peruntukan kelas-kelas ibunda serta meninggikan kadar bayaran guru-guru yang mengajar bahasa ibunda.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Menurut peruntukan Akta Pelajaran 1961,

kelas-kelas Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan/Sekolah Rendah Kebangsaan boleh dijalankan jika ada permintaan daripada ibubapa sekurang-kurangnya 15 orang murid. Oleh itu, pelaksanaan pengajaran kedua-dua bahasa ini bergantung kepada permintaan ibubapa. Jika permintaan itu diterima sebelum penggal persekolahan bermula maka kelas-kelas itu boleh dijalankan sejak hari pertama. Sebaliknya, jika permintaan itu lewat maka pelaksanaannya terpaksa dibuat setelah segala keperluan dapat diadakan.

Kerajaan telah menaikkan kadar elaun guru-guru mengajar kedua-dua matapelajaran ini, iaitu daripada \$5.00 sejam dalam 1983 menjadi \$10.00 sejam untuk 1984 untuk peringkat sekolah rendah, dan daripada \$10.00 sejam (1983) menjadi \$15.00 (1984) untuk peringkat sekolah menengah.

INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN—KAJIAN

34. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pelajaran menyatakan apa tindakan yang akan diambil terhadap hasil Kajian Institut Penyelidikan Perubatan baru-baru ini mengenai masalah kekurangan pemakanan (*undernutrition*) di kalangan murid sekolah rendah di kawasan-kawasan luar bandar. Dengan terhentinya Rancangan Makanan Tambahan di seluruh negara, kini apakah rancangan yang wujud di kawasan-kawasan luar bandar yang bertujuan meningkatkan mutu makanan dan kebajikan mereka. Adakah Rancangan susu sekolah yang baru merupakan ganti kepada Rancangan Makanan itu.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Kajian yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Perubatan bukanlah dijalankan bagi pihak Kementerian

Pelajaran. Walau bagaimanapun kebanyakan perakuan-perakuan laporan kajian tersebut adalah selaras dengan usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran seperti Rancangan Makanan Tambahan, Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan di peringkat sekolah, Projek susu sekolah dan Rancangan Kesihatan Sekolah.

Tidak benar Rancangan Makanan Tambahan diberhentikan ke seluruh negara. Rancangan Makanan tambahan dengan menggunakan bahan-bahan selain daripada susu lembu masih diteruskan di sekolah-sekolah yang kurang daripada 200 orang murid, manakala Projek Susu adalah dilaksanakan di sekolah-sekolah yang lebih daripada 200 orang murid.

Projek Susu Sekolah tidak akan menggantikan Rancangan Makanan Tambahan di semua sekolah oleh sebab sebilangan sekolah terutama sekolah-sekolah di kawasan pedalaman tidak dapat dihubungi secara mudah dan dengan perbelanjaan yang wajar oleh pembekal-pembekal susu.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DI PERAK—CAWANGAN

35. **Dato Haji Saidin bin Mat Piah** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar Kerajaan akan mendirikan sebuah Pusat Pengajian Tinggi di Negeri Perak; jika benar:

- (a) bilakah pelaksanaannya akan dimulakan dan dimana;
- (b) bagaimanakah bentuk pelaksanaannya, adakah merupakan sebuah kampus sementara sahaja atau menaikkan taraf Politeknik yang ada atau menubuhkan sebuah Universiti Tetap: dan

(c) apakah bidang kursus yang mungkin diadakan di Pusat Pengajian yang bakal didirikan kelak.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Cadangan untuk mendirikan sebuah kampus cawangan Universiti Sains Malaysia di Perak itu adalah masih di peringkat perancangan. Dengan demikian adalah terlalu awal untuk ditentukan bila ianya akan dimulakan atau perkara-perkara terperinci mengenai.

BAYARAN BERAS LPN

36. **Tuan Ling Sie Meng** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada Lembaga Padi dan Beras Negara telah mengenakan bayaran yang lebih (over-charged) ke atas beras yang dijual kepada pengguna-pengguna sejak LPN ditubuhkan yang telah menyebabkan LPN memperolehi keuntungan yang banyak dan tinggi, dan mengapa keuntungan-keuntungan seumpama itu tidak diakaunkan.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Soalan Yang Berhormat itu telah pun saya jawab pada 17hb Julai 1984.

TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK—PENUBUHAN

37. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan penubuhan pusat-pusat "day-care" oleh Kerajaan atau sektor swasta untuk kanak-kanak yang berumur pra-sekolah supaya membolehkan wanita-wanita yang bekerja memajukan potensi sendiri mereka serta menyumbang ke arah tugas pembinaan negara.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Kementerian saya sedar bahawa

keperluan kemudahan untuk taman asuhan kanak-kanak makin bertambah memandangkan lebih ramai wanita tampil ke hadapan untuk bekerja dan memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembangunan negara. Selaras dengan dasar Kerajaan supaya sektor swasta memainkan peranan yang lebih penting dalam pembangunan negara kita, Kementerian saya akan memberi segala sokongan dan galakan kepada pihak swasta, komuniti tempatan dan pertubuhan sukarela untuk menyediakan kemudahan taman asuhan kanak-kanak. Bagi melaksanakan tujuan ini, Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah iaitu:

- (i) Merangka satu Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak supaya dengan pengawasan yang akan dijalankan di bawah Rang Undang-undang itu perkembangan taman asuhan kanak-kanak di negara kita akan berjalan dengan teratur;
- (ii) Menyediakan kaedah-kaedah di bawah Rang Undang-undang tersebut supaya mutu perkhidmatan dan pengurusan taman asuhan Kanak-kanak dapat diujud dan dikawal; dan
- (iii) Mewujudkan satu unit yang dinamakan Unit Perkembangan Asuhan Kanak-kanak di Kementerian saya untuk, di antara lain, memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada penganjur-penganjur yang ingin menubuhkan taman asuhan kanak-kanak.

DASAR PENSWASTAAN

38. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan garis-garis panduan yang telah dilaksanakan ke atas polisi penswastaan seperti yang diumumkan baru-baru ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Seperti yang telah dinyatakan pada 23hb Julai 1984 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka dan Pelabuhan Kelang, Kerajaan akan mengeluarkan Garis Panduan Khas untuk orang ramai bagi Dasar Penswastaan ini tidak lama lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Garis Panduan ini pada umumnya menggariskan beberapa faktor yang perlu diambilkira oleh pihak-pihak yang berkenaan apabila menyediakan rancangan-rancangan untuk menyertai dalam sesuatu skim penswastaan ini. Diharap Ahli Yang Berhormat dapat bersabar sedikit untuk menunggu Garis Panduan ini.

AKTA PENYELARASAN INDUSTRI—SYARAT

39. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementerian bercadang melonggarkan syarat-syarat Akta Penyelarasan Industri untuk menggalakkan pertumbuhan sektor swasta yang lebih pesat memandangkan bahawa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat telah menegaskan pentingnya peranan sektor swasta dalam memperangsangkan pertumbuhan ekonomi pada beberapa tahun yang akan datang; kalau ya, apakah perubahan-perubahan itu; kalau tidak, mengapa.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Majlis Penasihat Perindustrian yang terdiri dari wakil-wakil swasta dan Kerajaan sedang membincangkan dengan Kementerian saya beberapa langkah untuk memperkemas lagi pentadbiran serta peraturan-peraturan di bawah

Akta Penyelarasan Perindustrian supaya minat para pelabur akan terus dapat dipertingkatkan. Antara perkara terpenting yang dibincangkan ialah melonggarkan paras pengecualian daripada keperluan mendapatkan lesen pengilang dan meluluskan lesen pengilang secara automatik bagi projek-projek yang pelaburannya kurang daripada sesuatu paras tertakluk kepada syarat-syarat biasa melainkan syarat mengenai kapasiti. Butir-butir lanjut belum dapat diumumkan lagi kerana masih di peringkat perbincangan.

ASEAN INDUSTRIAL JOINT VENTURE—SAHAM

40. Tuan Yew Foo Weng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan adakah benar Malaysia akan mengambil saham yang terbesar dalam dua dari pada empat ASEAN Industrial Joint Venture (AIJV) yang telah diluluskan oleh Persidangan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Ministers) (AEM) di Jakarta dan bolehkah Yang Amat Berhormat Menteri menyatakan adakah negara kita mempunyai kemampuan untuk menampung beban ini memandangkan negara kita masih mengalami kesukasan melaksanakan projek-projek berat yang lain seperti projek MALAYSIA dan sebagainya.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Pihak swasta Malaysia akan memiliki 62% daripada saham-saham dua projek Usahasama Perindustrian ASEAN (ASEAN Industrial Joint-Venture) yang telah diluluskan oleh persidangan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN di Jakarta pada bulan Mei, 1984 yang lalu. Kedua-dua projek ini adalah dalam bidang komponen kenderaan bermotor untuk menampung keperluan tempatan serta pasaran di negara-negara ASEAN.

Saya suka menjelaskan bahawa pelaburan untuk kedua-dua projek ini adalah dikendalikan oleh pihak swasta tempatan secara usahasama dengan pelabur-pelabur asing. Dengan itu, Kerajaan tidak terlibat dalam mengeluarkan modal pelaburan dan soal beban pelaburan kepada Kerajaan tidak timbul.

TV4—CADANGAN

41. Dr Chen Man Hin minta Menteri Penerangan memberi butir-butir berhubung dengan cadangan TV4, syarikat yang telah diberi franchise dan nama pemegang-pemegang sahamnya, terma-terma operasi sistem tersebut dan lain-lain; dan sama ada apa-apa franchise telah diberi untuk penyiaran radio swasta; jika ya, beri butir-butir lanjut.

Dato' Chan Siang Sun: Kementerian saya belum lagi ada cadangan mengenai penubuhan TV4.

Mengenai franchise yang telah diberi untuk Syarikat Penyiaran Radio Swasta, setakat ini hanya Syarikat Rediffusion dikeluarkan lesen mengendalikan siaran radio swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen kepada Rediffusion adalah dikeluarkan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menurut Akta Telekom 1950.

Mengenai dengan nama pemegang-pemegang saham pula, Ahli Yang Berhormat bolehlah berhubung dengan pihak Pendaftaran Syarikat untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan itu.

PLAN MEMASANG MOTOKAR

42. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah plan memasang

motokar yang ada di negara ini, pengeluarannya mengikut jenis, model dan kuasa dan peratus kereta-kereta yang dipasang di sini yang sedia ada dalam pasaran kereta.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:
Pada masa ini terdapat 8 buah kilang yang menjalankan aktiviti pemasangan pelbagai jenis buatan dan model kereta penumpang.

Untuk tahun berakhir 31hb. Disember, 1983 kilang-kilang ini memasang 16 jenis buatan, mengandungi 48 model kesemuanya. Manakala bilangan dipasang berjumlah 100,226 unit, terbahagi mengikut kuasa enjin, seperti berikut:

4,396 unit di bawah 1200 cc
79,717 unit dari 1201 cc hingga 1600 cc
16,113 unit dari 1601 cc hingga 3818 cc

Jumlah . . . 100,226 unit

Pasaran kereta penumpang untuk Semenanjung Malaysia dalam tahun 1983 boleh dilihat melalui pendaftarannya dimana dari jumlah 94,375 unit yang didaftarkan 87,373 unit atau 92.6% daripadanya adalah pasangan tempatan.

YUNIT KHAS COUNTER—TRADE

43. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah Kemajuan yang telah tercapai dengan ujudnya Yunit Counter trade di Kementerian ini semenjak ianya ditubuhkan dalam tahun 1981, di dalam menambahkan penjualan bahan-bahan utama negara seperti getah, bijih timah dan kayu-kayan di pasaran antarabangsa.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:
Untuk makluman Yang Berhormat berkenaan. Yunit Khas Counter-trade hanya ditubuhkan pada 1-7-1983. Sistem perdagangan secara "countertrade" ini hanyalah merupakan peraturan perdagangan tambahan kepada amalan perdagangan yang sedia wujud sekarang. Countertrade akan hanya digalakkan di dalam kes-kes yang didapati sesuai dan menguntungkan negara. Walaupun kesemua barang-barang eksport Malaysia sama ada barangan utama atau barang-barang perkilangan boleh dilibatkan di dalam urusan perdagangan secara baru ini, namun demikian penggunaan barang-barang utama kita, seperti minyak kelapa sawit, getah asli, bijih timah dan kayu-kayan, adalah dihadkan, oleh kerana ianya tidak menghadapi masalah pasaran di luar negeri, terutama di negara-negara yang tidak menghadapi masalah pertukaran matawang asing. Tegasnya dasar countertrade Malaysia adalah lebih memberi perhatian kepada pemasaran barang-barang perkilangan dan separa perkilangan Malaysia di mana negara kita menghadapi masalah mendapatkan pasaran. Barangan utama negara kita akan digunakan bagi urusan perdagangan secara countertrade (malahan telah pun digunakan di dalam urusan perdagangan secara ini dengan negara-negara Korea Selatan, Yugoslavia, Brazil dan Rumania), sekiranya merupakan penambahan jualan ke negara-negara berkenaan, tidak menjejaskan pasaran yang sedia ada dan bagi mencukupkan volum/nilai barang-barang Malaysia yang hendak dibeli di bawah obligasi countertrade berkenaan.

PELANCONGAN—GALAKAN

44. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada

beliau sedar bahawa Malaysia tidak memberikan galakan yang cukup bagi menarik pelancong, jika begitu apakah langkah konkrit yang sedang diambil bagi mengatasi masalah ini berhubung dengan memperkuatkan Perbadanan Kemajuan Pelancongan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Industri pelancongan di Malaysia telah berkembang dengan pesatnya dalam tempoh 12 tahun yang lalu dan kini merupakan industri yang ketujuh pentingnya di dalam memberikan pendapatan pertukaran wang asing selepas petrolium, kayu-kayan (sawn logs) minyak kelapa sawit, getah, timah dan kayu bergergaji (sawn timber). Berdasarkan kepada Statistics Economic tahun 1983, pendapatan oleh industri pelancongan ialah dianggarkan sebanyak 1.166 Billion Ringgit.

Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia adalah merupakan badan yang telah dipertanggungjawabkan bagi memperkenalkan negara ini sebagai sebuah destinasi pelancongan. Di dalam hubungan ini, usaha pemasaran yang telah dan akan dijalankan di seluruh dunia terutama di pasaran-pasaran pelancongan yang terkemuka adalah melalui aktiviti-aktiviti berikut:

- pengiklanan,
- penggalakan,
- perhubungan awam dan pablisiti,
- pencetakan dan pagedaran risalah pelancongan.

Usaha-usaha ini telah menunjukkan kesan yang positif memandangkan peningkatan bilangan pelancong ke negara ini. Dalam tahun 1983 jumlah kedatangan pelancong-pelancong asing adalah 2.75 juta berbanding dengan jumlah kedatangan pelancongan dalam tahun 1972 iaitu 992,500. Ini menunjukkan kadar pertumbuhan sebanyak 10.1 peratus.

Kerajaan sedar bahawa industri pelancongan perlu diberi galakan yang sewajarnya untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara ini agar industri pelancongan dapat memberi lebih banyak pendapatan dari pertukaran wang asing, sekaligus mempebaiki kedudukannya dari tangga ketujuh.

Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah menjalankan Penyelidikan Pasaran Antarabangsa bagi mengenalpasti pasaran-pasaran utama dan meneliti potensi-potensi setiap pasaran berkenaan. Hasil kajian ini yang baharu sahaja dibentangkan akan menjadi garis panduan kepada strategi dan program pemasaran jangka pendek dan jangka panjang yang dijalankan oleh Perbadanan. Kajian berkenaan telah menunjukkan bahawa pasaran jarak dekat (short haul) yang utama bagi Malaysia ialah Singapura, Negeri Thai dan Hong Kong. Pasaran jarak pertengahan (medium haul) pula ialah Jepun dan Australia. Pasaran jarak jauh (long haul) mengikut keutamaan adalah United Kingdom, Jerman Barat dan Amerika Syarikat.

Program-program pemasaran yang dijalankan adalah ditujukan kepada dua kumpulan sasaran utama (target groups) iaitu bakal-bakal pelancong (consumer) dan penggalak-penggalak pelancongan seperti pengusaha-pengusaha pelancongan, penulis-penulis perjalanan (travel writer) dan perunding-perunding pelancongan (travel consultants).

Program-program Pemasaran juga dijalankan bagi menggalakkan pelancongan dalam negeri. Ini adalah bertujuan untuk mengurangkan rakyat Malaysia dari melancong ke luar negeri supaya aliran keluar pertukaran wang asing dapat dikurangkan. Bagi mencapai matlamat ini program-program yang dijalankan termasuklah pengiklanan, pameran-pameran, pertunjukan-pertunjukan kebudayaan serta penyebaran risalah.

Kerajaan menyedari bahawa infrastruktur pelancongan di negara ini masih berkurangan dan penyediaan kemudahan tertumpu di kawasan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Hakikat ini menyebabkan Kerajaan menawarkan insentif-insentif pelaburan yang menarik supaya penyediaan kemudahan-kemudahan pelancongan juga diwujudkan di kawasan-kawasan yang mempunyai potensi tetapi belum dimajukan. Insentif pelaburan yang ditawarkan ialah seperti taraf perintis, pengecualian cukai, "accelerated depreciation allowance" dan "industrial building allowance". Perbadanan Kemajuan Pelancongan telah merintis jalan ke arah penyediaan kemudahan pelancongan di kawasan kurang maju dengan pembinaan Tanjong Jara Beach Hotel, Rantau Abang Visitors Centre dan Motel Desa di Pantai Timur serta Langkawi Country Club di Pulau Langkawi. Di samping itu Kerajaan Negeri dan pihak swasta telah mengambil langkah yang positif sama ada secara bersendirian atau usahasama menyediakan kemudahan-kemudahan pelancongan. Ini termasuk pembinaan Taman Impian dan Kemuning Beach Resort di Port Dickson, Club Mediterranee di Cherating, Tanjong Rhu di Langkawi dan Tanjong Bidara di Melaka.

KEBOCORAN SOALAN PEPERIKSAAN STPM

45. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) hasil siasatan tentang kebocoran Kertas-kertas Soalan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 1983; dan
- (b) apakah langkah-langkah rapi yang akan diambil untuk mengelak berlakunya kejadian ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis:

- (a) hasil siasatan kebocoran kertas-kertas soalan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia telah pun diumumkan pada 21hb Jun 1983.
- (b) Kementerian Pelajaran sedang mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mengelakkan berulangnya kejadian ini pada masa yang akan datang.

(Soalan No. 46 dijawab pada 19-7-84).

(Soalan No. 47 dijawab pada 19-7-84).

MEMBANTU NEGERI-NEGERI MISKIN

48. Tuan Othman bin Abdul minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat bagi membantu negeri-negeri miskin yang prestasi pembangunannya rendah sepertimana yang terdapat di dalam Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:
Dalam usaha Kerajaan memperbaiki kedudukan negeri-negeri miskin di negara ini, langkah-langkah yang telah dan akan diambil bolehlah dibahagikan kepada 3 kumpulan, iaitu pengubahsuaian strategi-strategi pembangunan, penyusunan semula program-program pembangunan supaya dapat memesatkan pembangunan ekonomi negeri-negeri dan pemberian peruntukan kewangan untuk membiayai usaha-usaha pembangunan.

Dengan tujuan meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi dan daya pengeluaran, maka strategi-strategi pembangunan Kerajaan, antaranya berhubung dengan Pembangunan sumber-sumber alam semula jadi,

perbandaran dan pembangunan industri, telah diubahsuai. Strategi pembangunan sumber alam semula jadi khususnya pertanian di negeri-negeri miskin ditumpukan kepada usaha-usaha membangunkan kawasan pertanian yang sedia ada, termasuk pengusahaan yang lebih cekap tanah-tanah terbiar dan yang tidak diusahakan sepenuhnya, penggunaan teknik-teknik penanaman moden dan sistem perkebunan secara koperatif.

Mengenai strategi perbandaran kawasan luar bandar pula, pengumpulan semula kampung-kampung merupakan usaha penting dalam mewujudkan lebih ramai tenaga mahir, perkhidmatan-perkhidmatan khusus dan kemudahan-kemudahan bandar yang sesuai serta menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil. Usaha ini akan dijalankan sepenuhnya apabila sahaja kedudukan kewangan negara menjadi lebih kukuh. Mengenai penyebaran industri, negeri-negeri miskin digalakkan membuat pengkhususan dan memilih jenis industri yang sesuai dimajukan. Nilai-nilai hidup dan etika kerja penduduk-penduduk dibentuk supaya lebih bersikap positif terhadap kemajuan dan lebih berusaha untuk meningkatkan taraf hidup mereka sendiri.

Berbagai program mengikut sektor-sektor pertanian, perindustrian, infrastruktur dan sosial telah dan akan dijalankan bagi meningkatkan taraf pembangunan negeri-negeri miskin. Program pembangunan pertanian bersepadu dijalankan disamping membekalkan kemudahan parit dan taliair, rancangan tanam semula/pemulihan serta lain-lain bentuk khidmat sokongan. Di dalam sektor perindustrian pula, langkah-langkah pentadbiran dan fizikal telah dijalankan untuk mempengaruhi penempatan industri di negeri-negeri miskin sementara program-program

pembangunan infrastruktur seperti pembinaan lebuh raya, meningkatkan kemudahan pelabuhan dan lapangan terbang dan program-program kemudahan awam seperti bekalan air dan elektrik, kesihatan dan pelajaran dapat memajukan kegiatan ekonomi negeri-negeri tersebut. Di samping itu keupayaan perancangan dan pelaksanaan juga dikukuhkan terutamanya dari segi pentadbiran khusus untuk meningkatkan kecekapan dan pengeluaran sektor awam.

Perlaksanaan strategi-strategi dan program-program yang dibentangkan tadi sudah semestinya memerlukan peruntukan yang banyak. Pada lazimnya, negeri-negeri miskin ini tidak mampu untuk membiayai peruntukan pembangunan sendiri. Oleh yang demikian Kerajaan telah menyediakan peruntukan unuk membiayai usaha-usaha pembangunan tersebut.

BARANG KEPERLUAN— AWASI HARGA

49. Tuan Hassan Alban Haji Dandukong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperimbang harga barang-barang keperluan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Bagi barang-barang keperluan yang harganya diawasi oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian saya akan berusaha menentukan harga jualan barang-barang tersebut adalah berpatutan bagi pihak pengguna serta juga pengeluar dengan mengambilkira kos pengeluaran dan pengedaran yang terlibat. Tidak dinafikan bahawa bagi barang-barang seperti ini terdapat perbezaan harga di antara satu tempat

dengan satu tempat yang lain. Walau bagaimanapun kita perlu menerima hakikat bahawa perbezaan-perbezaan seperti ini adalah satu amalan perdagangan biasa dan yang boleh diterima memandangkan bahawa kos bagi mengedar barang-barang berkenaan ke tempat-tempat tertentu dari punca-punca bekalan, juga berbeza-beza. Perbezaan-perbezaan harga ini bukanlah hanya terjadi di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah atau Sarawak, tetapi juga berlaku di Semenanjung Malaysia, atau di Sabah atau Sarawak. Harga barang-barang petroleum, simen, besi keluli dan sebagainya misalnya adalah berbeza-beza di antara bandar-bandar dan kawasan-kawasan di seluruh negara. Apa yang dipentingkan oleh Kerajaan ialah supaya bekalan barang-barang ini sentiasa mencukupi dan ditawarkan pada harga-harga yang difikirkan munasabah dan berpatutan setelah mengambilkira semua kos-kos pengeluaran dan pengedaran, dan tidak ada pihak-pihak tertentu berpeluang mengeksploitasi keadaan bekalan ini.

GURU-GURU DI SARAWAK— PENGESAHAN

50. Tuan Justine Jinggut minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyak guru-guru di Sarawak yang belum disahkan oleh kerana mereka belum lagi lulus dalam peperiksaan Bahasa Malaysia. Adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk menghentikan polisi ini. Ini adalah kerana kebanyakan daripada guru-guru ini adalah mempunyai pengalaman yang lama. Juga pada masa sekarang gaji mereka pun tidak dapat dinaikkan oleh kerana mereka belum lagi disahkan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Jumlah guru di Sarawak yang belum lagi disahkan dalam jawatan oleh kerana

belum memenuhi syarat lulus dengan kepujian Bahasa Malaysia serta lulus Ujian Lisan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia ialah 823, iaitu terdiri daripada 786 orang guru Kategori C dan 37 orang guru Kategori D. Di samping itu terdapat juga seramai 32 orang guru Kategori B yang disyaratkan lulus dengan kepujian Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Rendah Pelajaran untuk tujuan pengesahan mereka masih belum lagi memenuhi syarat tersebut.

Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menghentikan polisi ini kerana ia melibatkan dasar bahasa dan syarat perjawatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

USUL

LAPORAN JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN

(Bil. Dr 2 Tahun 1984)

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,

“Bahawa Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah dibentangkan sebagai Kertas Bil. Dr 2 Tahun 1984 hendaklah diterima dan hukuman terhadap Yang Berhormat Ahli dari Sandakan seperti yang dicadangkan dalam perenggan 14 Laporan tersebut hendaklah dipersetujui dan dijalankan pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

DAN

Pindaan-pindaan dicadangkan oleh Tuan Abdullah bin Haji Hamid:

Bahawa Perenggan 14 Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah dibentangkan sebagai

Kertas Bil. Dr 2 Tahun 1984 yang menjadi sebahagian daripada usul yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri hendaklah dipinda seperti berikut:

1. Perkataan "oleh sebab" pada baris ketiga hendaklah dipotong dan digantikan dengan perkataan "walaupun".
2. Selepas perkataan "Jawatankuasa ini" dalam ayat kedua perkataan-perkataan dimasukkan perkataan-perkataan "tetapi memandangkan bahawa perkara ini amat serious".
3. Perkataan "satu gusaran (reprimand)" hendaklah dipotong dan digantikan dengan perkataan-perkataan "dihukum dengan digantung daripada menghadiri persidangan Dewan Rakyat sepanjang sidang Belanjawan tahun ini".
4. Perkataan "gusaran" dalam ayat akhir digantikan dengan perkataan "hukuman". (24hb Julai, 1984)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah meneliti cadangan pindaan di atas pindaan usul di hadapan Majlis yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka kelmarin.

Peraturan Mesyuarat 30 (1) adalah berbunyi seperti berikut:

Pada masa sesuatu usul itu di dalam timbangan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa Majlis Mesyuarat, bolehlah dicadangkan pindaan-pindaan jika pindaan itu berkaitan dengan usul itu".

dan Peraturan Mesyuarat 30 (2) berbunyi:

"Pindaan ini usul pula boleh dicadangkan di pinda jika berkaitan dengan pindaan asal".

Perkara yang saya kena timbangkan sekarang adakah pindaan ke atas pindaan ini berkaitan dengan pindaan asal seperti yang di kehendaki oleh Peraturan Mesyuarat 30 (2) itu.

Mengikut buku *An Introduction to the Procedure of the House of Commons* oleh Lord Campion, Edisi Ketiga, di muka 176, dia mengatakan "Pindaan akan menjadi out of order jika sekiranya tidak berkaitan dengan perkara yang dibentangkan atau jika di persetujuan akan mengeluarkan satu makna yang cacat, tidak bermakna atau perkataan-perkataan yang tidak mempunyai grammar".

Dan mengikut Erskine May *Parliamentary Practice*, Edisi Ke-19 muka 388, ia berkata "Asas pertama ialah satu perbahasan itu hendaklah berkaitan dengan soal yang dikemukakan dan ini kenalah berikut dengan satu ruling bahawa tiap-tiap pindaan itu hendaklah berkaitan dengan soal yang dicadangkan itu".

Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam pindaan ke atas pindaan ini yang mencadangkan bahawa wakil dari Hulu Padas itu hendaklah bersama-sama turut dihukum. Pada fikiran saya tidak berkaitan dengan pindaan asal (*Tepuk*) kerana apa yang dicadangkan di dalam pindaan kepada pindaan ini mengubah character atau keadaan cadangan pindaan asal itu. Tambahan lagi cadangan pindaan atas pindaan ini bercanggah dengan usul asal dan akan menghasilkan keputusan tidak bermakna dan cacat kerana Jawatankuasa Hak dan Kebebasan tidak mendapati ahli dari Hulu Padas itu bersalah atau beliau telah pun membuat kenyataan yang palsu dan yang demikian tidaklah boleh dia dihukum.

Oleh yang demikian, saya menolak cadangan pindaan di atas pindaan ini sebagai tidak berkaitan (*Tepuk*).

3.38 ptg.

Tuan Abdillah bin Haji Hamid (Silam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menurut Peraturan Mesyuarat 40 (1) yang berbunyi:

“Setelah sesuatu masalah dikemukakan kepada mesyuarat maka seseorang ahli boleh bangun di tempatnya dan menuntut mencadangkan usul ‘iaitu masalah ini diputuskan sekarang’. Jadi, saya mencadangkan bahawa masalah ini diputuskan sekarang.

(Usul ini tiada sokongan dari Ahli-ahli).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan:

Bahawa Perenggan 14 Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah dibentangkan sebagai Kertas Bil. Dr 2 Tahun 1984 yang menjadi sebahagian daripada usul yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri hendaklah dipinda seperti berikut:

1. Perkataan “oleh sebab” pada baris ketiga hendaklah dipotong dan digantikan dengan perkataan “walaupun”.
2. Selepas perkataan “Jawatankuasa ini” dalam ayat kedua perkataan-perkataan dimasukkan perkataan-perkataan “tetapi memandangkan bahawa perkara ini amat serious”.
3. Perkataan “satu gusaran (reprimand)” hendaklah dipotong dan digantikan dengan perkataan-perkataan “dihukum dengan digantung daripada menghadiri persidangan Dewan Rakyat sepanjang sidang Belanjawan tahun ini”.

4. Perkataan “gusaran” dalam ayat akhir digantikan dengan perkataan “hukuman”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa Perenggan 14 Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah dibentangkan sebagai Kertas Bil. Dr 2 Tahun 1984 yang menjadi sebahagian daripada usul yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri hendaklah dipinda seperti berikut:

1. Perkataan “oleh sebab” pada baris ketiga hendaklah dipotong dan digantikan dengan perkataan “walaupun”.
2. Selepas perkataan “Jawatankuasa ini” dalam ayat kedua perkataan-perkataan dimasukkan perkataan-perkataan “tetapi memandangkan bahawa perkara ini amat serious”.
3. Perkataan “satu gusaran (reprimand)” hendaklah dipotong dan digantikan dengan perkataan-perkataan “dihukum dengan digantung daripada menghadiri persidangan Dewan Rakyat sepanjang sidang Belanjawan Tahun ini”.
4. Perkataan “gusaran” dalam ayat akhir digantikan dengan perkataan “hukuman”.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa Usul seperti yang dipinda terbuka sekali lagi untuk dibahaskan.

Tuan Lim Kit Siang Sekarang kita masuk usul yang asal.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat telah pun berucap kelmarin dahulu?

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Saya mahu tanya sama ada boleh kemukakan pindaan itu tadi kepada usul yang asal dan bukan kepada usul yang dipinda.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tidak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong.

3.41 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, usul di hadapan kita seperti dipinda cuba gantung Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dari menghadiri Persidangan Belanjawan Dewan ini.

Tuan Speaker, Dewan ini nampak habuk dalam mata orang lain, tetapi tidak nampak gajah dalam mata sendiri. Apa yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Sandakan, dibuat dengan ikhlas dan dengan rela membuat tuduhan-tuduhan atas Ahli bagi Ulu Padas, Ketua Menteri Sabah.

Tuan Speaker, apa yang Dewan ini bersedia mengeneipkan dan telah mengeneipkan ialah penggunaan salah hak dan kebebasan Parlimen. Dalam masa lampau saya digantung dengan sebab mengguna kata-kata "kurang ajar" atas Menteri Penerangan, pada masa itu Menteri Penerangan enggan memberi jalan bagi saya untuk memberi penjelasan dalam Dewan ini atas tuduhan-tuduhan DAP itu ialah "Anti Raja-raja".

Dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Yang di-Pertua Dewan itu telah memanggil saya "kurang ajar" dan walaupun saya menyeru beliau tarik balik kata-kata itu, beliau enggan membuat demikian. Nampaknya, Tuan Speaker, "kurang ajar" boleh digunakan dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, tetapi dilarang dalam Dewan Rakyat.

Semalam, Tuan Speaker, ahli dari Pasir Puteh dengan muka tebal dan dengan sikap hendak lawan menyatakan "jika jumpa ular dan orang India, bunuh orang India dulu". Ahli Yang Berhormat itu

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya tidak kata macam itu, dia tidak dengar, telinga tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat bercakap bukanlah berkenaan dengan usul di hadapan kita, saya mintalah bercakap berkenaan dengan usul di hadapan kita.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, apa yang ada dibangkitkan kelmarin atas peribahasan usul ini juga. Apa yang sudah dicakapkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada dalam rekod, oleh kerana itu saya tentu dapat hak dan satu peluang untuk memberi pandangan saya

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa

Tuan Karpal Singh:
Singh: tidak boleh apa yang beliau cakap masuk di dalam rekod, tetapi apa yang saya hendak cakap tidak boleh masuk dalam *Hasard*.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau sekiranya cakapan Yang Berhormat itu bersangkutan dengan usul, saya akan benarkan. Jikalau tidak sangkut dengan usul, saya tidak benarkan. Usul ialah bersangkutan-paut dengan usul menerima Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan seperti dipinda.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, apa yang saya terperanjat,

kelmarin ada satu ruling yang dibuat oleh Timbalan Speaker di mana beliau ada cakap perkataan itu boleh digunakan dan ada dalam peribahasa.

Tuan Yang di-Pertua: Dan saya telah pun menerangkan kedudukan ruling itu kelmarin.

Tuan Karpal Singh: Jadi ruling itu tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah menerangkan, saya meminta kepada Ahli-ahli Parlimen jangan menggunakan perkataan itu, jadi saya mintalah Yang Berhormat pun jangan menggunakan perkataan itu.

Tuan Karpal Singh: Saya bukan gunakan perkataan itu. Apa yang saya mahu, Tuan Speaker, penjelasan atas apa yang ada dicakapkan kelmarin, adakah itu parliamentary? Jikalau Tuan Speaker cakap tidak parliamentary, kami terima?.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu sudahpun berlaku Yang Berhormat dari Jelutong

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Boleh saya beri penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh—jangan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tidak boleh beri penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan beri penjelasan apa-apa

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya berhak beri penjelasan kepada orang yang tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan beri penjelasan tidak dikehendaki.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Kalau dia tidak fahamlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan. Bercakaplah berkenaan dengan perkara yang di hadapan kita iaitu berkenaan dengan Laporan Jawatankuasa seperti yang dipinda.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, apa yang saya mahu tahu ruling yang ada dibuat oleh Timbalan Speaker kelmarin tidak sah. Itu bermakna apa yang Tuan Speaker baru-baru ini bercakap-bolehkah saya ertikan begitu?

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu bukan di hadapan saya sekarang. Perkara ruling kelmarin, perkara di hadapan saya sekarang ini ialah bersangkutan dengan usul ini, dan kelmarin saya telah pun beritahu setakat mana pada fikiran saya perkataan-perkataan itu

Tuan Karpal Singh: Tidak boleh diguna?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh digunakan.

Tuan Karpal Singh: Terima Kasih. Tuan Speaker, dalam hal perbincangan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, buku "Membongkar Dosa-dosa BERJAYA" ada dikenalkan sebagai satu bukti. Kata-kata digunakan dalam buku itu ada dimuka surat 39, saya quotekan apa yang ada dalam buku itu:

"Lebih dari separuh tanah-tanah di Labuan kata orang sudah jadi milik Datuk Harris dan beberapa orang kawan-kawan yang sealiran dengannya, yang sekarang ini jadi orang-orang BERJAYA. Tanah ini asalnya milik orang kampung dan juga tanah Kerajaan, dengan berbagai tipu-helah,"

Ini apa yang digunakan dalam buku itu Tuan Speaker, perkataan:

".....tipu-helah, tekanan, pujukan dan ada kalanya ugutan,

dari satu kawasan ke kawasan lain, tanah-tanah orang kampung berpindah ke tangan Datuk Harris yang di belinya dari penduduk dengan harga murah. Tanah-tanah Kerajaan di mana sahaja dengan bersama kawan-kawan dalam Pejabat Daerah, Pejabat Tanah di Labuan dan juga di dalam Majlis Perbandaran dengan mudah bertukar jadi milik Datuk Haris bin Mohd. Salleh".

Tuan Speaker, sampai hari ini apa yang ada dalam buku itu, apa yang ada, jikalau tidak betul, tentu Ahli dari Ulu Padas buat satu kes dalam mahkamah "kes fitnah", tetapi sampai hari ini sudah 8 tahun, apa yang ada dicatat dalam buku itu ada di sana sampai hari ini. Jikalau Tuan Speaker itu betul

Tuan Abdullah bin Haji Abdul Hamid: *(Bangun)*.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, ada seorang yang bangun di belakang.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Minta jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta jalan.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Saya ingin memberi penjelasan kepada Yang Berhormat dari Jelutong bahawa buku "Dosa-dosa BERJAYA" yang dikeluarkan oleh Parti Perikatan pada tahun 1976 tidak didapati di negeri Sabah, jadi seharusnya buku ini tidak wujud dan tidak dibawa ke Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, apa yang ada dalam buku itu sampai sekarang ada di sana. Jikalau tidak betul, jikalau tidak ada apa benar perkataan yang ada di dalam buku itu, kenapa Ahli dari Ulu Padas tidak buat tindakan dalam Court? Beliau tidak buat oleh kerana apa yang ada di sana betul.

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob: *(Bangun)*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada

Tuan Karpal Singh: Tidak ada bermakna lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada apa lagi, ya!

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob: Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob: Tuan Yang di-Pertua, masalah "Dosa-dosa BERJAYA" buku itu memang ada, tetapi kebetulannya bukan yang ada itu yang betul. Kalau betul rakyat akan menentukan sama ada benar atau tidak, sudah nyata tahun 1976, tahun 1981 BERJAYA menghapuskan segala-segala pertentangan daripada pihak Pembangkang kerana rakyat boleh menentukan yang mana benar, yang mana tidak benar. Tidak payah kita mencari di buku-buku kerana buku-buku ini semuanya karut, karut kerana orang yang membuat, menulis buku itu adalah orang yang mempunyai kepentingan diri sendiri, kepentingan politik untuk menjahanamkan BERJAYA yang tidak berdosa, yang sudah dibuktikan satu parti yang memerintah, yang disokong sepenuhnya oleh rakyat. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Karpal Singh: Sudah cukup keriau atau mahu keriau lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, Yang Berhormat dari Jelutong, sila teruskan, jangan berbahas.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, ini buku bukan ditulis oleh Ahli DAP atau Parti DAP. Saya ada buku di sini, jikalau ahli dari, tak tahu mana, mahu tahu boleh baca apa yang ditulis di sini

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: Tunggu sebentar, saya kata

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu! Minta jalan dahulu. Jika dia tak beri jalan, tak boleh bercakap.

Tuan Karpal Singh: Boleh keriau lagi (*Ketawa*).

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: Yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, Parti Pembangkang, bukan DAP saya maksudkan. Parti Pembangkang di Sabah, saya tidak kata DAP, tetapi Parti Pembangkang. Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, siapa makan lada dia rasa pedasan (*Tepuk*).

Tuan Karpal Singh: Parti Perikatan Sabah masa itu jadi musuh Parti Berjaya, sekarang "strange bed fellows", iaitu apa yang bermakna apa yang jadi

Tuan Yang di-Pertua: Bercakap kepada saya, jangan bercakap kepada dia!

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker pun ada pernah jadi Hakim Mahkamah Tinggi dan Tuan Speaker ada tahu jikalau seorang ada buat satu tuduhan dan ini bukan tuduhan yang tidak serius, tuduhan yang ada dalam print, dalam buku. Jikalau ada buat begitu, jikalau orang yang ada dituduh, yang ada didakwa dalam perkataan-perkataan itu tidak jawab, jikalau tidak jawab, "silence is in fact admission", dengan izin, Tuan Speaker.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ada orang bangun lagi di belakang.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Minta jalan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan

kedudukan. Barangkali Yang Berhormat dari Jelutong ini akan mengambil masa begitu lama memperbahaskan 'Dosa-dosa Berjaya' ini. Untuk makluman Yang Berhormat dari Jelutong ini saya rasa perkara ini tentu telah diputuskan oleh pemimpin-pemimpin Berjaya supaya tidak dibawa ke mahkamah oleh kerana kalau dibawa ke mahkamah mungkin akan memakan masa begitu panjang dan perkara ini dalam hemat saya perkara kecil dan sudah diumumkan tidak betul.

Tuan Karpal Singh: Perkara kecil 'tipu helah', itu perkara kecil, bukan perkara kecil, Tuan Speaker. Apa ada tulis dalam ini separuh, 50% ada kepunyaan Ketua Menteri Sabah. Apa yang saya kata tadi, Tuan Speaker, Ketua Menteri ini bukan tidak tahu di mana ada mahkamah. Beliau ada pernah pergi ke mahkamah dalam satu kes, jikalau saya beri contoh, kes Datuk Harris Salleh lawan Encik Abdul Jalil bin Ahmad dan satu orang lain. Tajuk buku itu, Tuan Speaker, ini ada satu kes dalam Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur tahun dahulu, 'Tumbangnya Harris Salleh', itu tajuk buku itu. Ini apa yang ada catit dalam 'Malayan Law Journal, 1983' Vol. 1, jikalau saya tidak silap.

(*Dengan izin*): "The defamatory articles complaint of related to the Member for Ulu Padas' conduct in acquiring the site of the building of BERJAYA Headquarters by exchanging prime timber land to the owner of the site. By this exchange, the Member of Ulu Padas was alleged to have acquired 50% share of the building whilst the

other 50% was held by another member of this family. He was alleged to have received gifts amounting to \$3.4 million on his 50th birthday, and at a party celebrating his birthday his wife was presented with a necklace worth \$1.5 million

.....

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua, 36 (9) bahawa dalam apa jua perbincangan tidak bolehlah disebutkan kelakuan atau sifat sesiapa Ahli-ahli Parlimen atau sesiapa Pegawai Kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau Pegawai Kerajaan.

Jadi saya ingin, Tuan Yang di-Pertua, supaya membuat satu ruling supaya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini tidak dibenarkan membuat tuduhan-tuduhan kepada Ahli-ahli Parlimen yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Silam itu betul. Yang Berhormat dari Jelutong janganlah bercakap bersangkut-paut dengan kes-kes lain. Yang di hadapan kita ialah usul bersangkut-paut dengan Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan seperti yang dipinda, saya minta bercakap atas itu, janganlah bercakap perkara lain (*Tepuk*).

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya beri satu contoh. Jikalau Ketua

Menteri ini Ahli dari Ulu Padas orang bodoh, tidak tahu boleh pergi ke mahkamah untuk buat tindakan atas apa yang ada dalam buku ini, itu barangkali boleh, tetapi orang ini ada pergi ke mahkamah tahun dahulu juga, Tuan Speaker. Jikalau apa yang ada dalam buku 'Membongkar Dosa-dosa Berjaya' tidak benar, fasal apa tidak ada buat kes dalam mahkamah?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan dan penjelasan. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong mengatakan isi dalam buku itu tidak dinafi atau tidak ambil tindakan oleh Ketua Menteri Sabah, tetapi saya ingin bertanya daripada Laporan Jawatankuasa Dewan daripada mukasurat 42

Tuan Yang di-Pertua: Mukasurat berapa?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Mukasurat 42.

Tuan Yang di-Pertua: 42?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Ya, barangkali daripada mukasurat 38 lagi sehinggalah ke mukasurat 65 ini menerangkan tentang kedudukan tanah yang dimiliki oleh yang dituduh, Datuk Harris. Jadi dengan ini membuktikan bahawa tulisan yang ada di dalam buku yang disebut oleh Yang Berhormat itu sudah terjawab dengan sendirinya. Inilah buktinya buku Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan ini.

Datuk Dr James P. Ongkili: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap! Saya ingat tak boleh buat satu, satu. Yang Berhormat sila teruskan, saya minta janganlah sebutkan satu benda yang tak bersangkut dengan usul dan buku itu tidak pun dikeluarkan bukti-bukti kebetulannya dalam penyiasatan di hadapan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan—tidak, hanya dimasukkan

sebagai satu 'exhibit' sahaja yang mana menunjukkan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah pun mengalaskan kepercayaan kepada buku itu, tetapi tidak ada satu pun kenyataan yang menyatakan isi-isi buku itu adalah betul.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, buku ini sudah jadi 'Exhibit F'. Jikalau sudah jadi exhibit, tentu boleh, apa effect itu, bukan contents, but the effect of the contents, one of the truths of the contents; effect—silence, tidak ada jawab, tidak ada buat tindakan, tidak ada buat kes dalam mahkamah. Apa bermakna itu jikalau apa yang ada dalam buku itu tidak benar, by inference.

Tuan Speaker, dalam fikiran saya tuduhan-tuduhan yang ada dibuat oleh rakan saya dari Sandakan

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan, kalau boleh. Saya ingin memberi penjelasan bahawa sebabnya Parti Berjaya tidak menjawab buku itu ialah semata-matanya, satu, buku itu adalah buku propaganda politik yang dikeluarkan oleh satu golongan parti politik, Parti Perikatan dewasa itu dan oleh sebab ianya semata-matanya propaganda politik, maka tidak usah kita membuang masa untuk menjawabnya.

Yang kedua, oleh kerana seperti yang telah dikatakan oleh beberapa Ahli di Dewan ini rakyat telah membaca juga, saya percaya, buku itu di Sabah sungguhpun tidak banyak yang kita ketahui dikeluarkan di sana dalam tahun 1976 dan seterusnya, tetapi sepanjang ini rakyat telah menolak Perikatan. Perikatan telah kalah dalam pilihanraya tahun 1976 di Sabah dan Parti Berjaya telah disokong oleh rakyat dan menjadi Parti Kerajaan sehinggalah pada tahun 1981 sekali lagi rakyat menolak Perikatan

yang telah mengeluarkan buku yang memang palsu ini dan sekali lagi dalam tahun 1981 rakyat telah mengundi Berjaya untuk memegang mandat dan memerintah Negeri Sabah sebagai sebahagian daripada pucuk pimpinan di negara kita ini dan itulah kita tidak membuang masa atas buku itu.

Saya minta juga Dewan mengambil perhatian bahawa Tuan Yang di-Pertua telah memberi ruling tadi bahawa buku itu betul juga telah dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, tetapi Tuan Yang di-Pertua pernah mengatakan beberapa hari dahulu yang sungguhpun ianya telah menjadi satu daripada exhibit-exhibit itu tetapi buku ini sebenarnya tidak diterima, tidak digunakan isinya, kandungannya oleh Jawatankuasa itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, propaganda politik sepertimana Tuan Speaker ada tahu sebagai seorang hakim dalam propaganda politik tidak boleh ada tuduhan-tuduhan yang boleh diambil dalam mahkamah. Kes Lee Kuan Yew vs Jayaratnam adalah satu contoh.

Tuan Alias bin Md. Ali: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta jalan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong adalah menjadi salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan dan beliau sudah pun mempunyai banyak masa, diberi peluang untuk menyatakan kesnya bagi pihak Ahli dari Sandakan untuk membela Ahli dari Sandakan dan menggunakan buku itu kalau sekiranya beliau anggap patut sebagai alasan, hujah untuk juga menghukum Ahli dari Ulu Padas. Tetapi walau bagaimanapun, ternyata bahawa beliau barangkali tidak melakukannya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tertib

Dewan dan membuang masa kita di sini untuk sekali lagi menimbulkan hujah-hujah yang sepatutnya sudah pun dihujahkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan (*Tepuk*). Jadi saya anggap beliau membuang masa kita di sini. Sepatutnya apa yang dicakapkannya kepada Dewan ini sudah dicakapkannya dalam Jawatankuasa waktu ia bersidang dan kalau fikiran dan pendapat beliau tidak boleh diterima oleh Jawatankuasa itu maka tidak ada sebab mengapa kita juga patut mendengar dan menerima hujah-hujah daripada Ahli dari Jelutong.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya ada hak. Saya jadi satu Ahli Dewan ini. Saya jadi satu Ahli Jawatankuasa itu juga tetapi saya ada hak untuk berucap atas Usul ini. Oleh kerana Timbalan Menteri yang ada jadi satu Ahli Jawatankuasa itu juga ada ambil Usul ini dalam Dewan ini dan kelmarin lagi satu Ahli; Ahli dari Segamat ada ambil bahagian dalam perbahasan

Tuan Yang di-Pertua: Saya setuju Yang Berhormat ada hak. Sila teruskan.

Tuan Karpal Singh: Sungguhpun bila Ahli dari Pasir Puteh sebut orang India dan ular, Ahli dari Segamat tidak buat apa-apa protes

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Karpal Singh: Ya, Tuan Speaker. Tuan Speaker (*Ketawa*).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam): Minta jalan. Tuan Yang di-Pertua, peribahasa yang disebutkan tadi, semalam apabila disebutkan, saya tidak ada dalam Dewan. Walau bagaimanapun, saya ada di dalam Dewan apabila Yang di-Pertua telah membuat penjelasan dan juga keputusan atas perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara yang disebutkan itu ialah bersangkutan dengan Yang Berhormat juga menjadi Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan telah pun bangun berucap kelmarin.

Tuan S. Subramaniam: Terima kasih. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga menjelaskan. Sebelum itu saya minta Ahli Yang Berhormat janganlah ulangkan peribahasa itu yang telah dijelaskan oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa ianya tidak boleh digunakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat baik dalam ataupun di luar Dewan Rakyat.

Yang kedua, semalam say tidak mengambil bahagian dalam Usul. Saya memberi penjelasan sebagai Ahli dalam Jawatankuasa, saya memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong tentang satu perkara yang saya fikir beliau telah salah anggap.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. Saya ingat minta teruskan. Kita

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, satu Ahli dari

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, kita sudah memakan masa yang panjang dalam perkara Usul ini, saya mintalah Yang Berhormat

Tuan Karpal Singh: Apa yang saya terperanjat satu Ahli dari UMNO panggil Ahli MIC, semua orang India worst than a snake

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telah

Tuan Karpal Singh: tetapi tidak ada apa-apa protes

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ahli dari Jelutong

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua

.....

Tuan Karpal Singh: Semua orang pun tuduh perkara ini, ya!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, saya telah pun bagi ruling saya kelmarin.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dia menetapkan dia orang, dia bukan apa, dia bukan orang India.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah pun memberi tahu kelmarin perkataan itu tak payah digunakan. Saya minta jangan gunakan.

Tuan Karpal Singh: Saya mahu tahu pendirian MIC dalam perkara ini, semua duduk juga bila ada soalan serius. (Disampuk).

Tuan Yang di-Pertua: Pendirian MIC.

Tuan Karpal Singh: atas masyarakat (Disampuk) India dalam Dewan ini. Di mana ada MIC masa itu? Di mana ini president, sitting there. (Disampuk).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Datuk Dr James P. Ongkili: Tatatertib, duduk, duduk (Ketawa). Tatatertib, duduk.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu: Now you sit down!

Tuan Karpal Singh: Tidak beri jalan, duduk!

Dato' S. Samy Vellu: Boleh, saya boleh cakap dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau tidak beri jalan, benar sama saya.

Tuan Karpal Singh: Saya tidak beri jalan.

Dato' S. Samy Vellu: Saya boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap.

Dato' S. Samy Vellu: Saya boleh jawab.

Tuan Karpal Singh: Sit down. I am not giving way (Ketawa).

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Karpal Singh: No way.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta duduk. Yang Berhormat daripada

.....

Dato' S. Samy Vellu: Ahli ini tidak ada hormat, dia bukan manusia.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat duduk. (Disampuk).

Tuan Karpal Singh: Down, down.

Dato' S. Samy Vellu: You are an animal.

Tuan Karpal Singh: Down, boy! Down, boy! (Ketawa).

Dato' S. Samy Vellu: You are a boy.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong.

Dato' S. Samy Vellu: You are a boy without manners. Mannerless boy! We are boys, you are a cow!

Tuan Karpal Singh: You are two boys! Get up, third boy get up.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' S. Samy Vellu: You are a cow!

Tuan Karpal Singh: Don't worry! Sit down boy!

Dato' S. Samy Vellu: We are a boy, you are a cow!

Tuan Karpal Singh: We are a boy. What kind of English is that? (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Speaker, on a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: On a point of order.

Tuan Karpal Singh: Tidak beri jalan.

Dato' K. Pathmanaban: On a point of order.

Tuan Karpal Singh: Tidak beri jalan.

Dato' K. Pathmanaban: On a point of order, faham tak?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, nanti sekejap. Ini daripada Menteri minta point of order ya?

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, what is the excitement?

Dato' S. Samy Vellu: We are excited because he is a fool in this house!

Tuan Karpal Singh: Don't worry!

Tuan Yang di-Pertua: Come on!

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(4). Saya menyentuh di sini perkataan-perkataan yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai seorang Ahli yang lain kata "sit down boy", itu bukanlah perkataan yang boleh digunakan dalam Dewan yang menjadi offensive kepada seorang Ahli Yang Berhormat. Saya harap dapat diputuskan bahawa perkataan itu ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa "sit down boy" itu tidak patut digunakan. Kita kena menggunakan perkataan Yang Berhormat dan sebagainya di dalam Dewan ini dan perkataan-perkataan offensive itu tak patut. Saya mintalah Ahli dari Jelutong itu jangan hilang dia punya calm. Saya harap sebagai seorang peguam yang senior (*Disampuk*) (*Tepuk*).

Dato' S. Samy Vellu: Senior!

Tuan Yang di-Pertua: Jangan kata begitu Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Small boy is laughing now.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada

Tuan Karpal Singh: Sit down! No way! Down!

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Karpal Singh: No way, down! Tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Siput saya tak benarkan, biarlah saya bercakap dengan dia dahulu.

Dato' S. Samy Vellu: Dia bukan Yang di-Pertua Dewan. Saya minta penjelasan.

Tuan Karpal Singh: Sit down, boy!

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, dia tak benar. Dia tak benar.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: On a point of order.

Tuan Karpal Singh: Down!

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau sekiranya dia tak bagi jalan

Tuan Karpal Singh: When the time comes to rise up, nobody rises up. India orang ular, itu jam tidak berdiri (*Ketawa*). Orang India ular, ya? (*Ketawa*).

Dato' S. Samy Vellu: Apa ular?

Tuan Karpal Singh: Tidak berdiri? Sekarang tiga-tiga berdiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong

Dato' S. Samy Vellu: Sekarang tiga-tiga berdiri. Sama awak pun saya boleh berdiri. I am seeing you from here. Tak malu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, untuk mententeramkan Dewan ini maka dengan ini saya akan minta Yang Berhormat keluar daripada Dewan ini. Saya hendak minta (*Tepuk*) Sergeant-at Arms supaya mengescortkan Yang Berhormat keluar daripada Dewan ini (*Tepuk*).

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, itu (*Tepuk*) (*Disampuk*) Tuan Speaker tidak ada ikut procedure, kerana bagi No. 44(1)—unconstitutional.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah, tak payah (*Tepuk*).

(*Tuan Karpal Singh keluar Dewan dan diiringi oleh Bentera Mesyuarat*).

Tuan Yang di-Pertua: Ada ucapan lagi?

Wan Mohd. Najib Wan Mohamad: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah bercakap kelmarin.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Usul yang dibentangkan saya belum bercakap, saya bercakap Usul daripada Ulu Padas tetapi pindaan, saya belum bercakap lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sudah panjang ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Panjang?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Kalau sedikit tak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa sudah cukup panjang. Saya akan kemukakan Usul ini untuk diputuskan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Oleh kerana saya bangun, Tuan Yang di-Pertua, biar saya bercakap dua minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sudah cukup.

Wan Mohd. bin Wan Mohamad: Fasal saya berhak bercakap di dalam ini, kerana saya belum bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan cukup panas, cukuplah (*Ketawa*). Masing-masing panas. Saya minta orang bertenang, orang tak mahu bertenang. Saya rasa sudah cukuplah. Saya akan kemukakan

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya belum cakap, minta dua minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, saya rasa sudah cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan ini dikemukakan atau diputuskan, semalam saya ada bertanya mengenai meminta Tuan Yang di-Pertua untuk membuat satu kajian. Semua pindaan yang dikemukakan yang ada di hadapan Mesyuarat adakah "proper" dan "regular" oleh kerana untuk meminda laporan dan bukan lain-lain sebab-sebab, saya ada kemukakan dan adakah ini "regular" dan "proper" dan adil.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah pun mengkaji perkara itu dan saya rasa itu "proper" yang patut dipinda ialah di atas penyata, tidak boleh dipinda di atas usul kerana usul itu hanya mengatakan hendaklah dikuatkuasakan dan jikalau sekiranya penyata itu dipinda maka usul itu dengan sendirinya ikut akan menguatkuasakan seperti yang dipinda.

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.13 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bangun berucap membahas Usul yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Sebelum saya menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, inginlah saya menarik perhatian Dewan ini bahawa sebelum Jawatankuasa Hak dan Kebebasan memulakan penyasatannya, Jawatankuasa tersebut perlulah mengadakan mesyuarat pertamanya untuk menentukan procedure perbicaraan.

Dalam mesyuarat itu adalah ditetapkan bahawa Kanun Procedure Jenayah (FMS Chapter 6) hendaklah dijadikan procedure di dalam kesemua perbicaraan di hadapan Jawatankuasa. Juga diputuskan bahawa Akta Keterangan 1950 hendaklah dipakai untuk menerima atau menolak apa-apa keterangan yang dikemukakan di dalam perbicaraan nanti.

Berkenaan dengan kewajipan mengeluarkan bukti, dengan izin, the onus of proof hendaklah terletak kepada siapa yang menyatakan sesuatu perkara mengikut seksyen 101 Akta Keterangan 1950. Oleh yang demikian dalam menjalankan penyasatan Yang

Berhormat dari Sandakan yang mula-mula mengeluarkan kenyataan dalam Dewan yang mulia ini pada 31hb Oktober, 1983 dikenali sebagai Yang Mendakwa. Yang Berhormat daripada Ulu Padas yang mengeluarkan kenyataannya selepas itu dikenali Yang Menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berucap panjang menyoal keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan berkenaan dengan keputusan Jawatankuasa tersebut menolak kandungan-kandungan yang terdapat dalam Exhibit B1 hingga B10.

Sebenarnya dalam perbicaraan tersebut, pihak Yang Mendakwa mengemukakan beberapa senarai yang mengandungi keterangan hak milik tanah yang didakwa adalah kepunyaan Yang Berhormat dari Ulu Padas. Selain daripada senarai yang dikemukakan sebagai Exhibit A yang mengandungi 33 perkara, pihak Yang Mendakwa juga mengemukakan 10 senarai yang lain yang mana terdapat hak milik tanah kepunyaan beberapa syarikat yang kononnya juga dimiliki oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas sebagai seorang pemegang saham dalam syarikat-syarikat tersebut.

Senarai-senarai itu dikenali sebagai B1 hingga B10. Kesemua senarai-senarai tersebut ada tercatat dalam laporan yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini dari muka 37 hingga muka 41.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada exhibit B7 dan B9 di muka 40 dan 41. Ternyata sekali tanpa menyasat lebih lanjut bahawa tanah-tanah yang disebut dalam exhibit tersebut tidak dimiliki oleh Yang Berhormat dari Ulu Padas tetapi dimiliki oleh dua orang wanita yang secara kebetulannya ayah mereka adalah bernama Md. Saleh.

(Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Maka jelaslah sekali bahawa senarai-senarai yang tersebut dalam Exhibit B7 dan B9 tidak boleh digunakan untuk menentukan bahawa hak milik tanah tersebut adalah kepunyaan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas sendiri.

Berbalik kita kepada Exhibit A di bawah Butiran 33 ternyata nombor hak milik N.T. 5306 yang keluasanya sebanyak 10.105 ekar tetapi jika kita perhatikan Butiran Nombor 11 di dalam exhibit B5 muka 40 dalam laporan yang dibentangkan ternyata kepada kita bahawa tanah yang serupa juga disenaraikan di situ di bawah nama Tropical Orchids Sendirian Berhad yang kononnya dimiliki oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas.

Mengikut keputusan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang mana salah seorang Ahlinya juga terdiri daripada parti DAP iaitu Ahli dari Jelutong, semua bukti-bukti hak milik yang disenaraikan dalam Exhibit B1 sehingga B10 di tolak oleh kerana tidak dibuktikan bahawa Yang Berhormat dari Ulu Padas memiliki tanah-tanah tersebut secara persendirian.

Jawatankuasa Hak dan Kebebasan memutuskan bahawa mengikut Undang-undang Tanah Syarikat-syarikat Berhad, adalah merupakan "legal persona" ataupun dengan lain perkataan syarikat-syarikat tersebut bolehlah diumpamakan sebagai Rang Undang-undang yang mempunyai hak tersendiri dari segi pemilikan tanah. Oleh yang demikian mana-mana tanah yang dimiliki oleh syarikat-syarikat berhad adalah dianggap oleh Undang-undang sebagai hak milik syarikat sendiri dan bukan hak milik oleh pemegang saham di dalam syarikat tersebut.

Saya perlu jelaskan di sini bahawa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan menjalankan penyiasatan mengikut

lunas Undang-undang. Soalan hak milik tanah perlu diputuskan mengikut Undang-undang Kanun Tanah Negara. Sebab itulah dalam Exhibit A Butiran 3 muka surat 37 dalam laporan, walaupun terdapat bukti bahawa tanah tersebut iaitu C.L. 205005947 dipindah milik oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas sebelum daripada tarikh Yang Berhormat dari Sandakan membuat kenyataan di Dewan yang mulia ini tetapi oleh kerana pendaftaran hak milik hanya didaftarkan pada 19hb Januari, 1984, maka mengikut Undang-undang Kanun Tanah Negara, tarikh ucapan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, tanah tersebut masih dimiliki oleh Yang Berhormat dari Ulu Padas. Terdapat juga keterangan dari Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas Yang Mendakwa bahawa tanah di bawah Butiran 1 Exhibit A yang sekarang ini dijadikan 'golf course' dimiliki oleh beliau hanya untuk menjaga kerana takut bergaduh. Dari segi Undang-undang tanah itu terpaksa dikira hak milik Yang Berhormat dari Ulu Padas kerana tanah tersebut tercatat di bawah nama Yang Berhormat dari Ulu Padas sebagai tuan punya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian dan berpandu kepada Undang-undang Kanun Tanah Negara, maka Jawatankuasa Hak dan Kebebasan membuat keputusan bahawa Yang Berhormat dari Ulu Padas sendiri memiliki hanya lebih kurang 1.54% sahaja dari keseluruhan tanah di Pulau Labuan. Dengan lain perkataan Yang Berhormat dari Ulu Padas memiliki tanah seluas 346.914 ekar bersamaan dengan 140.388 hektar dari keluasan Labuan yang luasnya adalah sebanyak 22,400 ekar bersamaan 9,065 hektar.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jalan?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bukannya angka itu 140.388 hektar yang ada disebutkan oleh beliau tadi didapati daripada senarai yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan bukan didapati daripada senarai yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas dan bukannya benar bahawa Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas tak pernah diminta untuk mengeluarkan satu senarai dan kenapa Jawatankuasa tidak meminta satu senarai daripada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas oleh kerana kalau satu senarai sendiri dikeluarkan under oath mungkin lebih daripada angka-angka ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan, memang benar senarai ataupun angka yang saya petikkan tadi adalah terdiri daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan tetapi kalau kita perhati dengan teliti laporan tersebut ternyata sekali bahawa kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari sandakan itu diakui oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas, bermakna beliau mengakui bahawa apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan itu benar hak milik belian dan tidak ada apa lagi yang beliau hendak kemukakan.

Ternyata bahawa hakmilik tanah Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas sendiri tidak melebihi dari 2% keseluruhan tanah di seluruh Labuan. Ini jauh berbeza dari kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan yang mendakwa bahawa Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas

sendiri mempunyai tanah di Labuan kira-kira 70% daripada keseluruhan tanah di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, kita banyak mendengar hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parti DAP dalam Dewan yang mulia ini semasa membahaskan usul ini yang dikemukakan. Ada yang merayu agar pihak berkuasa mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas tetapi kita semua sedia maklum bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP hanya pandai membuat kenyataan sedemikian rupa di Dewan yang mulia ini dengan tidak boleh mengemukakan bukti-bukti yang jelas. Apabila terdapat satu cabaran dari Ahli Yang Berhormat yang lain dan perkara tersebut dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, ternyata sekali bahawa pihak Parti DAP tidak boleh membuktikan dengan jelas tuduhan yang dilemparkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa ini adalah kali yang pertama dalam sejarah kita satu Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ditubuhkan di bawah Peraturan 80 (I) untuk menjalankan satu siasatan berkenaan dengan tuduhan yang dikeluarkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Penyiasatan tersebut telah pun dijalankan di mana salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa tersebut terdiri daripada Parti DAP yang juga mengambil bahagian dan mengemukakan pendapat beliau.

Saya percaya bahawa Parti DAP juga berasa puas hati dengan penjelasan dan perjalanan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan tersebut. Bolehlah dikatakan bahawa semua Ahli Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan yang mulia ini

menyambut baik laporan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyatakan dengan terang sekali bahawa beliau menyanjung tinggi kebijaksanaan Pengerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dalam menjalankan tugasnya dengan adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya sudah ucapan saya ini, saya ingin menegaskan bahawa tiap-tiap Ahli Yang Berhormat yang bangun berucap di Dewan yang mulia ini atas apa-apa masalah sekalipun mestilah bertanggungjawab tentang kebenaran yang diucapkan.

Dewan ini merupakan Dewan persidangan yang tertinggi dan paling mulia sekali di negara kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang menduduki Dewan ini adalah terdiri dari mereka yang dipilih oleh rakyat. Adalah menjadi harapan rakyat agar Ahli-ahli Yang Berhormat apabila membuat satu kenyataan mestilah memastikan kenyataan tersebut adalah betul.

Adalah menjadi satu penghinaan kepada rakyat jelata jika Ahli Yang Berhormat dibenar membuat tuduhan-tuduhan di Dewan yang mulia ini dengan tidak terlebih dahulu memeriksa atau menyiasat asal-usul kenyataan tersebut sama ada betul atau tidak. Dalam perkara ini Ahli Yang Berhormat dari Sandakan kononnya mendapat maklumat dari sebuah buku yang bernama "Membongkar Dosa-dosa BERJAYA", tetapi jika kenyataan yang terdapat dalam buku tersebut dibuktikan betul, kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan tidak mengikut angka-angka yang tersebut dalam buku tersebut. Lagikan pula buku tersebut diterima hanya sebagai exhibit tetapi kandungannya tidak boleh dibuktikan kebetulannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap ini akan menjadi satu pengajaran, bukan sahaja kepada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan tetapi juga kepada kita semua supaya berhati-hati dan lebih bertanggungjawab lagi apabila membuat satu kenyataan dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang berbunyi:

Bahawa Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah dibentangkan sebagai Kertas Bil. Dr 2 Tahun 1984 hendaklah diterima dan hukuman terhadap Yang Berhormat dari Sandakan seperti yang dicadangkan dalam perenggan 14 Laporan tersebut hendaklah dipersetujui dan dijalankan pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

DAN

Pindaan-pindaan dicadangkan oleh Tuan Abdillah bin Haji Hamid: Bahawa Perenggan 14 Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah dibentangkan sebagai Kertas Bil. Dr 2 Tahun 1984 yang menjadi sebahagian daripada usul yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri dalam Negeri hendaklah dipinda seperti berikut:

1. Perkataan "oleh sebab" pada baris ketiga hendaklah dipotong dan digantikan dengan perkataan "walaupun".
2. Selepas perkataan "Jawatankuasa ini" dalam ayat kedua perkataan-perkataan dimasukkan perkataan-perkataan "tetapi memandangkan bahawa perkara ini amat serious".
3. Perkataan "satu gusaran (reprimand)" hendaklah

dipotong dan digantikan dengan perkataan-perkataan "dihukum dengan digantung daripada menghadiri persidangan Dewan Rakyat sepanjang sidang Belanjawan Tahun ini";

4. Perkataan "gusaran" dalam ayat akhir digantikan dengan perkataan "hukuman" hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah dibentangkan sebagai Kertas Bil. 2 Tahun 1984 hendaklah diterima dan hukuman terhadap Yang Berhormat Ahli dari Sandakan seperti yang dicadangkan dalam perenggan 14 Laporan tersebut hendaklah dipersetujui dan dijalankan pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua. Proceedings kita hari ini sangat irregular, improper dan tidak adil yang merupakan tyranny of the majority. Sebagai protest, kita akan keluar Dewan, walk-out sebagai protest, semua walk-out—double standards.

(Semua Ahli-ahli DAP keluar Dewan)

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Tuan Setiausaha, sila teruskan!

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

4.27 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya

oleh seksyen kecil (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

1. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1984.
2. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1984.
3. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1984.
4. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1984.
5. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1984.
6. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1984.
7. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1984.
8. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1984.
9. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1984.
10. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1984.
11. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17) 1984.
12. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18) 1984.
13. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19) 1984.

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 109 hingga 121 hingga 121 tahun 1984 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1984 adalah bertujuan untuk menaikkan kadar duti bagi minuman ringan di bawah kod tarif 22.02 900 daripada 35 sen seliter kepada 50% atau 90 sen seliter yang mana lebih tinggi. Pindaan ini dibuat untuk menyamakan duti import ke atas minuman di bawah kod tarif 22.02 900 dan 22.02 100 supaya tidak berlaku perkara salah ikrar atau

pengikraran yang sengaja disalahkan untuk mengurangkan pembayaran duti. Dengan pindaan ini juga adalah diharap agar pengusaha-pengusaha tempatan akan dapat menikmati perlindungan yang lebih berkesan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1984 bertujuan untuk mengujudkan kod tarif yang berasingan bagi "crown wheels and pinion" yang digunakan oleh kenderaan dan traktor. Bagi "crown wheels and pinion", kenderaan dikenakan duti import sebanyak 30% manakala yang digunakan untuk traktor dikenakan duti import 5%. Langkah ini bertujuan bagi mengatasi kemungkinan pengimport-pengimport membuat ikrar yang tidak tepat bagi tujuan mengelakkan cukai "crown wheels and pinion" kenderaan dikenakan duti import 30% dengan tujuan untuk melindungi perusahaan-perusahaan tempatan yang mengeluarkan barangan yang sama.

Bagi tujuan untuk memberi perlindungan tarif yang lebih berkesan kepada perusahaan-perusahaan tanaman teh di negara ini, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1984 mencadangkan supaya digantikan duti import spesifik sebanyak 55 sen sekilogram ke atas teh kepada kadar ad valorem sebanyak 30%. Perubahan duti import dari kadar spesifik kepada ad valorem ini adalah lanjutan daripada dasar untuk menukar seberapa banyak duti kepada ad valorem yang telah diumumkan melalui Belanjawan 1984.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1984 bertujuan untuk memansuhkan duti import sebanyak 3% ke atas bahan mentah "dyestaff" iaitu bahan pencelup yang digunakan oleh industri tekstil. Bahan mentah tersebut tidak dikeluarkan di negara ini dan dengan penghapusan cukai di atasnya dijangka akan dapat mengurangkan kos kepada

perusahaan tekstil tempatan supaya mereka dapat berasing di pasaran tempatan dan juga di pasaran luar negeri. Penghapusan duti ini adalah satu tindakan Kerajaan yang selalu dibuat untuk membantu industri tekstil di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1984 pula bertujuan untuk menaikkan kadar duti import atas "electric power hantools" yang diperjeniskan di bawah kod tarif 85.05 110, 190 dan 900 dengan tujuan untuk meninggikan kadar perlindungan kepada perusahaan tempatan yang membuat barang-barang berkenaan. Dengan tindakan ini adalah diharapkan pengeluaran tempatan dapat bersaing dengan keluaran yang serupa yang diimport dan mereka boleh berkembang dengan lebih maju lagi.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1984 bertujuan untuk menaikkan kadar duti import sebanyak dua kali ganda ke atas mancis yang diimport ke Sabah bagi memberi perlindungan kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang sedang menghadapi saingan hebat daripada mancis-mancis yang diimport. Keadaan ini tidak timbul di Sarawak dan Semenanjung Malaysia dan dengan itu kadar duti lama dikekalkan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1984 pula bertujuan untuk memansuhkan duti import ke atas beberapa jenis makanan haiwan seperti "fishmeal, wheat pollard, wheat bran, leaf grass meal dan beberapa makanan-makanan haiwan yang lain. Langkah ini diambil dengan tujuan untuk membantu industri ternakan tempatan bagi mengurangkan kos pengeluaran mereka.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1984 adalah bertujuan untuk memperjeniskan semula "cast iron

pipes" di bawah kepala tarif 73.17 supaya diwujudkan kepala kecil yang berasingan bagi "cast iron pipes" yang dikeluarkan secara "mould casting" dan yang dikeluarkan secara "centrifugal casting". Ini adalah perlu kerana "cast iron pipes" yang dikeluarkan secara sedemikian tidak dikeluarkan di negara ini dan oleh kerana itu duit perlindungan sebanyak \$393.68 sen setan itu terlampau tinggi. Dengan pemecahan ini duti yang dikenakan ke atas paip seperti ini adalah ditetapkan kepada kadar 3% ad valorem. Pengeluaran tempatan bagi "cast iron pipes" secara "mould casting" tetap diberi perlindungan sebanyak \$393.68 sen setan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah berikutnya ialah Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1984. Perintah ini bertujuan untuk menyamakan pindaan nombor kepala tarif mengenai cukai tokok di Jadual Kedua dengan nombor kepala tarif mengenai duti import di Jadual Pertama. Ini adalah berikutan penghapusan duti import atas jaring-jaring ikan yang telah mula berkuatkuasa pada 22hb Disember, 1983.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1984 pula bertujuan untuk menyusun semula nombor kepala tarif bagi "straight saw and hack-saw blades" yang terjatuh di bawah nombor kepala tarif 82.02. Langkah ini diambil bagi mengatasi masalah pelarian cukai yang sedang diamalkan oleh setengah pengimport "hack saw blades" dengan mengikrarkannya di bawah nombor kepala tarif yang tidak berduti. Penyusunan semula ini adalah diharap juga akan dapat melindungi industri tempatan dan menjadikan duti perlindungan yang sedia ada menjadi lebih bermakna dan berkesan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17) 1984 pula bertujuan bagi mengenakan duti import \$175 setan ke atas "flexible-jointed clay pipes and

fittings" di bawah nombor kepala tarif 69.06 000 dan menghapuskan duti eksport 5% ke atas barangan yang sama. Langkah ini diambil bagi melindungi pengeluar-pengeluar tempatan daripada barang yang sama yang diimport. Ini juga merupakan galakan bagi syarikat-syarikat pengeluar bertanding di pasaran eksport.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18) 1984 adalah bertujuan untuk membatalkan sub-kepala tarif 110 di bawah No. Kepala tarif 98.10 dan mengenakan duti import ke atas "non-refillable/disposable cigarette lighters" sebanyak 100%. Langkah ini adalah bertujuan untuk memberi perlindungan kepada pengusaha-pengusaha mancis tempatan kerana barang-barang tersebut yang diimport telah memberi tandingan yang hebat kepada mancis keluaran tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19) 1984 bertujuan untuk menurunkan duti import ke atas "sodium sulphite" daripada 20% kepada 3%. Ini adalah bertujuan untuk menarik balik perlindungan tarif yang telah diberi kepada pengusaha tempatan kerana duti perlindungan didapati tidak diperlukan lagi kerana bahan-bahan tersebut tidak dikeluarkan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul ini dipersetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam seksyen 11, Akta Kastam 1967. Perintah-perintah berikut:

- (1) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1984.
- (2) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1984.
- (3) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1984.
- (4) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1984.
- (5) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1984.
- (6) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1984.
- (7) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1984.
- (8) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1984.
- (9) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1984.
- (10) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1984.
- (11) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17) 1984.
- (12) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18) 1984.
- (13) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19) 1984.

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas Statut Bil. 109, 110, 111, 112, 113, 114, 115, 116, 117, 118, 119, 120 dan 121 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1976

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1984

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen Kecil (2) dalam seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1984 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas Statut Bil. 122 tahun 1984 disahkan.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1984 adalah bertujuan untuk menghapuskan duti eksais atas bateri yang digunakan oleh kereta motor. Dengan penghapusan duti eksais ini adalah diharapkan kadar perlindungan tarif yang diberi kepada pengeluar bateri tempatan akan menjadi lebih berkesan dan pengeluar bateri tempatan akan dapat bersaing dengan bateri-bateri yang diimport.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1984 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas Statut Bil. 122 tahun 1984 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TAMAN ASUHAN KANAK- KANAK

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.47 ptg.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk Taman Asuhan Kanak-kanak tahun 1984 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun kebelakangan ini pihak Kerajaan telah digesa oleh beberapa pihak yang berkenaan iaitu ibubapa, pengasuh dan pertubuhan sukarela yang berkaitan dengan kanak-kanak dan kepentingan pengguna untuk mengkaji dan menentukan strategi serta langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah berkenaan dengan perkhidmatan jagaan dan asuhan kanak-kanak di negara ini. Keperluan untuk mengadakan perkhidmatan jagaan dan asuhan kanak-kanak yang boleh menjamin pertumbuhan serta perkembangan kanak-kanak secara

yang sihat timbul daripada bertambahnya bilangan wanita yang bekerja di negara ini. Di antara tahun 1970 hingga 1980 jumlah wanita yang bekerja telah bertambah daripada 1 juta kepada 1.5 juta orang manakala jumlah kanak-kanak berumur 4 tahun ke bawah telah bertambah daripada 1.6 juta kepada 1.8 juta orang.

Pada masa ini jagaan dan asuhan di luar keluarga bagi kanak-kanak berumur 4 tahun ke bawah dijalankan di Taman Asuhan Kanak-kanak atau ringkasnya TASKA yang mana kebanyakannya diselenggarakan oleh pihak swasta. Perbekalan undang-undang yang ada kaitannya dengan TASKA pada masa sekarang ialah terdiri daripada Akta Piawai Minima Perumahan Pekerja 1966 dan Akta Pelajaran 1961. Di bawah Akta Piawai Minima Perumahan Pekerja 1966 yang dilaksanakan oleh Kementerian Buruh pihak pengusaha ladang diwajibkan mengadakan TASKA di mana terdapat sekurang-kurangnya 10 orang kanak-kanak berumur di bawah 3 tahun. Akta Pelajaran tahun 1961 yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran memperuntukkan supaya semua jenis sekolah termasuk Taman Didikan Kanak-kanak iaitu TADIKA yang juga mengendalikan TASKA didaftarkan di bawah Akta tersebut. Untuk memastikan kedudukan sebenar dan perkembangan TASKA kemaskini, Kementerian Kebajikan Masyarakat dengan sumbangan dari UNICEF telah menjalankan satu kajian pada tahun 1982 dan 1983 ke atas sebanyak 537 buah TASKA di seluruh negara.

Kajian ini telah menghasilkan satu laporan bertajuk, dengan izin, "Child Care Survey in Malaysia—Consultant Report, July 1983". Pada keseluruhannya laporan tersebut menunjukkan bahawa kedudukan dan perkembangan TASKA yang sedang berjalan sekarang tidak memuaskan.

Laporan itu juga menyenaraikan beberapa kelemahan yang terdapat, di antaranya adalah:

- (1) Kebanyakan TASKA mempunyai mutu asuhan yang rendah dari segi kemudahan fizikal, alat kelengkapan, kebersihan alam sekeliling dan keselamatan kanak-kanak.
- (2) TASKA mengadakan makanan untuk kanak-kanak tetapi banyak yang tidak menyediakan makanan seimbang dan sesuai dengan peringkat pertumbuhan kanak-kanak.
- (3) Hampir semua TASKA tidak mengadakan kegiatan bagi menggalakkan kanak-kanak membesar dan berkembang secara sihat iaitu dari segi jasmani, mental dan emosi.
- (4) Kebanyakan TASKA mempunyai nisbah pengasuh kepada kanak-kanak yang terlalu tinggi.
- (5) Kebanyakan TASKA yang berada dalam keadaan tidak memuaskan ini terdapat di ladang-ladang.

Untuk menentukan strategi dan langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah berkenaan dengan TASKA di negara ini, beberapa bengkel telah dianjurkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat dalam tahun 1982 dan 1983. Bengkel tersebut dihadiri oleh wakil-wakil ibu-bapa, majikan, pertubuhan sukarela serta beberapa Kementerian berkenaan seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Bengkel tersebut telah memperakukan supaya diwujudkan satu undang-undang yang komprehensif bagi mendaftar, mengawal dan menyelia TASKA supaya menjamin pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak yang sihat.

Berikutan dengan perakuan tersebut, sebuah jawatankuasa yang mengandungi wakil-wakil daripada berbagai agensi Kerajaan dan badan-badan sukarela yang berkaitan dengan dibentuk bagi menimbangankan satu perundangan yang sesuai bagi mendaftar, mengawal dan memeriksa TASKA yang dijalankan di rumah ataupun di institusi di seluruh negara dengan tujuan memastikan bahawa perkhidmatan yang diberi itu sesuai bagi pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak secara sihat.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan ini mengandungi beberapa aspek penting iaitu seperti berikut:

- (1) Mengikut Seksyen 2 TASKA ditakrifkan sebagai suatu premis di mana 4 orang atau lebih kanak-kanak di bawah 4 tahun dari lebih daripada satu isirumah diterima masuk dan dijaga dengan upahan.
- (2) Seksyen 3 mengecualikan:
 - (a) Hospital Kerajaan ataupun persendirian yang lesen di bawah Akta Hospital Persendirian, 1971;
 - (b) Institusi yang dikecualikan daripada peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak, tahun 1984 oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat;
 - (c) Taman Didikan Kanak-kanak (TADIK) ataupun sekolah asuhan yang didaftarkan di bawah Akta Pelajaran, 1961; dan
 - (d) Rumah kanak-kanak yang diselenggarakan oleh Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri.
- (3) Seksyen 4 memerlukan semua TASKA didaftarkan dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat sama ada yang

dijalankan di rumah ataupun, dengan izin, Home-based Child Care Centre, ataupun di institusi iaitu dengan izin, Institution-based Child Care Center.

- (4) Mengikut Seksyen 6, sesiapa yang didapati menjalankan TASKA tanpa berdaftar akan didenda tidak melebihi \$1,000 bagi kesalahan pertama dan tidak melebihi \$2,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya.
- (5) Mengikut Seksyen 8, pendaftaran TASKA akan diluluskan atas syarat-syarat berikut:
 - (a) Bilangan kanak-kanak yang boleh diterima;
 - (b) Pemohon dan orang yang akan bekerja di TASKA adalah didapati sesuai;
 - (c) Bilangan kanak-kanak dan kelayakan pengalaman adalah sesuai;
 - (d) Alat kelengkapan adalah sesuai dan mencukupi;
 - (e) Makanan seimbang disediakan dengan secukupnya;
 - (f) Kemudahan secukupnya untuk rehat dan rekreasi; dan
 - (g) Pematuhan kepada keperluan struktur bangunan, pencegahan kebakaran, kesihatan dan keselamatan.
- (6) Mengikut Seksyen 11(3), pendaftaran dibuat untuk tempoh 1 tahun. Ini bermakna pendaftaran perlu dibaharui setiap tahun.
- (7) Mengikut Seksyen 13 dan 14, Menteri Kebajikan Masyarakat boleh melantik Pegawai Penguatkuasa yang berkuasa memeriksa TASKA bagi

maksud menentukan perkara-perkara berikut:

- (a) Kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak dan pekerja memuaskan;
 - (b) Rekod dan dokumen disimpan dengan sempurna;
 - (c) Alat kelengkapan yang sesuai disediakan dengan cukup;
 - (d) Struktur bangunan dan kebersihan memuaskan; dan
 - (e) Persediaan untuk mencegah kebakaran memuaskan.
- (8) Mengikut Seksyen 15 Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat boleh memberi arahan secara bertulis kepada mana-mana TASKA untuk memastikan bahawa kebajikan kanak-kanak terus terjamin.
 - (9) Mengikut Seksyen 19 TASKA yang sudah sedia wujud sebelum Akta ini dikuatkuasakan, perlu memohon pendaftaran dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh penguatkuasaan Akta ini.
 - (10) Mengikut Seksyen 22 sesiapa yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat di bawah Akta ini boleh merayu secara bertulis kepada Menteri Kebajikan Masyarakat yang mana keputusannya adalah muktamad.
 - (11) Mengikut Seksyen 23 Menteri Kebajikan Masyarakat diberi kuasa membuat peraturan berhubung dengan Piawai Minimum bagi jagaan dan asuhan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengadakan Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak, tahun 1984 yang dicadangkan ini,

implikasinya terhadap kedua-kedua Akta yang ada pada masa ini iaitu Akta Piawai Minima (Perumahan Pekerja) 1966 dan Akta Pelajaran, tahun 1961 adalah seperti berikut:

- (1) Peruntukan dalam Bahagian I Seksyen 7 hingga 9 Akta Piawai Minima (Perumahan Pekerja) 1966 akan dikekalkan dengan syarat semua TASKA yang diwujudkan di ladang-ladang perlu didaftarkan dan tertakluk kepada semua peruntukan di bawah Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak, tahun 1984; dan
- (2) Kementerian Pelajaran tidak akan mendaftarkan TASKA di bawah Akta Pelajaran, tahun 1961 dan secara administrative semua permohonan akan dirujuk kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Dari segi penguatkuasaan, Seksyen 1 Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak, tahun 1984 akan dikuatkuasakan pada satu tarikh yang akan ditetapkan dan diwartakan oleh Menteri Kabajikan Masyarakat dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi sebahagian ataupun sepenuhnya peruntukan Akta tersebut dan bagi sebahagian ataupun di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa dengan adanya Rang Undang-undang yang dicadangkan ini maka langkah bagi mempertingkat dan memajukan perkhidmatan asuhan kanak-kanak dapat dijalankan secara teratur dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di

hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan Taman-taman Asuhan Kanak-kanak dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat.

5.00 ptg.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha (batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan yang baru dilantik. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi tahniah.

Saya memberi tahniah kepada Kerajaan kerana telah dapat mengadakan Rang Undang-undang ini yang pada saya sudah sampai masa dan ketikanya kerana pada akhir-akhir ini terlalu ghairah mereka yang mula membuka sekolah-sekolah Taman Asuhan Kanak-kanak ini. Sekiranya tidak dibendung dan dikawal, kemungkinan besar mereka akan disalahgunakan hanya untuk kepentingan mendapat keuntungan sahaja.

Memandangkan dasar Kerajaan kita memerlukan penduduk sebanyak 70 juta dalam masa 120 tahun dan juga memandangkan syarat yang dikenakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu hendaklah penduduk-penduduk yang berkelibar, yang berdisiplin, yang berdedikasi yang berproduktiviti tinggi maka sudah tentulah mereka yang akan menjadi penduduk di masa-masa akan datang perlu diberi bimbingan dan pelajaran daripada awal-awal lagi kerana sebagai hendak melentur buluh, tentulah semasa rebung dan begitu jugalah manusia sekiranya hendak diberikan teladan-teladan yang baik, ajaran-ajaran yang baik

hendaklah dibuat semasa mereka masih kecil-kecil lagi. Penyelarasan ini perlu supaya dapat semua sekolah-sekolah ini didaftarkan dan menentukan supaya mutu pelajaran di sekolah-sekolah Taman Asuhan Kanak-kanak ini terdiri daripada pelajaran-pelajaran yang bermutu di samping guru-guru yang berkelayakan dan guru-guru yang berkemampuan untuk mendidik anak-anak itu dengan cara yang sempurna sekali. Kita perlu mengadakan kurikulum-kurikulum yang bersesuaian dengan kehendak negara kita berdasarkan kepada Rukunegara, berdasarkan kepada agama Islam sebagai agama rasmi negara kita.

Saya berharap dan bercadang supaya dapat Kerajaan memikirkan di dalam mengendalikan kurikulum di sekolah-sekolah ini hendaklah ditekankan semangat supaya mereka kasihan kepada agama, kasihan kepada ibu-bapa, cinta kepada negara, mengasihi dan mengamalkan perasaan civic mindedness dan juga membenci perkara-perkara jenayah seperti penyalahgunaan dadah, mencuri dan sebagainya dan ditekankan ilmu-ilmu pengetahuan seperti ilmu Adab, ilmu Sopan Santun dan juga asas-asas cintakan agama seperti membaca Bismillahir-rahmanir-rahim bagi anak-anak Islam, berdoa dan bagaimana cara bersembahyang dan sebagainya supaya dengan ini mereka boleh menjadi anak-anak yang cintakan kepada agama dan ibu bapa, kerana sekiranya ini tidak dapat dibitikan semasa mereka masih muda maka saya kuatir kalau-kalau di masa akan datang anak-anak kita tidak lagi mempunyai sifat bertanggungjawab kepada ibu-bapa, kasihan kepada ibu-bapa dan juga menghormati kepada orang-orang tua.

Saya teringat kepada apa yang telah berlaku kepada sekolah-sekolah Taman Asuhan Kanak-kanak yang sekarang ini yang mana banyak sekali

bercanggah dengan apa yang didasarkan oleh Kerajaan kita di bawah KBSR, kerana kemungkinan anak-anak itu apabila telah salah diajar semasa masih di dalam sekolah Taman Asuhan Kanak-kanak apabila sampai masa memasuki sekolah rendah darjah satu atau darjah dua menyebabkan berjauhan sekali daripada dasar awal yang dipelajari dengan dasar KBSR yang dipelajari semasa mereka memasuki sekolah.

Kita perlu memandangkan yang perkara ini sangat mustahak menentukan supaya apa yang diajar di Taman Asuhan Kanak-kanak itu akan menjadi satu jambatan untuk menyenangkan anak-anak itu semasa mereka memasuki darjah satu. Janganlah hendaknya apa yang dipelajari semasa di sekolah rendah itu menjadi satu perkara yang membosankan kepada anak-anak itu apabila mereka memasuki sekolah. Oleh sebab yang demikian perlulah pihak Kerajaan mengkaji dan kalau perlu menentukan satu sistem kurikulum yang menyeluruh dan menentukan supaya guru-guru yang menjadi pendidik di sekolah-sekolah Taman Asuhan Kanak-kanak itu diberikan latihan yang sempurna supaya mereka betul-betul berupaya dan berkewibawaan untuk menentukan supaya anak-anak yang masih muda ini yang pada satu masa nanti akan menjadi pemimpin dan juga warganegara yang dikehendaki menjadi warganegara yang kita harapkan menjadi betul-betul warganegara yang bermutu dan yang berkelibar.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak, 1984.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Tanjung Karang.

5.06 ptg.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan melalui Kementerian Kebajikan Masyarakat bagi pihak ibu-ibu terutama ibu-ibu yang berkerja di luar rumah.

Kementerian sepatutnya telah mengemukakan Rang Undang-undang ini 10 tahun yang lalu, namun ini tidak ada apa-apa implikasi terhadap Yang Berhormat Menteri Kebajikan sekarang. Pada masa 10 tahun lalu ada orang yang berpendapat bahawa Taman Asuhan Kanak-kanak kalau diadakan akan menjadikan wanita terlalu manja dan tidak bertanggungjawab terhadap pendidikan anak-anak mereka. Syukurlah pendapat seperti ini tidak ada lagi sekarang.

Kita semua mesti menyedari hakikat yang sebenar bahawa mengikut keadaan pertukaran masa dan peredaran zaman kita mestilah bergerak bersama dengan pertukaran itu. Kerajaan telah lama memberikan kemudahan-kemudahan pelajaran yang sama kepada wanita di negara kita ini. Hasilnya wanita diterima masuk sebagai tenaga kerja dalam pasaran buruh di negara kita hingga pada hari ini telah pun mencapai 33% atau 1.5 juta seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dengan sebab-sebab:

- (1) Wanita mempunyai kelayakan sebagai tenaga kerja;
- (2) Sebagai sebuah negara yang membangun, negara kita memang memerlukan tenaga seluruh warganegaranya terutama mereka yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dan termasuklah wanita;

- (3) Ramai wanita yang perlu berkerja kerana keperluan keluarga yakni bagi menambah pendapatan keluarga dan kerana mereka itu penyara tunggal keluarga mereka.

Dengan kemajuan pembangunan, maka bertumbuhlah industri dan perusahaan-perusahaan yang mengakibatkan sekian ramai pula wanita mengisi kekosongan di kilang-kilang maka menjadi bertambah sukarlah bagi ibu-ibu yang bekerja di luar rumah untuk mendapat pembantu-pembantu rumah dan pengasuh-pengasuh bagi anak-anak mereka.

Oleh yang demikian janganlah ada yang beranggapan bahawa khidmat Taman Asuhan Kanak-kanak ini tidak ada keutamaan dan wanita melarikan diri dari tanggungjawab mendidik anak-anak mereka. Dengan menyedari hakikat inilah maka Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia telah menganjurkan seminar yang bertajuk "Pendidikan Kanak-kanak Pra Sekolah" sempena sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia, 1981.

Dan untuk menekankan lagi rumusan-rumusannya maka Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia juga bersama-sama dengan UNICEF telah pun pada tahun 1983 menganjurkan satu kursus tiga bulan untuk pengasuh-pengasuh Taman Asuhan Kanak-kanak sebagai satu percubaan. Dan hasil daripada rumusan Seminar Pendidikan Kanak-kanak Pra-Sekolah yang diantaranya ialah:

- (1) Pusat-pusat Asuhan Harian atau Taman Asuhan Kanak-kanak bagi semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak cacat hendaklah ditubuhkan di bandar dan diluar bandar berbentuk, Tuan Yang di-Pertua, "home based day care and centre based day care" bagi memenuhi keperluan ibu-ibu terutamanya yang berpendapatan rendah.

- (2) Bagi menentukan mutu perkhidmatan yang akan mewujudkan perkembangan menyeluruh yang sempurna bagi kanak-kanak, undang-undang perlu digubal, dikuatkuasakan oleh Kementerian Kebajikan Am iaitu sebuah agensi Kerajaan yang bertanggungjawab atas perlindungan kanak-kanak.

Syukur Alhamdulillah
Kementerian kebajikan Am hari ini memikul tanggungjawabnya seperti yang dirumuskan.

- (3) Satu program latihan yang teratur hendaklah disediakan dengan kerjasama agensi-agensi yang mempunyai pengalaman dan kemudahan dibidang pendidikan pra-sekolah.
- (4) Mengikut hasrat negara untuk menegakkan satu masyarakat yang bertanggungjawab, Kementerian Kebajikan Am hendaklah mendorong ibubapa dan majikan serta masyarakat setempat melibatkan diri dalam projek-projek Pusat Asuhan Harian ataupun Taman Asuhan Kanak-kanak ini.
- (5) Menyeru sektor awam dan swasta mengadakan peruntukan yang secukupnya bagi melancarkan atau menganjurkan projek-projek Taman Asuhan Kanak-kanak ini bagi kepentingan pekerja-pekerja mereka.

Saya gembira bahawa selepas Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia mengemukakan rumusan-rumusan seminar tersebut dan dengan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Am sendiri, pada hari ini kita membincangkan satu Rang Undang-undang khusus mengenai Taman Asuhan Kanak-kanak tetapi masih belum terdapat tindakan menyeluruh mengenai

Taman Asuhan Kanak-kanak Cacat yang juga mesti diberi keutamaan serta program latihan yang teratur kepada pengusaha-pengusaha dan pengasuh-pengasuh dengan tujuan untuk menjamin pembesaran fizikal yang sihat dan juga pembelajaran yang sempurna dalam pendidikan kanak-kanak itu.

Kerajaan tidak semestinya dibebankan sepenuhnya tetapi boleh mendapat kerjasama dari pihak-pihak majikan, ibubapa, badan-badan sukarela dan anggota masyarakat.

Saya sangat setuju bahawa diadakan dua kategori di Taman Asuhan Kanak-kanak iaitu dirumah dan di institusi kerana keperluan khidmat ini terlalu mendesak dan ramai ibubapa yang menumpangkan anak-anak mereka di rumah-rumah jiran.

Peruntukan yang membolehkan Taman Asuhan diuruskan dirumah akan dapat menjamin keselamatan anak-anak yang ditinggalkan di rumah jiran. Dari segi syarat-syarat dan terma-terma yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini adalah memadai. Tetapi dari segi penguatkuasaannya hendaklah dijalankan dengan teliti dan memuaskan.

Denda dan hukuman penjara yang ditentukan adalah wajar kerana suatu kelalaian dipihak pengasuh boleh memusnahkan seluruh kehidupan seorang kanak-kanak.

Peraturan-peraturan yang ditentukan dalam Seksyen 23 sangat perlu supaya terdapat kesamaan, keadaan, suasana dan juga mutu perkhidmatan di semua Taman Asuhan Kanak-kanak di negara ini serta tidak ada Taman Asuhan yang sub-standard.

Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa memang terdapat Taman Asuhan yang tidak begitu sempurna disediakan terutamanya di

ladang-ladang. Memang kita menyedari bahawa hakikat ini memang ada kerana Taman Asuhan di ladang-ladang ini hanya mempunyai satu bangunan yang usang dengan tidak ada kemudahan-kemudahan permainan untuk membina, mengembangkan bakat kanak-kanak. Begitu juga nisbah pengasuhnya hanya seorang wanita tua untuk menjaga 20-30 orang kanak-kanak yang diletakkan dalam buaian-buaian kain yang dihayun sepanjang masa supaya mereka itu tidak jaga. Kalau sudah bangun ramai-ramai, susah hendak menjaganya kerana pengasuhnya hanya satu atau dua orang sahaja.

Jadi, inilah yang saya katakan tadi Taman Asuhan Kanak-kanak yang sub-standard itu. Yang sepatutnya mengikut Akta Piawai Perumahan Pekerja itu mesti diadakan syarat-syarat dan terma-terma yang tertentu iaitu requirement yang minima bagi mengadakan satu perkhidmatan yang sempurna.

Seksyen 24 adalah juga perlu kerana satu keluarga yang mempunyai dua atau tiga orang anak yang umurnya rapat-rapat dan tidak ada pengasuh dan tidak ada orang dirumah boleh meletakkan anak-anak mereka yang pergi ke Tadika ataupun ke sekolah rendah Darjah Satu, misalnya, di Taman Asuhan supaya mereka ini boleh mendapat pengawasan hingga sampai ke petang apabila ibubapa mereka mengambil mereka pulang.

Satu sistem kawalan bayaran mestilah juga diadakan kerana kemungkinan ada pihak yang mengambil kesempatan dalam hal ini dengan mengenakan bayaran yang terlalu tinggi.

Untuk keberkesanan Rang Undang-undang ini apabila ia telah diwartakan saya berharap Kementerian Kebajikan Am dapat menjelaskan seluas-luas

kandungannya kepada pengusaha-pengusaha serta ibubapa-ibubapa dan pertubuhan-pertubuhan.

Dan dalam hal ini Kementerian boleh mendapatkan kerjasama dari Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia dan juga pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita di seluruh negara bagi menyebarkan maklumat ini.

Saya juga berharap Kementerian Kebajikan Am akan mendapat tambahan peruntukan bagi memperluaskan lagi khidmat Taman Asuhan Kanak-kanak ini sampai ke luar bandar seperti yang telah pun dimulakan sekarang.

Akhir sekali, saya yakin Rang Undang-undang ini dapat mengawal, mengawas dan menjamin mutu perkhidmatan yang akan mewujudkan perkembangan menyeluruh yang sempurna bagi kanak-kanak dengan berjalannya kuatkuasa oleh Kementerian Kebajikan Am sebuah agensi Kerajaan yang bertanggungjawab atas perlindungan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Tanjong.

5.17 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk mengemukakan satu rang undang-undang baru iaitu yang bertajuk Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak yang harus kita sama-sama alu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa dengan adanya Undang-undang ini, lebih banyak lagi Taman

Asuhan Kanak-kanak (TASKA) akan ditubuhkan yang mempunyai mutu perkhidmatan yang memuaskan.

Dengan adanya lebih banyak TASKA ini akan menggalakkan lebih ramai lagi wanita khususnya mereka yang mempunyai kelayakan dan kemahiran untuk mencari pekerjaan diluar rumah. Ini adalah penting kerana bukan sahaja ini akan membantu mereka menampung pendapatan keluarga seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi tetapi juga ini akan membolehkan kaum wanita bersama-sama dengan kaum lelaki memberi sumbangan terhadap pembangunan negara dengan menggunakan kemahiran dan tenaga yang telah diperolehi oleh mereka.

Maka saya juga berharap bahawa akta ini akan menjamin bahawa TASKA-TASKA yang ditubuhkan ini adalah mengikut satu kriteria ataupun syarat-syarat atau standard-standard yang memuaskan. Dan ini akan membolehkan ibu-ibu khususnya mereka yang mempunyai anak-anak kecil supaya bersedang-hati kerana didapati bahawa kanak-kanak berada di dalam tangan yang berpengalaman dan berkelayakan.

Saya ingin menarik perhatian Kerajaan khususnya kepada TASKA-TASKA di kawasan-kawasan yang mundur seperti kampung-kampung, kampung-kampung baru dan ladang-ladang. Saya ingin menambah sedikit kepada apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang mengenai TASKA-TASKA di ladang-ladang. Setahu saya terdapat satu kajian yang menunjukkan bahawa lebih kurang 85% daripada TASKA-TASKA di ladang-ladang ini didapati tidak memuaskan. Maka inilah merupakan satu bidang di mana Kerajaan harus memberi perhatian yang lebih supaya keadaan dan

persekitaran belajar di TASKA-TASKA di ladang-ladang itu dapat diperbaiki dan mutu dapat dipertingkatkan.

Ini adalah penting kerana seperti yang kita sedia maklum tempoh 7 tahun perawalan bagi seorang kanak-kanak ini merupakan satu "formative period" yang amat penting di mana kanak-kanak ini akan mempelajari kemahiran-kemahiran asas, dari segi linguistic mahupun dari segi *psychomotor* dan sebagainya serta pun nilai-nilai moral supaya mereka ini dapat berfungsi sebagai dewasa yang bertanggungjawab dan juga berguna untuk masyarakat. Budak-budak yang tersekat di peringkat ini akan menghadapi banyak masalah nanti. Maka tak hairanlah kadar kegagalan dan keciciran di kalangan budak-budak miskin adalah sangat tinggi kalau dibandingkan dengan budak-budak dari kawasan-kawasan yang lain. Sudahlah jelas bahawa dengan tidak adanya satu persekitaran yang sesuai, ini adalah satu punca ketidakseimbangan di antara kaum-kaum yang berada di luar bandar dengan penduduk-penduduk di bandar. Maka sekiranya terdapat TASKA-TASKA yang bermutu tinggi di kawasan ini, sekurang-kurangnya ini dapat sedikit sebanyak membantu kanak-kanak ini dan memberi peluang yang lebih cemerlang kepada mereka pada masa dewasa kelak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya berpendapat bahawa adalah sangat penting kakitangan pengasuh di TASKA-TASKA ini mestilah mempunyai pengetahuan asas mengenai perkembangan ataupun pertumbuhan kanak-kanak, mengenai kesihatan hygiene, keperluan makanan, keselamatan dan sebagainya. Lebih penting lagi mereka ini haruslah juga mempunyai sikap yang positif bukan sahaja terhadap kanak-kanak, tetapi juga terhadap

hidup. Bersangkut-paut dengan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Fasal 8 khususnya 8(c) di mana disebutkan bahawa salah satu tugas Ketua Pengarah ialah untuk menjamin bahawa kakitangan di TASKA ini adalah mempunyai kelayakan ataupun pengalaman. Maka di sini saya berpendapat bahawa ini masih kurang jelas apa yang dimaksudkan kelayakan itu kerana tidak spesifik. Saya berharap bahawa garis panduan-garis panduan yang lebih spesifik dapat diberi supaya TASKA-TASKA dapatlah mengikuti garis panduan-garis panduan ini dan juga pegawai-pegawai yang berkuasa yang akan menyelia TASKA-TASKA ini juga dapat mengikutinya.

Berkaitan dengan kelayakan, maka saya ingin bercadang supaya diadakan kursus-kursus yang tertentu. Mungkin tidaklah boleh diberi latihan yang formal bagi semua kakitangan pengasuh TASKA secara besar-besaran, tetapi saya ingin bercadang supaya kursus-kursus yang istimewa diberi dengan kerjasama dari Kementerian Pelajaran serta juga kakitangan dari universiti-universiti dan Maktab-maktab Perguruan untuk "key personnel" sahaja, termasuk juga pegawai-pegawai Kementerian yang akan menjalankan tugas. "Key personnel" ataupun pegawai-pegawai ini nanti bolehlah menjadi "resource personnel", dengan izin, yang dapat memberi nasihat kepada kakitangan TASKA khususnya di tempat-tempat yang terpencil.

Selain daripada itu saya berharap bahawa seminar dan bengkel-bengkel seperti yang telah diadakan dalam 5-6 tahun kebelakangan ini sejak tahun 1979 iaitu Tahun Kanak-kanak Antarabangsa dapat dilangsungkan ataupun dijalankan lagi supaya mereka yang terlibat dalam TASKA ini dapat didedahkan kepada pengetahuan yang asas.

Saya juga ingin merayu kepada Kerajaan untuk mencetak penerbitan-penerbitan dalam berbagai bahasa untuk disebar kepada TASKA-TASKA. Dalam perkara ini, sebaran am seperti RTM boleh memainkan satu peranan yang penting juga. Selain daripada itu surat-suratkhabar boleh digalakkan untuk mengadakan ruang-ruang yang tertentu mengenai tajuk Asuhan Kanak-kanak.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Penasihat mengenai Taman Asuhan Kanak-kanak yang mengandungi bukan sahaja pegawai-pegawai Kementerian, tetapi juga pensyarah-pensyarah dan juga pendidik-pendidik yang berpengalaman supaya Jawatankuasa ini dapat membantu Kerajaan untuk menggubalkan garis panduan-garis panduan yang lebih spesifik untuk diikuti oleh TASKA-TASKA dan juga untuk menggubalkan satu rancangan ataupun plan yang "comprehensive" untuk memajukan perkembangan TASKA-TASKA di negara kita ini.

Di dalam Jawatankuasa Penasihat ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya pegawai-pegawai dari Kementerian Pelajaran pun dilibatkan bersama-sama juga kerana penyelarasan di antara kedua-dua Kementerian ini adalah penting. Ini adalah kerana TADIKa dan juga pelajaran rendah adalah di bawah jagaan Kementerian Pelajaran dan kita mestilah menganggap bahawa proses perkembangan kanak-kanak ini adalah satu proses yang berlanjutan (continuous). Tuan Yang di-Pertua, sebab itu melibatkan kedua-dua Kementerian ini dalam satu Jawatankuasa Penyelarasan dan Penasihat adalah sangat penting. Inilah sahaja. Saya ingin menyokong Rang Undang-undang ini dan sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.28 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama dengan rakan-rakan saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan saya ucapkan tahniah kepada Menteri Kebajikan Masyarakat. Kalau dahulu beberapa tahun kebelakangan ialah terdiri daripada wanita, tetapi sekarang ini daripada lelaki, tetapi wanita dan lelaki ini tidak jadi masalah, kalau tak salah saya Yang Berhormat Menteri kita yang baru dilantik ini kalau daripada air mukanya boleh dikatakan seorang Menteri yang baik dan juga wajahnya tadi menunjukkan ia seorang yang lemah-lembut, senanglah kalau kita hendak minta pertolongan kepada orang-orang yang susah-susah di kawasan kita. Kalau dahulu Menteri wanita pun takut juga dan kalau kita cakap tidak betul kadang-kadang dia marah, tetapi Yang Berhormat kita ini saya nampak daripada parasnya itu baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan bagi pendapat saya Rang Undang-undang ini sangatlah baik. Di negara kita ini ramai wanita-wanita yang menjadi ibu kepada anak-anak bekerja di pejabat-pejabat, di sekolah-sekolah dan juga di firma-firma, sudah tentu bagi wanita-wanita beginilah sangat-sangat berterima kasih kepada Kerajaan di atas Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai ibu-ibu yang bekerja menghantar anak-anak mereka di taman-taman asuhan, sudah tentu banyak taman-taman asuhan tumbuh seperti cendawan, boleh jadi kita khuatir ada taman-taman asuhan yang tidak berdaftar. Dengan adanya Rang

Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak yang kita akan berbahas dan akan laksanakan, maka tindaklah ragu dan was-was iaitu anak-anak yang di bawah umur yang belum bersekolah ini dapat juga dididik, dibimbing dengan lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Rang Undang-undang ini semua Taman Asuhan Kanak-kanak hendaklah didaftar terlebih dahulu sebelum dibenar mereka mengambil bahagian dalam pengurusan Taman Asuhan Kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Fasal 8 dari (a) hingga (g) telah memberi jaminan seperti menghadkan bilangan kanak-kanak di satu Taman Asuhan jangan terlalu banyak dan tentang pengambilan orang-orang bekerja supaya layak dan sesuai. Saya mencadangkan orang-orang iaitu sebagai pembantu atau pengasuh atau yang hendak diambil bekerja dalam TASKA-TASKA ini mestilah orang-orang yang sabar dan baik, janganlah mereka yang agak bengis dan kasar. Saya kata begini kerana ada juga terdapat orang-orang yang perangnya kata orang utara "cengel", iaitu kasar, bukanlah tak boleh tegur kepada anak-anak yang kecil tadi kalau mereka itu bersalah tetapi dengan cara yang berpatutan, dengan cara yang baik, dengan cara bercerita.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham anak-anak yang kecil yang belum bersekolah inilah hendaknya dipimpin, diasuh dengan disiplin teratur, kata bak pepatah: kalau hendak bentuk buluh mestilah dari rebungunya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai ibu berpuas hati jika Taman Asuhan Kanak-kanak ini mengikut segala aturan-aturan dan peraturan yang dibuat di dalam Rang Undang-undang dan mematuhi syarat-syarat yang terkandung dalam Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di atas perlantikan Pegawai-pegawai Berkuasa yang boleh dilantik oleh Yang Berhormat Menteri bagi melawat dan memeriksa apa-apa premis yang digunakan bagi maksud-maksud Taman Asuhan Kanak-kanak seperti kesihatan kanak-kanak atau pekerja di situ dan juga daftar rekod jadual waktu menu, iaitu makanan kanak-kanak biarlah seimbang kerana dari kecil inilah terpaksa kita bina tubuh badan mereka supaya sihat kerana otak yang waras, yang baik itu adalah dari tubuh badan yang sihat. Jadi kalau adanya perlantikan oleh Yang Berhormat Menteri ke atas beberapa pegawai-pegawai tadi, orang-orang ini boleh menyemak buku kira-kira, alat-alat kebersihan dengan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, mengadakan sebuah Taman Asuhan Kanak-kanak yang berdaftar adalah boleh disifatkan satu perniagaan bagi seseorang. Jika begitu, wajarlah kepada mereka menjaga, membiayainya dengan baik, sempurna, teratur dan memuaskan bagi semua pihak, iaitu ibu bapa kanak-kanak serta pihak-pihak tertentu seperti Pendaftar dan pihak-pihak berkenaan. Bagi saya, bukan keuntungan sangat yang dikejar, kalau kita hendakkan untung mestilah dilengkapi dengan segala-gala kelengkapan yang dikehendaki, syarat-syarat dan peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengadakan sebuah Taman Asuhan Kanak-kanak dengan cara yang tidak sedar kita telah menjalankan satu kebajikan, iaitu mengasuh anak-anak menjadi baik di segi rohani dan jasmani, mudah-mudahan anak-anak dari taman asuhan kita tadi yang kita daftar dan tidak menyeleweng akan menjadi anak-anak yang kita asuh tadi dari kecil, bila mereka itu besar akan menjadi warganegara yang berguna bagi masyarakat dan negara yang dikasihi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga setuju iaitu kepada mana-mana taman asuhan yang tidak mematuhi syarat-syarat dan tidak didaftar wajarlah diambil tindakan dan didenda kerana mengadakan satu taman yang tidak sah. Ini adalah satu kesalahan bukan sahaja baginya sendiri tetapi bagi anak-anak yang kecil inipun tidak terjamin kesempurnaannya. Sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Baling.

5.37 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang mana lebih ikhlas telah mengizinkan saya untuk turut serta membahar Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, iaitu usul yang ulung dari pihak beliau sendiri selaku Menteri tersebut, iaitu Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak, 1984.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Rang Undang-undang yang dikemukakan pada hari ini tidaklah begitu lewat lagi bahkan pihak yang bekenaan telah mendapat penuh gambaran, penuh pengalaman dan juga penuh pengetahuan buruk baik sesebuah taman yang telah ditubuh dan akan ditubuh, terutamanya sekali oleh pihak yang berkenaan, khususnya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Taman Asuhan Kanak-kanak telah berjalan sejak daripada kita belum merdeka lagi oleh pihak-pihak tertentu sahaja tetapi pada saat selepas merdeka dan di zaman sains dan teknologi ini tiap-tiap sesuatu telah berubah dan berkembang dengan pesat seperti cendawan, terutama sekali dalam

bidang pendidikan dan memberi pelajaran dari serendah-serendah sehingga ke setinggi-tingginya seimbang dengan kehendak Kerajaan dan semangat rakyat jelata disegi Kerajaan dengan mengadakan pelbagai dasar dan peraturan bagi memaju, meningkatkan pendidikan dan pelajaran. Di segi rakyat pula mengikut perkembangan tersebut di atas apa sekadar yang mereka mampu dan boleh.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat dan tinjauan saya pelbagai jenis dan corak taman asuhan yang ada di negara kita sekarang di pelbagai bangunan dan rumah seperti di Dewan Orang Ramai, Madrasah, Surau, Masjid-masjid, Bangunan Sekolah, Rumah-rumah kediaman dan kadangkala terdapat ada bangunan persendirian dan hak kepunyaan taman sendiri. Begitu juga jenis-jenis pakaian di dalam pelbagai cara dan bentuk yang digunakan oleh kanak-kanak mengikut apa yang diarah oleh pendidik-pendidik dan pengasuh-pengasuh mereka atau jawatankuasa sebuah taman asuhan tersebut.

Di segi pengajar, makanan dan juga minuman tidak bersamaan di antara satu taman dengan satu taman, terutama sekali taman asuhan di dalam bandar dengan taman asuhan di luar bandar yang mana kebanyakan dibimbing dan diasuh oleh kaum wanita kita.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kebersihan tempat belajar dan kebersihan kanak-kanak sendiri tidak begitu dijaga dan diawasi. Rawatan-rawatan oleh pihak perubatan juga tidak dibuat dan diatur dengan rapi, terutama sekali di kawasan-kawasan berjauhan dan juga pedalaman.

Tenaga pengajar juga dari pelbagai cara, pengalaman dan pendidikan

termasuk pengasuh-pengasuh kanak-kanak yang mana dengan masing-masing cara dan style di mana satu taman itu ditubuh.

Bilangan kanak-kanak juga, Tuan Yang di-Pertua, tidak tentu, ada yang banyak sangat sampai 40-50 orang, ada pula yang sedikit, hanya 2 atau 3.

Dari segi pembayaran kanak-kanak juga tidak sama di antara satu taman dengan satu taman, tambahan pula ada setengah taman tidak dikawal dengan bebas bagi sesiapa dan mana-mana golongan untuk mengadakan mengikut selera masing-masing yang mana boleh merugikan kanak-kanak yang mana akan menjadi dewasa yang akan mengambil alih usaha dan peranan yang dibuat oleh kita pada masa kini. Nampaknya begitu bebas sekali dan tidak ada pengawalan yang baik dan yang rapi dari pihak yang berkenaan terutama sekali di ladang-ladang dan di tempat-tempat di seluruh negara kita oleh orang-orang perseorangan dan juga institusi-institusi yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah nama juga, berbagai-bagai nama taman telah diberi seperti TBK, TASKA, TADIKA, TASKI dan lain-lain lagi yang mana dibuat dan ditaja oleh berbagai-bagai agensi, institusi, orang perseorangan dan golongan dengan bertujuan untuk memberi didikan kepada kanak-kanak kita kerana seperti mana termaklum, Tuan Yang di-Pertua, pelajaran adalah pelaburan kepada manusia khususnya kepada kanak-kanak dan kemajuan sesebuah negara yang maju bergantung kepada banyak mana pelaburan yang didapati yang mana akan membawa manusia ke mercu kejayaan dan juga mulia. Oleh itu bagi menjamin tiap-tiap taman itu berjalan dengan lebih kemas dan teratur dan mempunyai tempat rujukan dan pengawasan yang tertentu dan

mempunyai hukuman yang khusus terhadap mereka yang melanggar dan tidak mematuhi undang-undang tersebut seperti tersebut di Fasal 6 (2). tiap-tiap taman kalau tidak dikawal dengan rapi dan tidak dibuat apa-apa peraturan mungkin kanak-kanak kita akan menjadi kanak-kanak yang tidak mendapat kemajuan dan keselamatan terjamin masa hadapan mereka sebagai rakyat yang berguna dan bermaruah di dalam negara yang berkembang maju dan mempunyai anika pancaroba di dalam dan di luar.

Tuan Yang di-Pertua, insya Allah dengan kelulusan dan pelaksanaan Rang Undang-undang ini nanti kedudukan dan status sesebuah Taman Asuhan itu akan lebih baik dan menjamin keselamatan keseluruhannya sama ada tubuh badan kanak-kanak dan pelajaran mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak dilahir adalah dalam keadaan putih dan bersih, terpulanglah kepada ibubapa untuk mencorakkan sama ada buruk baik terhadap anaknya itu.

Selain daripada pendaftaran yang dibuat bagi tiap-tiap taman yang hendak ditubuh dan berjalan di bawah pengawasan dan pengawalan pegawai-pegawai yang akan dilantik dan diberi tugas dan tanggungjawab yang rapi bagi melaksanakan undang-undang ini, latihan atau kursus hendaklah diadakan bagi pendidik-pendidik dan pengawas-pengawas termasuk sama jawatankuasa yang mengendali sebuah taman diberi peluang menghadiri kursus supaya mereka menjadi benar-benar pendidik-pendidik dan pengawas-pengawas dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat dan tujuan dibangun atau ditubuhkan sebuah Taman Asuhan bagi kanak-kanak yang beumur 4 tahun atau seperti yang dihadkan adalah untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah dan madrasah yang didaftarkan dengan

Kerajaan yang sedia ada dan memberi pelajaran dan pendidikan kepada kanak-kanak untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah maka jika terdapat mana-mana taman-taman yang menyalah dasar ini tidak berkehendak atau tidak membenarkan kanak-kanak memasuki dan melanjutkan mana-mana sekolah manakala masa belajar di taman-taman, maka hendaklah tindakan diambil kepada pihak tersebut menutup atau mengambil alih pentadbiran sesebuah taman tersebut atau mengenakan apa-apa hukuman yang sejajar dengan kesalahan mereka. Khususnya saya menyokong penuh di atas kategori yang dicadangkan di bawah Fasal 5 iaitu dua kategori (a) dan (b).

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian atas Fasal 8 (a), (b), (c), (d), (e), (f) dan (g) yang mana sangat perlu untuk menjamin sebuah taman berjalan dengan baik dan menghasilkan taman-taman yang sihat dan mempunyai pendidikan yang baik, yang mempunyai peribadi dan sifat keharmonian di antara kaum dan sesama bangsa dengannya dan tidak diseleweng oleh mana-mna pihak yang tidak bertanggungjawab bagi tujuan yang murni ini. Lagi sekali, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

5.45 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, sebagai mewakili satu kawasan pilihanraya yang mana terdapat banyak Taman Asuhan Kanak-kanak adalah menjadi pandangan saya bahawa satu Rang Undang-undang seumpama ini seharusnya diperkenalkan sejak lama dahulu bagi memastikan bahawa semua Taman Asuhan Kanak-kanak dijalankan, diurus, disedia dan disenggara dengan sempurna dan teratur.

Rang Undang-undang ini bertujuan menggalak dan memudahkan kemajuan atau sistem pendaftaran dan pengawalan yang sempurna bagi semua Taman Asuhan Kanak-kanak di Malaysia dan hasil pada akhirnya ialah mengadakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik untuk kanak-kanak di bawah umur 4 tahun di Taman Asuhan Kanak-kanak.

Peraturan yang dicadangkan itu di antara lainnya ialah mewajibkan semua orang menjalankan Taman Asuhan Kanak-kanak supaya berdaftar dengan Kementerian dan mematuhi syarat-syarat atau kehendak-kehendak minima yang dikenakan oleh pihak Kementerian ke atas mereka.

Pada masa sekarang Taman Asuhan Kanak-kanak dijalankan tanpa apa pengawasan atau penyeliaan dan mereka yang menjalankan hanya berdaftar sebagai perniagaan sahaja, akibatnya beberapa Taman Asuhan Kanak-kanak terdedah kepada disalahguna.

Pada masa yang lalu saya sendiri telah menerima aduan-aduan mengenai setengah-setengah Taman Asuhan Kanak-kanak yang menggunakan ubat untuk mengawal kanak-kanak yang dalam jagaan mereka. Maka dengan mengemukakan Rang Undang-undang ini saya berharap bahawa amalan yang salah ini boleh dihapuskan dan taraf atau mutu penjagaan kanak-kanak boleh dipertingkatkan selanjutnya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Taman Asuhan Kanak-kanak dalam Bandaraya, terutamanya kepada ibubapa yang bekerja yang tidak mengambil pembantu-pembantu rumah, kerja bagi mengasuh anak-anak mereka adalah menjadi satu keperluan pada hari ini dan dengan pembentangan undang-undang baru ini Kementerian akan berupaya

menjalankan kawalan dan penyeliaan ke atas bilangan kanak-kanak yang ditempatkan ke dalam sesebuah Taman Asuhan berbanding dengan bilangan penjaga yang ditugaskan. Ianya akan juga berupaya mengawasi semua aspek lain yang melibatkan kesejahteraan kanak-kanak seperti kesihatan, makanan dan kebersihan. Walaupun ini ialah satu Rang Undang-undang yang baik, apa yang masih dilakukan Tuan Yang di-Pertua, ialah memastikan supaya ianya dikuatkuasakan secara berkesan.

Saya suka meminta jaminan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada Kementerian mempunyai kakitangan yang cukup untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ini selepas ianya diterima dan dilaksanakan oleh Kerajaan.

Pengemukakan Rang Undang-undang yang membolehkan Kementerian Kebajikan am meletakkan semua Taman Asuhan Kanak-kanak di bawah kawalannya adalah dialu-alukan tetapi apa yang lebih penting pada pendapat saya ialah memastikan undang-undang ini dapat dilaksana dan dikuatkuasa secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang saya ingin menyentuh mengenai Rang Undang-undang ini ialah soal pengambilan kakitangan dan juga soal latihan semua orang yang diambil bekerja di Taman Asuhan Kanak-kanak.

Saya mendapati di dalam Undang-undang ini bahawa terdapat berbagai derma dan syarat-syarat yang akan dikenakan ke atas Taman Asuhan Kanak-kanak apabila didaftarkan oleh Ketua Pengarah. Antara syarat-syarat itu ialah mereka dikehendaki di ambil bekerja di Taman Asuhan Kanak-kanak orang-orang yang layak dan sesuai sama ada disebabkan umur atau selainnya di taman-taman itu mestilah mengadakan kakitangan yang cukup

baik dari segi bilangan mahupun kelayakan ataupun pengalaman orang-orang yang diambil bekerja di dalamnya. Memandangkan di atas, saya suka mencadangkan bahawa latihan yang teratur, latihan yang sempurna hendaklah diberi kepada semua penjaga kanak-kanak supaya mereka boleh mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjaga kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-kanak.

Maka dengan ini saya berpendapat bahawa Kementerian yang berkenaan hendaklah menimbangankan untuk menyediakan kursus-kursus latihan untuk semua penjaga kanak-kanak supaya mereka akan mempunyai pengetahuan dan kemahiran secukupnya dan berkebolehan berkerja di Taman-taman Asuhan Kanak-kanak.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal bayaran "fee" di bawah Akta apabila perakuan pendaftaran dikeluarkan kepada Taman Asuhan Kanak-kanak. Di bawah Fasal 23 (2) Rang Undang-undang ini, Menteri boleh membuat peraturan-peraturan di antara lain-lain perkara berhubung dengan "fee" yang perlu dibayar oleh pemohon-pemohon yang berkenaan. Saya suka mencadangkan di sini bahawa apabila menimbangankan "amount fee" yang dikenakan ke atas Taman Asuhan Kanak-kanak, Kementerian berkenaan hendaklah mengenakan satu "fee" yang menasabah ke atas Taman Asuhan memandangkan peranan-peranan penting yang dapat dimainkan oleh Taman Asuhan Kanak-kanak ini.

Saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada muka surat 4 Rang Undang-undang ini di bawah Bahagian I iaitu

permulaan Fasal 2 mengenai definasi Taman Asuhan Kanak-kanak dan dalam Rang Undang-undang ini ada disebutkan bahawa Taman Asuhan Kanak-kanak ertinya "mana-mana premis di mana empat orang atau lebih kanak-kanak di bawah umur empat tahun dari lebih daripada satu isirumah diterima masuk untuk dijaga dengan upah", maka dengan perkataan upah itu saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, berkenaan dengan "amount" upah yang hendak ditanggung oleh orang ramai apabila mereka menghantar anak-anak mereka ke tempat asuhan ini, oleh kerana saya mendapati bahawa tidak ada disebut dalam Rang Undang-undang ini tentang "amount" upah ini.

Saya berharap bahawa Kementerian yang berkenaan boleh mengadakan satu jadual di mana akan menggariskan kadar-kadar tentang bayaran-bayaran yang hendak ditanggung oleh orang ramai apabila mereka dikehendaki menyampaikan upah ini kepada Taman Asuhan Kanak-kanak ini. Maka dengan ini saya sekali lagi suka menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari SibU.

5.56 ptg.

Tuan Ling Sie Ming (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, saya

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah jangan panjang sangat, kerana kita kalau boleh minta kita habiskan pada pukul 6.30 petang.

Tuan Ling Sie Ming: Tidak panjang. Saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan iaitu suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan Taman-taman Asuhan Kanak-kanak.

Tujuan Akta pada akhirnya ialah mengadakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik untuk kanak-kanak di antara umur 0 ke 4 tahun di Taman Asuhan Kanak-kanak. Di bawah Rang Undang-undang ini adalah dua kategori Taman Asuhan Kanak-kanak.

Kategori pertama ialah Taman Asuhan Kanak-kanak di rumah yang menerima masuk kurang daripada 10 orang. Dan kategori yang kedua adalah taman asuhan Kanak-kanak di institusi-institusi yang menerima masuk lebih daripada 10 orang. Akan tetapi syarat-syarat pendaftaran bagi kedua-dua kategori Taman Asuhan Kanak-kanak adalah sama, maka kehendak-kehendak pendaftaran kurang adil kepada kategori yang pertama. Seperti kita sedar Taman Asuhan Kanak-kanak di rumah adalah taman yang kecil yang ditubuhkan dengan modal yang terhad.

Sekiranya terma-terma dan syarat-syarat seperti penggajian kakitangan-kakitangan yang layak, kemudahan-kemudahan yang bermutu tinggi, peraturan yang cukup bagi makanan, kemudahan-kemudahan untuk berehat dan hiburan dan kehendak yang berkaitan dengan struktur iaitu pencegahan api, kesihatan, kebersihan dan keselamatan dipenuhi maka kos operasi akan meningkat tinggi dan memungkinkannya Taman-taman Asuhan Kanak-kanak terpaksa menamatkan perniagaan mereka.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa saya bukanlah mencadangkan supaya pengecualian daripada sebarang syarat-syarat pendaftaran diberi untuk Taman-taman Asuhan Kanak-kanak di rumah. Apa yang saya ingin bangkitkan adalah bahawa syarat-syarat pendaftaran yang berlainan sepatutnya diadakan bagi kedua-dua kategori masing-masing oleh sebab jenis operasi mereka adalah berbeza. Jikalau syarat-syarat

pendaftaran yang dicadangkan ini dilaksanakan ke atas Taman-taman Asuhan Kanak-kanak, dan jikalau mereka tidak menamatkan perniagaan mereka, maka mereka akan terpaksa meninggikan bayaran untuk perkhidmatan yang diberikan kepada mereka.

Akibatnya ialah keluarga-keluarga yang berpendapatan rendah tidak akan dapat menikmati faedah daripada Rang Undang-undang ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan satu cadangan mengenai Taman Asuhan Kanak-kanak.

Saya berpendapat bahawa Kerajaan hendaklah memberi perhatian kepada masalah yang dihadapi oleh orang ramai yang berpendapatan rendah dan saya rasa masanya sudah tiba bagi Kerajaan untuk menimbangkan untuk membina dan menguruskan Taman Asuhan Kanak-kanak.

Cadangan saya akan menghasilkan faedah-faedah seperti berikut:

- (1) Langkah yang dicadangkan itu akan memastikan bahawa keperluan bagi Taman Asuhan Kanak-kanak di semua kawasan di seluruh negara kita akan ditemui.
- (2) Pihak Kerajaan dapat mewujudkan suatu sistem penuh dimana rancangan latihan akan memestikan terdapat tempat pekerja-pekerja yang professional yang bermutu tinggi.
- (3) Langkah itu akan meningkatkan keyakinan rakyat keseluruhannya dan sejurus itu kaum wanita boleh mengatasi kebimbangan mereka dan keluar untuk bekerja.
- (4) Oleh kerana kanak-kanak dapat dijaga oleh kakitangan-kakitangan professional, kaum

wanita akan mendapat peluang yang lebih luas untuk menyertai dalam pembangunan negara baikpun menerusi bekerja dalam sektor awam ataupun sektor swasta. Akibatnya asset kemanusiaan dan tenaga kerja serta pengeluaran negara akan dipertingkatkan.

- (5) Dengan pembinaan Taman-taman Asuhan Kanak-kanak oleh Kerajaan, kanak-kanak kita akan mengalami kehidupan kolektif, dengan izin, "collective life", Tuan Yang di-Pertua, dan mempelajari sikap sosial yang sihat.
- (6) Jika pihak Kerajaan bertanggungjawab menguruskan Taman-taman tersebut bolehlah diharapkan bahawa bayaran dapat diturunkan dikurangkan dan akhirnya orang ramai yang berpendapatan rendah akan menikmati faedah daripada perkhidmatan sosial itu.
- (7) Akhirnya, kalau pembinaan Taman-taman Asuhan Kanak-kanak Kerajaan dapat dilaksanakan pengeluaran serta pendapatan sebarang keluarga dapat dipertingkatkan dan kaum wanita boleh memberi sumbangan yang lebih luas terhadap usaha memperbaiki ekonomi negara kita serta menambahkan kekayaan masyarakat.

Malaysia adalah sebuah negara yang sedar nasib untung negara kita bergantung kepada falsafah dan tindakan yang diambil oleh kita sekarang untuk memelihara dan mendidik kanak-kanak kita.

Latihan dan pendidikan sesuai yang diberi kepada kanak-kanak yang berumur kurang daripada 4 tahun akan menyediakan kanak-kanak kita bagi kehidupan mereka pada masa depan.

Dasar kini Kerajaan adalah "pandang ke Timur" di negara Jepun. Taman Asuhan Kanak-kanak telah menunjukkan suatu ciri yang terpenting sekali dalam kehidupan negara itu. Kerajaan negeri Jepun, kemajuan ekonomi dan kestabilan sosialnya adalah cemerlang.

Apa yang kita mesti ingat ialah bahawa sistem Taman-taman Asuhan Kanak-kanak telah menyumbangkan ke arah kejayaan negeri Jepun. Sekiranya pihak Kerajaan adalah jujur dan ikhlas untuk mempelajari daripada negeri Jepun maka Kerajaan mestilah menggalakkan pembinaan Taman-taman Asuhan Kanak-kanak di seluruh negara kita. Sekian, terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Minta jangan panjang sangat, bolehkah? Minta cakap dalam masa lima minit—bolehkah dalam 5 minit? Silakan, tetapi minta kalau boleh pendekkan sedikit.

6.06 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak ini telah menjamin suatu sistem yang baik untuk pendaftaran dan pengawalan semua Taman Asuhan Kanak-kanak di Malaysia, tetapi ia telah dengan dukacitanya gagal untuk membuat persediaan untuk menjaga dan menentukan perkembangan dan kemajuan seseorang kanak-kanak dari segi fizikal, mental, emosi, psikologikal dan sosial semasa ia berada di taman itu.

Pada tahun 1979—Tahun Kanak-kanak Antarabangsa, cadangan untuk mendirikan Taman Asuhan Kanak-kanak yang terdaftar telah dibuat. Walau bagaimanapun, hanya dalam tahun ini sahajalah Rang Undang-undang ini disediakan untuk

dibincangkan di Dewan yang mulia ini. Mengapakah Kerajaan telah mengambil masa 5 tahun untuk menyediakan Rang Undang-undang ini?

Saya berharap dengan ikhlasnya supaya Rang Undang-undang ini tidak akan mengambil masa selama 5 tahun lagi ataupun lebih sebelum ia diluluskan, digezet dan dikuatkuasakan. Nampaknya Kerajaan tidak menumpukan cukup perhatian ke atas perkara-perkara yang berkenaan dengan hal wanita dan kanak-kanak.

Selain daripada itu, Rang Undang-undang ini hanya membuat persediaan untuk kanak-kanak yang berumur 4 tahun ke bawah. Perlu juga diadakan persediaan untuk membekalkan kepada kanak-kanak diantara umur 4-12 tahun sebab setengah-setengah daripada mereka ini belum lagi bersekolah.

Bagi mereka yang telah menghadiri kelas Tadika atau sekolah rendah, mereka hanya menghabiskan setengah hari atupun kurang daripada itu di sekolah. Semasa ibubapa mereka keluar bekerja selama beberapa jam, mereka ini juga harus diasuh.

Rang Undang-undang ini ingin menggalakkan dan melancarkan suatu sistem pendaftaran dan pengawalan yang baik ke atas semua Taman Asuhan Kanak-kanak di Malaysia dengan matlamat untuk menjamin supaya Taman Asuhan Kanak-kanak ini akan mempunyai kemudahan-kemudahan yang lebih baik. Walaupun saya tidak menafikan bahawa kemudahan-kemudahan ini adalah penting, tetapi saya merasa bahawa suatu aspek yang asas dan amat penting telah diabaikan sama sekali.

Saya ingin membuat cadangan supaya Rang Undang-undang ini menumpukan lebih banyak perhatian

untuk menentukan supaya seseorang kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-kanak ini boleh berkembang dan maju dari segi fizikal, mental, emosi, psikologikal dan sosial.

Umur semuda 4 tahun dan bawah adalah suatu tahap perkembangan kanak-kanak yang sangat penting. Oleh yang demikian, adalah amat perlu supaya diadakan cukup persediaan yang baik di dalam Rang Undang-undang ini untuk menentukan bahawa Taman Asuhan Kanak-kanak telah menyediakan suatu suasana yang sihat dan sesuai untuk perkembangan yang menyeluruh bagi seorang kanak-kanak.

Ibu-ibu yang bekerja biasanya meletakkan anak-anak mereka di taman-taman ini sepanjang waktu bekerja mereka. Akibatnya kanak-kanak ini menghabiskan banyak masa di taman-taman itu. Oleh yang demikian kesanggupan taman-taman itu dalam menentukan dan mempengaruhi kemajuan seseorang kanak-kanak itu dari segi kehidupan tidak seharusnya diperkecilkan.

Dengan terlalu mementingkan prosedur-prosedur suatu sistem pendaftaran baik yang harus diikuti oleh semua taman-taman asuhan kanak-kanak, Rang Undang-undang ini telah banyak menekankan aspek teknikal pendaftaran dan pentadbiran taman-taman itu, sehingga telah mengabaikan kenyataan nilai dan kualiti cara asuhan kanak-kanak itu sendiri. Rang Undang-undang ini pada dasarnya hanya menegaskan syarat-syarat dan prosedur pendaftaran itu (Bahagian II), prosedur pembatalannya (Bahagian III), perliantikan pegawai-pegawai berkuasa (Bahagian IV) dan lain-lain keperluan pentadbiran (Bahagian V) dan walaupun Fasal 8 dalam Bahagian II telah menyentuh atas kelayakan pemohon-pemohon serta pekerja-pekerja di taman asuhan kanak-kanak

itu dan kesanggupan menyediakan kepada keperluan-keperluan fizikal kanak-kanak itu, serta keselamatan yang umum di taman itu tetapi semuanya telah dinyatakan secara kasar sahaja.

Kelayakan dan pengalaman pemohon-pemohon atau pekerja-pekerja di taman asuhan kanak-kanak itu tidak dijelaskan dengan tepatnya. Ia hanya telah dinyatakan dengan secara kasar sahaja, iaitu bahawa "pemohon atau mana-mana orang lain yang diambil bekerja di taman asuhan kanak-kanak adalah seorang yang layak dan sesuai, sama ada disebabkan oleh umur atau selainnya untuk menjalankan mengambil bahagian dalam pengurusan atau diambil bekerja di taman asuhan kanak-kanak itu (Fasal 8 (b), Bahagian II), tetapi Rang Undang-undang itu tidak menerangkan apa yang diertikannya dengan perkataan "layak" dan "sesuai". Rang Undang-undang ini harus menegaskan dengan tepat dan cukup mengenai keperluan bagi pemohon-pemohon atau pekerja-pekerja di taman-taman asuhan kanak-kanak itu untuk menerima kelayakan dalam setengah-setengah latihan atau pengalaman yang sesuai dalam urusan pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak.

Saya ingin membuat cadangan bahawa seseorang yang ingin menguruskan sebuah taman asuhan kanak-kanak itu harus mempunyai kelayakan Jururawat Pendaftaran Negeri, State Registered Nurse Tuan Yang di-Pertua, ataupun sekurang-kurangnya memegang kelayakan pengasuhan lain yang sesuai. Pekerja-pekerja lain yang diambil bekerja di taman-taman asuhan kanak-kanak itu juga diperlukan untuk menerima lain-lain latihan rawatan atau pengasuhan yang sesuai dan rasmi. Ini bermakna bahawa Kerajaan harus menyediakan dan mengadakan kursus-kursus

latihan yang sesuai kepada mereka yang beminat untuk menguruskan sebuah taman asuhan kanak-kanak untuk menentukan bahawa kualiti dan nilai taman-taman asuhan kanak-kanak yang wujud masa kini dipertingkatkan dan juga menentukan bahawa suatu suasana yang sihat dan sesuai untuk perkembangan yang menyeluruh bagi seseorang kanak-kanak itu adalah terjamin. Ini mungkin juga membuka peluang kepada mereka yang telah gagal untuk mencapai kelulusan dalam peperiksaan SRP atau SPM dan yang berminat dalam pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak untuk menjadi layak dalam pengasuhan kanak-kanak.

Tambahan pula, hanya dengan membuat persiapan untuk membekalkan kepada keperluan-keperluan fizikal seperti makanan, rehat dan hiburan dan dengan hanya menyediakan makanan yang cukup dan seimbang. Fasal 8 (e) Bahagian II adalah memang tidak mencukupi. Rang Undang-undang itu juga sepatutnya memasukkan keperluan untuk mengadakan suatu suasana yang sesuai dan yang dilengkapkan dengan baik untuk menyelenggarakan perkembangan mental seseorang kanak-kanak serta keperluan emosi dan psikologikalnya. Harus juga diadakan beberapa langkah untuk membantu seseorang kanak-kanak untuk menyesuaikan dirinya dengan keadaan sosial yang baru serta cara-cara yang akan merangsangkan bakat yang kreatif seseorang kanak-kanak itu.

Kesemua ini bererti bahawa Rang Undang-undang ini harus memperincikan beberapa jenis kegiatan dan kelengkapan yang harus diadakan. Misalnya, jenis-jenis permainan yang boleh mendidik, mendorong dan mengembangkan fikiran dan penciptaan seseorang atau permainan yang memerlukan

kerjasama beberapa orang kanak-kanak atau pun sekurang-kurang dua orang sebab itu boleh menggalakkan persahabatan dan suatu perasaan kekeluargaan di kalangan kanak-kanak. Kasih sayang juga harus ditunjukkan kepada kanak-kanak. Ini mungkin boleh mengelakkan segala perasaan penolakan, dukacita atau perasaan penyedihan bahawa mereka telah dibuang ke sana oleh ibu bapa mereka. Segala pukulan, ancaman yang hebat ataupun segala jenis perlakuan yang zalim ke atas kanak-kanak haruslah dielakkan. Perlakuan sedemikian harus ditegaskan sebagai suatu kesalahan yang serius dan harus didenda dengan berat.

Berkenaan dengan langkah-langkah keselamatan di dalam taman-taman asuhan kanak-kanak itu, Rang Undang-undang ini telah menyatakan dengan kurang jelas keperluannya untuk mematuhi apa-apa kehendak yang berkaitan dengan struktur pencegahan api, kesihatan, kebersihan dan keselamatan dalam Fasal 8 (f), Bahagian II, Rang Undang-undang ini harus juga menegaskan keperluan untuk mengambil tindakan untuk mencegah segala kemalangan yang mungkin berlaku dan juga keadaan-keadaan yang bahaya seperti membiarkan pagar luar taman itu terbuka atau mengadakan pintu-pintu kaca yang boleh dipecahkan dengan mudah atau kemudahan untuk mencapai perkakas-perkakas masak yang menggunakan bahan api gas, pisau, benda-benda tajam, air panas di dalam dapur atau pun bahaya menggunakan bantal-bantal yang lembut yang mungkin mengakibatkan kelemasan atau risiko menggunakan jenis buaian yang tidak stabil dan tidak selamat. Selain daripada ini, perlu diadakan juga bilangan cukup pekerja-pekerja yang bertugas untuk sentiasa memberikan perhatian kepada kanak-kanak itu. Walau bagaimanapun, ia tidaklah sahaja penting untuk menegaskan di dalam

Rang Undang-undang ini mengenai tindakan-tindakan dan langkah-langkah keselamatan untuk mencegah segala-gala kemungkinan bahaya tetapi tindakan-tindakan itu juga harus dikuatkuasakan dengan tegas.

Tambahan pula kepentingan kebersihan di taman-taman asuhan kanak-kanak langsung tidak dinyatakan di dalam Rang Undang-undang ini. Apa yang telah dinyatakan sahaja adalah bahawa taman asuhan kanak-kanak itu hendaklah dilengkapi dan disenggarakan dengan secukup dan sesuainya dalam Fasal 8 (d), Bahagian II. Ia juga adalah perlu untuk menentukan bahawa lantai, perkakas-perkakas rumah serta alat-alat yang selalu disentuh oleh kanak-kanak itu adalah bersih. Kain lampin bayi, pakaian dan cadar katil haruslah ditukar dan dibersihkan tiap-tiap hari.

Dengan bilangan dan kepopularan taman-taman asuhan kanak-kanak yang kian bertambah ini, saya ingin mengesyorkan supaya persediaan dibuat untuk mencegahkan segala perlakuan salah oleh orang-orang yang menguruskan taman-taman asuhan kanak-kanak itu. Kebanyakan taman-taman asuhan kanak-kanak itu mempunyai matlamat mencari keuntungan sahaja. Oleh yang demikian, perlu diadakan persediaan untuk menjaga kepentingan, perkembangan dan kemajuan seseorang kanak-kanak dalam semua aspek. Pernah dilaporkan bahawa setengah-setengah kanak-kanak di taman-taman asuhan kanak-kanak telah diberikan pil tidur, (sleeping pills), Tuan Yang di-Pertua, supaya mereka akan terus tidur selama beberapa jam. Tujuannya ialah untuk meringankan pengasuh-pengasuh kanak-kanak itu daripada tanggungjawab mereka. Perlakuan yang kurang mempunyai etik ini boleh membahayakan perkembangan

menyeluruh seseorang kanak-kanak itu dan harus dicatat sebagai suatu kesalahan serius yang boleh didenda.

Kerajaan juga harus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mencegah pegawai-pegawai yang berkuasa daripada menyalahgunakan kuasa-kuasa mereka dan daripada melibatkan diri mereka dalam rasuah untuk memastikan supaya matlamat-matlamat asas Rang Undang-undang ini dicapai.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan mendirikan taman-taman asuhan kanak-kanaknya sendiri di jabatan-jabatan dan pejabat-pejabat Kerajaan. Taman-taman asuhan ini harus mempunyai kualiti dan nilai yang tinggi supaya ia lebih dipandang sebagai suatu model, contoh untuk taman-taman asuhan kanak-kanak swasta yang lain untuk mengikuti. Pekerja-pekerja wanita boleh meninggalkan kanak-kanak mereka di taman-taman ini dengan jaminan bahawa kanak-kanak mereka adalah dijaga dengan baik. Akibatnya, ini mungkin mempertingkatkan lagi pengeluaran prestasi kecekapan di dalam jabatan-jabatan dan pejabat-pejabat Kerajaan yang memang mempunyai rang untuk kebaikannya dan kemajuannya. Sekian, terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang

Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak diluluskan, dan setelah itu Dewan ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang dikemukakan ini bagi diputuskan dan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak diluluskan, dan setelah itu Dewan ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat menjawab.

6.21 ptg.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukacita saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk berbahas di dalam Rang Undang-undang bertajuk Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 ini, iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Batu Pahat, Tanjong Karang, Tanjong, Sungai Petani, Baling, Kuala Lumpur Bandar, Sibu dan Kepong. Terima kasih khas juga diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani di atas kepercayaan beliau terhadap Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat yang baharu, tetapi sama ada senang dapat peruntukan atau tidak belumlah dapat

ditentukan. Walau bagaimanapun, bolehlah senyum-senyum selalu mungkin pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat juga akan bersimpati dengan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap menekankan beberapa perkara berkaitan dengan penguatkuasaan Undang-undang ataupun Akta ini yang mana ada di antara mereka mungkin belum begitu percaya bahawa Rang Undang-undang ini akan dapat mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) di seluruh negara ini dan sama ada penguatkuasaan akan dijalankan dengan sepenuhnya. Di sini sukalah saya menegaskan bahawa demi kepentingan anak-anak kita supaya akan dapat diberi bimbingan yang baik dan secukupnya untuk menjadi warganegara yang seimbang serta berpengalaman dan juga akan dapat memberikan perkhidmatan kepada negara, bahawa Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) yang diwujudkan di dalam negara ini sebelum ianya didaftarkan mestilah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam seksyen 8 di dalam Rang Undang-undang ini, terutama sekali berkaitan dengan bilangan kanak-kanak yang diterima masuk di mana-mana TASKA. Begitu juga dari segi kelayakan dan kesesuaian seseorang pemohon ataupun pekerja di taman yang berkenaan dan tidak ketinggalan dari segi kakitangan yang cukup sama ada dari segi bilangan, kelayakan ataupun pengalaman. Ini adalah di antara syarat-syarat penting yang akan diambil perhatian oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk memastikan bahawa pelaksanaan Undang-undang ini akan berjalan dengan sepenuhnya.

Nampaknya pihak DAP, khasnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong masih tidak berpuas hati dengan

usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan. Beliau berkehendakkan supaya semua detail-detail berkaitan dengan kelayakan dan lain-lainnya dimasukkan di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Saya tidak fikir Ahli Yang Berhormat itu kurang faham, tetapi sudah faham berkaitan dengan pembentangan Undang-undang dimana tidaklah perlu kita memasukkannya semua di dalam Rang Undang-undang. Barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak membaca Peraturan 23 yang menyatakan bahawa Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk menjalankan maksud-maksud Akta ini. Jadi, ada disenaraikan di perenggan 2 (a) sampai (l) yang mana di antaranya termasuklah kelayakan, pengalaman, perlantikan, tugas, tanggungjawab dan disiplin orang-orang bagi maksud-maksud perjalanan, pengurusan dan penyeliaan Taman Asuhan Kanak-kanak ini akan diperinci di dalam peraturan-peraturan yang akan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, disamping menguatkuasakan Akta ini, sukacitalah saya menyatakan bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat juga menjalankan satu projek bertajuk Alternative Child Care Services iaitu yang dianjurkan bersama oleh Yayasan Bernard Van Leer bagi tahun 1984 mulai daripada bulan Januari hingga Julai tahun ini, bertujuan untuk menguji dan memajukan modeliti yang disesuaikan dengan sektor dan kebudayaan yang berlainan yang terdapat dalam negara kita ini. Projek ini sedang dijalankan di sektor ladang di kawasan luar bandar dan dalam bandar dan akan memajukan cara-cara untuk mempertingkatkan kemahiran pengasuh di dalam usaha menjamin pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak yang dijaga di Taman Asuhan Kanak-kanak. Begitu juga projek ini akan mencari jalan untuk

menambahkan kemahiran pengasuhan bagi mengadakan kegiatan untuk memastikan pertumbuhan fizikal dan mental seseorang kanak-kanak termasuk perkembangan dari segi conductive iaitu mengikut kesesuaian peningkatan umur seseorang kanak-kanak yang berkenaan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk memberikan latihan dan mengesan pengasuh-pengasuh yang berkenaan sentiasa dijalankan oleh pihak Kementerian. Di samping itu dari segi pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan ataupun key personnel berkaitan dengan pengawasan ataupun penguatkuasaan TASKA yang akan didaftarkan ini, sukacita saya menyatakan bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat telah pun mewujudkan satu unit yang dinamakan Unit Perkembangan Asuhan Kanak-kanak, di antara lain, memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada penganjur-penganjur yang ingin menubuhkan Taman Asuhan Kanak-kanak.

Bersesuaian dengan penubuhan unit yang berkenaan, maka satu kursus bagi seramai 25 orang Pegawai Kebajikan Masyarakat telah diadakan dalam tahun 1983 dengan tujuan memberi pengetahuan dan kemahiran dalam urusan perjalanan TASKA supaya mereka dapat memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada bakal penganjur-penganjur TASKA. Kursus-kursus ini akan dijalankan tiap-tiap tahun. Kursus-kursus pengurusan sedang juga dirancangkan.

Berkaitan dengan pengasuh-pengasuh, selain daripada usaha yang saya nyatakan tadi, iaitu melalui Alternative Child Care Services, maka dalam tahun 1983 juga satu kursus telah dijalankan bagi pengasuh-pengasuh TASKA dan ianya akan dijalankan pada tiap-tiap tahun. Ini termasuklah berkaitan dengan cara-cara mereka menjaga ataupun

mengasuh anak-anak, yang mana Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah pun mengatakan supaya pengasuh mestilah terdiri daripada orang yang sabar dan lain-lainnya. Maka aspek ini akan diberikan perhatian kepada pengasuh-pengasuh yang berkenaan, bahkan pengasuh yang sesuai tidaklah bermakna bahawa mereka yang mempunyai kelayakan sahaja tetapi juga mempunyai kelayakan, pendirian serta kewibawaan yang tertentu supaya juga mereka mempunyai pendekatan yang sesuai bagi seseorang kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang bahawa pihak ibu bapa dan juga pihak swasta dilibatkan di dalam penubuhan TASKA-TASKA yang telah dan akan seterusnya didaftarkan, sukalah saya menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa memang sentiasa digalakkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat. Kita mahu ibu bapa secara langsung melibatkan diri dari segi pendidikan serta pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak supaya mereka dapat bersama-sama untuk menyumbangkan terhadap kebaikan TASKA-TASKA yang berkenaan. Begitu juga Kementerian memberikan tekanan kepada pihak swasta, pihak majikan untuk tampil ke hadapan memberikan segala pertolongan dan bantuan terhadap pihak-pihak yang ingin menubuhkan TASKA sama ada di ladang, di kilang dan tempat-tempat lain yang sesuai.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menyatakan bahawa patut diadakan maklumat-maklumat ataupun risalah-risalah mengenai penubuhan TASKA ini dan cara-cara pendaftaran dan sebagainya. Maka sukalah saya menyatakan bahawa pada masa ini Kementerian telah pun mengadakan tidak kurang daripada 12

buku panduan. Buku panduan ini diberi dengan percuma kepada sesiapa juga yang ingin mewujudkan ataupun menjalankan TASKA. Di antara lain termasuklah bagaimana memulakan Taman Asuhan, bangunan yang sesuai untuk Taman Asuhan, alat kelengkapan untuk Taman Asuhan dan lain-lainnya termasuklah penglibatan ibu bapa di Taman Asuhan. Buku-buku ataupun risalah-risalah ini diberi dengan percuma dan ianya akan diadakan di dalam semua bahasa untuk membolehkan semua pihak mengikutinya iaitu Bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Tionghua dan bahasa Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya satu Jawatankuasa Penasihat diwujudkan, perkara ini adalah di dalam pertimbangan pihak saya dan jika perlu saya akan memberikan pertimbangan yang sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya Kerajaan ataupun Kementerian saya, tidak bercadang untuk menetapkan bayaran ataupun upah yang dimaksudkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, iaitu upah yang akan dikenakan oleh seorang penganjur TASKA terhadap kanak-kanak yang mengikuti TASKA yang berkenaan, kerana kita ingin memberi peluang seluas-luasnya untuk mereka mengadakan kemudahan-kemudahan yang tertentu dan dengan cara memberikan perkhidmatan yang baik mungkin mereka akan dapat lebih ramai kanak-kanak memasuki TASKA yang berkenaan. Pihak Kementerian akan mengikuti perkara ini dari masa ke semasa untuk memastikan perkembangannya, sama ada perlu ataupun tidak Kerajaan menetapkan bayaran yang dikenakan kepada penganjur-penganjur TASKA yang berkenaan

terhadap kanak-kanak yang berkenaan oleh kerana ini adalah merupakan satu perniagaan juga dan sebagai satu perniagaan berdasarkan kepada dasar pengswastaaan kita, maka kita akan melihat keadaan yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, bayaran untuk pendaftaran akan dikenakan dan amaunnya akan ditentukan oleh saya kelak.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong berkaitan dengan peraturan minima TASKA, suka saya menyatakan bahawa peraturan-peraturan ini akan diperbuat mengikut Seksyen 23 (a) yang dinyatakan di dalam Rang Undang-undang yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Sibul yang menyatakan bahawa patutlah diadakan syarat-syarat yang berasingan di antara TASKA yang ditubuhkan di rumah, iaitu Home-based Child Care Centre dengan TASKA yang ditubuhkan di institusi, maka pada dasarnya kedua-dua TASKA ini adalah sama. Walau bagaimanapun, peraturan-peraturan minima berasingan akan diperbuat iaitu bagi TASKA yang diwujudkan di rumah dan TASKA yang diwujudkan di institusi-institusi lain.

Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk melaksanakan TASKA sendiri dan melalui Akta yang akan diwujudkan ini kita akan melihat perkembangan daripada masa ke semasa dan mengikuti perjalanan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi harapan Kementerian dan juga Kerajaan pada keseluruhannya bahawa pihak-pihak yang akan mewujudkan TASKA akan dapat juga mengambil perhatian yang serius terhadap kanak-kanak yang cacat yang berumur di bawah 4 tahun.

Kita menggalakkan bahasa TASKA-TASKA juga ditubuhkan bagi kanak-kanak yang berkenaan, sama ada secara tersendiri ataupun secara integrated, dengan kanak-kanak yang lain dan ini adalah menjadi harapan daripada pihak Kerajaan dan juga pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara-perkara yang besar telah pun saya sebutkan tadi terhadap isu-isu yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan memberi jaminan bahawa segala teguran-teguran yang membina yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan saya beri perhatian sendiri agar dapat Akta ini dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan bersama-samalah kita berdoa ke hadrat Allah subhanahuwataala bahawa usaha baik yang diperbuat oleh Kerajaan dan Kementerian ini akan mendapat kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 24 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 16 (3) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Tanggungjawab Awam dan Peranan Parlimen

6.45 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanggungjawapan awam Dewan yang mulia ini tahun demi tahun kelewatan dalam penyampaian Penyata-penyata Kewangan Tahunan oleh semua jabatan, kementerian dan Kerajaan kepada Ketua Odit Negara tidak mempunyai pembaikan sehingga Laporan Ketua Odit Negara 1981 hanya dibentangkan di Parlimen dalam tahun 1984.

Sebenarnya sehingga 31hb Julai, 1983 pihak berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, RISDA telah tidak mengemukakan penyata akaunnya bagi 1981. Laporan-laporan Odit telah sering kali mengulaskan mengenai kegagalan menyerahkan voucher-voucher bersama dengan dokumen-dokumen penyokong untuk pemeriksaan Odit. Sehingga masa ini apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk

mempastikan semua bayaran mesti disokong oleh voucer dan dokumen-dokumen penyokong yang lain. Laporan Odit 1981 telah mendedahkan bahawa daripada 381,482 pembayaran oleh 22 pejabat pembayaran voucer-voucer dengan dokumen-dokumen penyokong bagi akaun 12,769 pembayaran berjumlah \$271.1 juta telah tidak diserahkan oleh 17 pejabat pembayaran untuk diodit.

Dalam tahun 1981, 7 pejabat pembayaran gagal menyerahkan lebih kurang 2% atau lebih daripada voucer-voucer yang telah dipilih untuk diodit. Sebagaimana ditegaskan oleh Ketua Odit Negara kesempurnaan pembayaran seperti itu tidak dapat dipastikan tanpa dokumen-dokumen penyokong yang sepatutnya. Apakah langkah-langkah berkesan yang telah diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Telah menjadi satu kebiasaan untuk pegawai-pegawai kawalan gagal memberi pengesahan untuk berapa banyak perbelanjaan. Sama juga pegawai-pegawai kawalan telah sering

gagal mengesahkan pembetulan angka-angka perbelanjaan. Tidak sebarang pengesahan diterima daripada pegawai-pegawai pengawalan yang berkenaan mengenai sejumlah \$17,334.62 juta bagi 75 maksud perbelanjaan. Sebagaimana dinyatakan oleh Ketua Odit Negara dalam Laporan 1981, tidak terdapat apa-apa kemajuan dalam kedudukan ini. Daripada tahun 1978 sehingga kini apakah jabatan-jabatan yang telah dihadapkan kepada Perdana Menteri dan Tribunal

**Timbalan Menteri Pengangkutan
(Puan Hajjah Rahmah binti Othman):
(Bangun).**

Tuan Yang di-Pertua: Ya

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:
Saya minta jalan. Koram tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Sila bilang.

Sebelas orang, tidak cukup koram.
Sila bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan).

(Ahli-ahli dikira: 11 Ahli hadir).